

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Zakat merupakan salah satu daripada lima rukun Islam. Zakat wajib ke atas setiap individu Muslim yang telah memenuhi syarat. Zakat bertujuan untuk membersihkan diri dan harta, serta sebagai tanda kesyukuran terhadap nikmat yang telah diberikan Allah SWT. Daripada aspek sosial, zakat yang diagihkan boleh memberikan impak kepada pencapaian kesejahteraan ekonomi dan sosial serta mengukuhkan ekonomi sesebuah negara, khususnya untuk umat Islam. Ertinya, matlamat agihan zakat tidak terhad kepada memenuhi keperluan asas seharian orang-orang miskin sahaja, tetapi bagaimana zakat yang diagihkan boleh membantu mengurangkan dan seterusnya menghapuskan kemiskinan yang mereka alami.

Mengikut piawaian garis kemiskinan Bank Dunia (*World Bank*), sesebuah isi rumah dikatakan miskin apabila hanya berpendapatan USD 1.55 sehari atau Rp. 212.000 sebulan.¹ Daripada piawaian atau kayu ukur kemiskinan tersebut, didapati bahawa kadar kemiskinan di Indonesia telah mencecah angka sebanyak 31,020, 000 (tiga puluh satu juta dua puluh ribu orang).² Dianggarkan kira-kira 2 daripada 10 penduduk Indonesia berkemungkinan untuk menjadi miskin disebabkan oleh bencana-bencana alam, seperti tsunami, tanah runtuh, gunung berapi meletus, kekeringan, banjir dan lain-lain.

¹ <http://www.bisnis.com/articles/ketentuan-bank-dunia-tetap-jadi-kayu-ukur-garis-kemiskinan>. Sumber dicapai pada 15 Jun 2011.

² Berita Resmi Statistik, Badan Pusat Statistik, No. 45/07/Th. XIII, sumber dicapai pada 1 Juli 2010.

Berdasarkan Rancangan Anggaran Pendapatan dan Belanja Negara (RAPBN) tahun 2011, untuk mencegah kemiskinan yang telah mencecah angka Rp. 78.3 triliun³ dan diagihkan kepada pelbagai sektor di Indonesia belum mampu menyelesaikan masalah kemiskinan. Oleh itu, alternatif lain perlu diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Potensi zakat yang dimiliki oleh Indonesia adalah cukup besar. Ini terbukti dengan jumlah penduduknya yang mencecah seramai 237.641.326 juta orang⁴ dan majoritinya ialah orang Islam⁵. Sama seperti hasil perolehan pungutan zakat yang sudah dilakukan oleh Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) Indonesia. Sejak mula-mula ditubuhkan berdasarkan keputusan Presiden No. 8 tahun 2001, pada 17 Januari 2001, badan ini telah menunjukkan perkembangan pungutan zakat yang signifikan dan menggembirakan dari masa ke semasa. Kata alu-aluan Presiden Republik Indonesia Susilo Bambang Yudhoyono dalam ulang tahun Baznas ke-8 berdasarkan laporan Ketua Umum Baznas, KH Didin Hafidhuddin, melaporkan bahawa zakat yang dikumpul secara nasional pada tahun 2008 yang lalu telah mencapai angka sebanyak Rp 930 Miliar⁶. Ini menunjukkan kenaikan kira-kira Rp 160 Miliar dari tahun 2007 yang hanya

³ <http://bataviase.co.id/node/353914>, menurunkan angka kemiskinan di daerah.

⁴ www.bps.go.id, *Estimasi Jumlah Penduduk Indonesia Menurut Propinsi dari tahun 2005-2010*.

⁵ Prosentase agama yang benar berdasarkan bancian penduduk tahun 2010 berdasarkan agama menunjukkan, daripada Jumlah 218.868.791 orang pada tahun 2010 tersebut. Penduduk Muslim Indonesia adalah 207.176.162 orang (87,1%), diikuti Kristian berjumlah 16.528.513 orang (6,9 %), Khatolik berjumlah 6.907.873 orang (2,9 %), Hindu berjumlah 4.012.116 orang (1,68 %), Budha berjumlah 1.703.254 orang (0,7 %), Kong Hu Cu berjumlah 117.091 orang (0,5 %), dan agama lainnya berjumlah 299.617 orang (0,1 %), tidak terjawab berjumlah 139.582 orang (0,05 %), tidak disoal berjumlah 757.118 orang (0,03 %). (Lihat : Nurkholis Ghufiron, "Prosentasi Agama Menurut Sensus Penduduk 2012 Berdasarkan Agama", laman sesawang *Islamshout*, dicapai 26 April 2012, <http://islamshout.blogspot.com/2012/04/prosentase-agama-yang-benar-menurut.html>

⁶ Merujuk kepada potensi zakat sebenar di Indoensia, hasil yang telah diperoleh oleh Badan Amil Zakat Nasional tersebut masih sangat jauh dari harapan. Hasil penelitian dari pada Center For The Study of Religion and Culture (CSRC), iaitu sebuah Pusat Kajian Agama dan Budaya yang berada di bawah struktur Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta, menunjukkan data bahawa kemampuan umat Islam Indonesia dalam memberikan zakat pertahun nya ialah Rp.19.3 bilion (milyar). Maknanya

mencapai Rp 770 Miliar. Hasil ini sungguh memberangsangkan, sekali gus merupakan cabaran bagi komuniti zakat nasional untuk beroperasi dengan lebih baik di masa hadapan.⁷

Gambaran tentang potensi zakat di Indonesia tersebut telah pun disedari oleh Pemerintah Indonesia menerusi pembentukan Undang-undang No. 38 tahun 1999 tentang Pengelolaan Zakat⁸. Undang-undang tersebut telah memberikan peluang yang luas kepada masyarakat untuk menubuhkan atau membuka lembaga zakat di daerah masing-masing.

Seruan untuk mengeluarkan zakat oleh pemerintah tersebut juga telah memberikan motivasi kepada seluruh daerah di Indonesia. Hal tersebut boleh dilihat dengan Peraturan-Peraturan Daerah (PERDA) tentang zakat yang banyak di beberapa daerah⁹. Secara kuantitatif, undang-undang zakat Nombor 38 tahun 1999 telah menjadi petunjuk bagi dunia perzakatan yang mempunyai prospek yang baik di Indonesia.

Semangat yang sama juga telah ditunjukkan dalam kalangan ahli akademik khususnya di Institusi Pengajian Tinggi. Pengajian Tinggi di Indonesia mempunyai Tri

berdasarkan perolehan kutipan zakat BAZNAS masih sangat kecil sekali, dan ini perlu perhatian yang sangat serius dari pelbagai elemen Negara sama ada dari Pemerintah atau masyarakat awam.

⁷ Irfan Syauqi Beik, "Mengakselerasi pertumbuhan zakat", www.ppimalaysia.org, 2009. (Lihat juga, *Presiden Berharap Zakat tahun ini Melimpah*, di; Tempo Interaktif ; <http://202.158.52.210/hg/nasional/2009/01/17/brk,20090117-155672,id.html>)

⁸ Lihat Bab I dalam Ketentuan Umum pasal 3 Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 38 Tahun 1999 tentang Pengelolaan zakat. Selanjutnya tentang pengelolaan dan pembentukan Badan Amil Zakat (BAZ) dan Lembaga Amil Zakat (LAZ) di jelaskan dalam Bab III pasal 6, 7 dan 8 tentang Organisasi Pengelolaan Zakat dan tugas-tugasnya. Undang-undang inipun telah diperkuat lagi dengan dikeluarkannya Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia Nomor 581 tahun 1999 tentang Pelaksanaan Undang-Undang Pengelolaan Nomor 38 Tahun 1999.

⁹ Seperti di Aceh, Lembaga Amil di Aceh dipanggil dengan nama "Baitul Mal", iatu sebuah badan *independen non structural* yang ditubuhkan oleh pemerintah Aceh bagi mentadbir harta zakat dan harta agama lainnya, penubuhannya diatur dalam Qanun No/7/2004 dan No. 10/2007 Tentang Pengelolaan Zakat dan Surat Keputusan Gabenor No. 18/2003, tentang Tata Kerja Badan Baitul Mal Nangroh Aceh Darussalam. Di Medan, Keputusan Gabenor Sumatera Utara Nombor : 415. 7. 05/5362/K pada 23 April 2001 Tentang Pembinaan Basis dan Petunjuk Pelaksanaan. Di Malang, Jawa Timur, Pembentukan Badan Amil Zakat berdasarkan kepada, Keputusan Walikota Malang Nombor : 188.45/216/35.73.112/2007 Tentang Pembentukan Kepengurusan Badan Amil Zakat (BAZ) Kota Malang.

Dharma (tiga tuntutan kelakuan) Pengajian Tinggi¹⁰ yang harus diamalkan dalam proses pembelajarannya. Institusi Pengajian Tinggi merupakan tempat berkumpul bagi para pemikir dan para pakar dari pelbagai disiplin ilmu yang terdiri daripada profesor, pensyarah dan para pelajar siswazah (mahasiswa) yang sentiasa melakukan tiga tuntutan tersebut. Ketiga-tiga elemen tersebut adalah bersatu. Apabila salah satu daripadanya ditinggalkan, tugas-tugas dan fungsi pengajian tinggi akan kekurangan nilai dan maknanya.

Pengajian tinggi memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan zakat. Menurut Sudirman (2007), peranan tersebut boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pengenalan konsep zakat dan juga penyediaan tenaga ahli zakat.¹¹ Beliau menjelaskan lagi dalam konteks pengenalan konsep zakat kepada para pelajar, kampus yang berasaskan Islam seperti Universiti Islam atau Institut Agama Islam akan menjadikan kajian zakat sebagai salah satu bidang pengajian dalam kelas. Manakala untuk pengajian tinggi umum pula, kajian zakat akan dimasukkan dalam bidang pengajian subjek ilmu agama Islam

Selain itu, Pusat Pengajian tinggi juga berfungsi sebagai tempat menyediakan tenaga profesional amil zakat. Peranan pusat pengajian tinggi di dalam konteks ini tidak dapat dinafikan lagi. Sebagai sebuah institusi pendidikan, mereka bertanggungjawab untuk menyediakan tenaga-tenaga profesional yang telah bersedia. Tenaga profesional ini amat diperlukan untuk berkongsi ilmu dengan masyarakat. Sebagai seorang mahasiswa, mereka haruslah menjadi seorang yang bersikap professional, terdidik dan berkemampuan.

¹⁰ Tri Dharma Pengajian Tinggi meliputi kepada tiga hal, iaitu: 1. Pendidikan dan Pengajaran; 2. Penelitian; 3. Pengabdian kemasyarakatan.

¹¹ Sudirman, *Zakat Dalam Pusaran Arus Modernitas*, (Malang: UIN-Malang Press, 2007), 157

Oleh itu, langkah-langkah yang lebih nyata dan praktikal adalah diperlukan untuk menghasilkan modal insan yang mempunyai kepakaran dalam bidang zakat. Media-media massa yang mengamalkan zakat adalah amat diperlukan dalam pengajian tinggi¹², Media ini diperlukan sebagai media pembelajaran secara langsung untuk para pelajar atau sebagai media hal ehwal masyarakat berkaitan dengan pengumpulan zakat daripada para *Muzakki* Ataupun daripada kalangan kakitangan pengajian tinggi tersebut dan masyarakat yang mempunyai kewajipan mengeluarkan zakat. Sehubungan dengan itu, dana zakat yang telah dikumpul itu akan dapat membantu pelajar-pelajar institusi itu yang kurang berkemampuan. Bantuan juga boleh diberikan kepada masyarakat berhampiran kampus yang tergolong dalam golongan asnaf seperti yang telah ditetapkan oleh agama, sama ada secara konsumtif atau produktif.

1.2 Latar Belakang Kajian

Berdasarkan tragedi yang telah berlaku di Pasuruan, Jawa Timur Indonesia pada akhir tahun 2008¹³, berpuluh-puluh orang Islam telah terkorban dan belasan lainnya telah tercedera akibat cara pengagihan zakat yang salah. Hal ini menunjukkan kelemahan sistem dan pengurusan dana zakat di Indonesia yang perlu diatasi dengan segera.

¹² Sebagai contoh adanya Pusat Kajian Zakat dan Wakaf (eL-Zawa) di Universiti Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang, Jawa Timur, dan selanjutnya akan penulis gunakan sebagai objek penelitian dalam penulisan tesis ini. Ia merupakan salah satu unit khusus yang menjadikan zakat dan wakaf sebagai pusat kajiannya. Ianya bukan sahaja bertekad untuk menjadi salah satu instrument kajian keilmuan dan wahana mengaplikasikan manajemen ZIS dan wakaf secara professional di lingkungan kampus tersebut, tetapi ia juga boleh menjadi sarana pusat studi bagi para pelajarnya di dalam pengkajian zakat khususnya, sebagaimana dijelaskan di atas tadi bahwa kajian tentang zakat zakat merupakan salah satu bidang pengajian yang di tawarkan di dalam kelas formal akademik.

¹³ Data Terbaru Pembahagian Zakat Pasuruan, <http://news.okezone.com/index.php/ReadStory/2008/09/15/1/146261/data-terbaru-korban-pembagian-zakat-pasuruan>, di akses pada 3 Desember 2010.

Merujuk kepada perkara tersebut, Efry Syamsul Bahri¹⁴ berpendapat bahawa sekurang-kurangnya terdapat dua masalah yang dihadapi dalam menguruskan zakat di Indonesia. *Pertama*, sistem pengendalian zakat yang masih lagi bercorak tradisional. Lazimnya, amil zakat bukanlah suatu jawatan yang boleh dianggap sebagai sebuah kerjaya. Amil zakat hanya akan bekerja sewaktu pungutan zakat fitrah sahaja kerana pungutan zakat harta biasanya dikendalikan oleh pengurus masjid. Sistem pengendalian zakat secara tradisional ini amatlah terbatas, ini menyebabkan kesukaran untuk menghitung jumlah sebenar zakat yang telah dikumpul oleh para pengurus/ petugas masjid itu.

Kedua, sistem pengurusan zakat secara tradisional juga menyebabkan kutipan zakat yang dibuat tidak mampu mencapai tahap yang maksima. Kesannya, jumlah fakir dan miskin akan terus meningkat. Hal ini juga disebabkan oleh pola pengagihan zakat yang tidak produktif. Tragedi peristiwa pengagihan zakat di Pasuruan merupakan salah satu kesan daripada sistem pengagihan zakat yang tradisional dan kurang profesional.

Agama Islam menggalakkan umatnya supaya bersifat proaktif dalam bekerja termasuk dalam pelbagai aktiviti ekonomi. Masalah pengagihan zakat merupakan salah satu masalah utama dalam interaksi ekonomi. Pengagihan zakat merupakan aktiviti penyaluran dana zakat yang telah dikutip daripada *muzakki* untuk diberikan kepada para *mustahiq* menerusi lembaga pengelolaan zakat. Aktiviti pengagihan ini haruslah dijalankan dengan amanah dan tepat supaya harta ini bersifat produktif dan dapat memberi faedah yang berpanjangan kepada *mustahiq*. Melalui pengagihan ini, para penerima zakat diharapkan supaya menjadi seorang *muzakki* pula pada masa hadapan. Corak pengurusan dana zakat yang diagihkan secara tradisional dan konsumtif oleh pengelola zakat dianggap tidak menyentuh punca permasalahan yang dihadapi oleh para

¹⁴ Pensyarah Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi SEBI

mustahiq. Ini kerana masalah yang mereka hadapi hanya dapat diselesaikan buat sementara waktu sahaja.

Untuk mendapatkan agihan yang tepat, corak pengagihan yang bersifat konsumtif dan tradisional ini perlu ditukar kepada cara pengagihan yang bersifat produktif. Contohnya dalam bentuk permodalan masyarakat miskin. Corak agihan ini haruslah dapat mewujudkan hubungan antara konsep zakat dengan pembangunan ekonomi serta keadilan sosial.¹⁵

Dalam usaha untuk mengatasi kelemahan sistem pengagihan zakat secara tradisional, Pusat Kajian Zakat dan Wakaf (eL-Zawa) telah mengambil langkah untuk mengagihkan dana zakat dengan langkah yang lebih produktif. Pusat Kajian Zakat dan Wakaf (eL-Zawa) merupakan salah satu unit yang berada di bawah naungan Universiti Islam Negeri Malang. Pusat Kajian Zakat dan Wakaf (eL-Zawa) telah ditubuhkan pada 27 Januari 2007. Organisasi ini sudah mempunyai cara tersendiri dalam menguruskan harta zakat untuk diagihkan kepada mereka yang kurang berkemampuan di dalam Universiti Islam Negeri Malang meskipun baru sahaja ditubuhkan. Golongan yang kurang berkemampuan ini jarang diambil kira oleh pusat-pusat pengajian tinggi di Indonesia terutamanya di bahagian Jawa Timur. Salah satu daripada misi eL-Zawa adalah untuk menjadikan eL-Zawa sebagai contoh terbaik dalam pengurusan ZIS dan Wakaf untuk dicontohi oleh organisasi-organisasi lain yang serupa di peringkat tempatan dan kebangsaan (internasional).

Selain program-program pemantapan sumber modal insan dalam bidang zakat¹⁶, lembaga ini juga telah merancang pola-pola pengagihan dana zakat melalui usaha-usaha

¹⁵ Armiadi Musa Basyah (2008), *Tesis Ijazah doktor Falsafah Syariah*, Universiti Malaya.

¹⁶ Misalnya dengan diadakannya berbagai macam seminar dan pelatihan tentang zakat sama ada di lingkungan kampus/pengajian tinggi mahupun di luar kampus, pertukaran pensyarah/ tetamu pensyarah dengan UiTM Malaysia, menubuhkan pusat zakat, dan sebagainya.

yang lebih produktif¹⁷ sesuai dengan perkembangan semasa dan masih tidak bercanggah dengan hukum syarak. Contohnya, dana sedia ada akan diagihkan dalam bentuk pinjaman modal usaha bergilir tanpa faedah dengan akad *al-qard al-hasan*. Dana zakat itu akan dipinjamkan sebagai modal usaha kepada masyarakat miskin tanpa dikenakan faedah dan dikembalikan dengan tujuan untuk diberikan kepada golongan miskin yang lain. *Mur bahah* iaitu jualan dengan harga yang lebih tinggi daripada harga modal¹⁸, dalam hal ini *'āmil* bertindak sebagai penjual, manakala *mustahiq* pula sebagai pembeli. Dalam *mur bahah*, keuntungan daripada harga asal barang tersebut akan disesuaikan dengan kesanggupan pembeli/ *mustahiq* dan pembayarannya pula dilakukan secara ansuran serta disesuaikan dengan kemampuannya juga. Seterusnya, *Muḍarabah* ialah seseorang memberi seorang yang lain satu jumlah modal untuk diusahakan dengannya, lalu disepakati oleh kedua-duanya satu jujuk (nisbah) yang tertentu dari keuntungan, sama ada 1/3, ¼ ½ (dari pada keuntungan)¹⁹, dalam hal ini eL-Zawa merupakan pihak yang menyediakan modal dan barang untuk diniagakan atau diuruskan, manakala pihak daripada golongan asnaf merupakan pengelolanya dengan pembahagian keuntungan yang sudah dipersetujui. Yang terakhir adalah program pendampingan kepada Usaha Mikro Kecil Menengah (UMKM) untuk peniaga di sekitar kampus UIN Malang yang mengalami kesusahan dalam permodalan²⁰.

¹⁷ Yang dimaksudkan dengan usaha produktif iaitu pelbagai aktiviti yang dapat mendatangkan hasil atau pulangan yang mencukupi bidang perniagaan, sektor pertanian, peternakan, jasa dan usaha-usaha ekonomi lainnya. Yang dimaksud dengan zakat produktif sebagaimana yang akan diguna pakai dalam penulisan tesis ini ialah zakat di mana harta atau dana zakat yang diberikan kepada para *mustahiq* tidak dihabiskan akan tetapi dikembangkan dan diguna pakai untuk membantu usaha mereka, sehingga dengan usaha tersebut mereka dapat memenuhi keperluan asasi secara berterusan. (lihat, Asnaeni, *Zakat Produktif dalam Perspektif Hukum Islam*, (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2007), 64

¹⁸ Zaharuddin Abd. Rahman, *Panduan Perbankan Islam : Kontrak & Produk asas*, ed. Ke-1 (Kuala Lumpur: Telaga Biru sdn. Bhd, 2009), 19 .

¹⁹ *Ibid.*, 82 .

²⁰ Tujuan dari pendampingan ini diharapkan mampu memberikan pemahaman yang utuh tentang pengembangan dan manajemen kewangan melalui pembinaan dan pemberian pinjaman modal kepada para pedagang dan pengusaha mikro kecil agar dapat menstimulasi atau merangsang perkembangan kegiatan ekonomi dan pada tahap selanjutnya akan mengarahkan mereka dari posisi *mustahik* zakat menjadi *muzakki*.

Daripada perbincangan di atas, sudah jelas bahawa eL-Zawa UIN Malang telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk membantu masyarakat yang kurang berkemampuan untuk membangunkan dan meningkatkan ekonomi mereka. Walaubagaimanapun, terdapat segelintir masyarakat yang kurang bersetuju dengan corak-corak pengagihan seperti itu. Ini kerana dana zakat dianggap sebagai hak mutlak *mustahik*.

1.3. Permasalahan kajian

Merujuk kepada latar belakang kajian di atas, lembaga atau institusi pengelola zakat memainkan peranan yang sangat penting di dalam menguruskan dana-dana zakat yang dipungut daripada para pembayar zakat (*muzakki*) yang berkemampuan untuk diagihkan semula kepada para penerima (*mustahiq*) zakat. Dengan kecekapan institusi zakat dalam mengelola dana zakat akan dapat mencapai tujuan disyariatkannya zakat itu sendiri, iaitu menolong dan membimbing asnaf terutamanya fakir miskin ke arah kehidupan yang lebih baik dan lebih sejahtera. Justeru, mereka mampu untuk memenuhi keperluan hidup mereka selayaknya. mereka juga dapat beribadah kepada Allah dengan tenang, menghindarkan diri daripada kekufuran serta boleh menghilangkan perasaan iri hati dan hasad dengki terhadap orang kaya.

Pengurusan harta zakat terutamanya berkaitan agihan, eL-Zawa telah melakukan dengan cara yang produktif, seperti pinjaman modal usaha bergilir²¹ tanpa faedah dengan akad *al-qarḍ al-ḥasan*, *murābahah*, *muḍārabah* dan lain-lain. Hal tersebut merupakan kaedah baru dalam pengurusan harta zakat yang memerlukan kajian yang lebih mendalam untuk mengetahui sekiranya kaedah-kaedah tersebut bercanggah

²¹ Yang dimaksudkan dengan pinjaman modal usaha bergilir ialah dana zakat yang dipinjamkan kepada *mustahik* untuk tujuan modal perniagaan, setelah modal pinjaman tersebut dikembalikan akan dipinjamkan kembali kepada *mustahik* lain yang hak sebelumnya tertunda (*revolving* ulang).

dengan syarak ataupun tidak. Sebahagian ulama' berpandangan bahawa persoalan zakat masih boleh ditafsirkan dan dipraktikkan sesuai dengan keadaan dan keperluan semasa.

Berdasarkan perbincangan tersebut timbul beberapa persoalan, bagaimana sebenarnya harta zakat di eL-Zawa diuruskan? Adakah ia selaras dengan syarak atau tidak? Sekiranya ya, bagaimana sistem pelaksanaannya? Apakah masalah yang dihadapi dan bagaimana cara mengatasi permasalahannya?

Untuk menjawab persoalan inilah pengkaji telah membuat penyelidikan berkaitan dengan tajuk pengurusan harta zakat di Pusat Kajian Zakat dan Wakaf (eL-Zawa) Universiti Islam Negeri (UIN) Malang. Perbincangan masalah dalam kajian ini, akan penulis fokuskan pada sistem pungutan dan agihan zakat yang telah dan sedang dilakukan di Pusat Kajian Zakat dan Wakaf (eL-Zawa) Universiti Islam Negeri Malang serta apakah masalah-masalah yang dihadapi eL-Zawa dalam pengurusan harta zakatnya dan cadangan penyelesaian yang telah diambil. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi terhadap permasalahan mengenai bagaimana sistem pungutan dan agihan dana zakat di eL-Zawa perlu dilakukan. Juga untuk menjawab persoalan apakah sistem-sistem agihan dengan cara-cara produktif tersebut tidak bercanggah dengan syarak kerana pengertian zakat dalam pandangan masyarakat awam ialah merupakan hak mutlak yang harus diberikan kepada *mustahik* sebagaimana telah dijelaskan sebelumnya.

1.4. Persoalan Kajian

Selaras dengan permasalahan kajian di atas, tesis ini akan berusaha untuk menjawab beberapa persoalan yang berhubung kait dengan pengurusan zakat di Pusat Kajian Zakat dan Wakaf (eL-zawa) UIN Malang. Adapun beberapa persoalan kajian berikut ialah sebagai berikut:

- 1.4.1. Bagaimanakah sistem pengurusan harta zakat di eL-Zawa?
- 1.4.2. Bagaimanakah pungutan zakat di eL-Zawa dilaksanakan?
- 1.4.3. Bagaimanakah agihan dana zakat dilakukan di eL-Zawa?
- 1.4.4. Apakah masalah yang dihadapi eL-Zawa dalam pengurusan harta zakatnya?

1.5. Objektif kajian

Secara amnya tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat secara terperinci mengenai pengurusan harta zakat di Pusat Kajian Zakat dan Wakaf (eL-Zawa) universiti Islam Negeri Malang Indonesia.

Antara lain objektif khusus kajian ini ialah;

- 1.5.1. Mengkaji sistem pengurusan zakat di eL-Zawa.
- 1.5.2. Mengkaji pelaksanaan pungutan zakat di eL-Zawa.
- 1.5.3. Menganalisis kaedah agihan dana zakat di eL-Zawa.
- 1.5.4. Menganalisis masalah yang dihadapi eL-Zawa dalam pengurusan harta zakatnya.

1.6. Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan bagi lembaga pengelola zakat untuk meningkatkan lagi sistem pengurusan dana zakatnya bagi mencapai tujuan seperti yang disebutkan di atas.

Bagi eL-Zawa, Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan input yang positif untuk meningkatkan dan memperkasakan lagi linstitusi zakat ini agar lebih berdaya saing dan lebih profesional. Kesan positif juga diharapkan daripada institusi-institusi

lembaga zakat yang lain, terutamanya institusi-institusi pengajian tinggi yang terdapat di Indonesia dan Jawa Timur terutamanya sekaligus sebagai contoh terbaik lembaga zakat.

Sekiranya eL-Zawa mampu mentadbir lembaganya dengan lebih profesional dan lebih berkesan kepada masyarakat, tentu keyakinan para *muzakki* untuk membayar zakat mereka melalui eL-Zawa akan lebih kuat.

Secara akademik, kajian ini diharapkan mampu memberikan sumbangan pemikiran terhadap pengembangan kajian Islam, khususnya dalam bidang zakat sama ada secara teoritikal mahupun praktikal.

1.7. Skop Kajian

Kajian ini berkisarkan tentang pengurusan harta zakat di Pusat Kajian Zakat dan Wakaf (eL-Zawa) Universiti Islam Negeri Malang. Skop kajian ini akan fokus kepada sistem pungutan dan agihan dana zakat, serta mengenal pasti masalah yang dihadapi eL-Zawa dalam pengurusan harta zakatnya dan cadangan yang digunapakai dalam penyelesaiannya.

Kajian ini akan dilakukan di Pusat Kajian Zakat dan Wakaf (eL-Zawa) Universiti Islam Negeri Malang, kerana eL-Zawa lebih inovatif dalam pengurusan dana zakat jika dibandingkan dengan lembaga lain yang ada di bawah institusi pengajian tinggi.

Oleh sebab kajian ini adalah mengenai pengurusan harta zakat di eL-Zawa UIN Malang, maka responden kajian ini telah dihadkan kepada pengerusi dan kerani yang mengetahui dan memahami hal ehwal pengurusan zakat di eL-Zawa sahaja.

1.8. Huraian Istilah

Dalam penulisan disertasi ini terdapat beberapa istilah yang akan digunakan. Oleh itu penjelasan beberapa istilah tersebut perlu diambil kira agar tidak menukarkan makna dan maksud daripada tajuk perbincuan. Pengertian daripada beberapa istilah tersebut akan diambil daripada kamus-kamus yang berkaitan dan beberapa buku yang telah menjelaskan pengertian daripada istilah tersebut.

1.8.1. Pengurusan

Dalam kamus pelajaran bahasa Malaysia, pengurusan berasal daripada perkataan 'urus' yang bermaksud berhubung dengan pihak-pihak tertentu untuk menyelesaikan sesuatu perkara.²² Sedangkan kata 'pengurusan' itu sendiri menurut Kamus Dewan Bahasa bererti perihal (kerja dan sebagainya) mengurus sesuatu, perihal mengurus (syarikat, badan perniagaan, dan lain-lain).²³

Menurut Asmadi Mohamed Naem, seperti yang dikatakan oleh Frederick Taylor seorang ahli Sarjana Barat mengenai definisi pengurusan itu ialah aktiviti untuk menentukan dan mengetahui matlamat yang wajib dicapai dengan usaha yang mampu menggunakan segala tenaga dan sumber yang ada.²⁴

Menurut Abu Maswah Nasih, pengertian pengurusan ialah sebahagian daripada aktiviti atau proses tertentu untuk mencapai sasaran dan tujuan dengan menjalankan setiap fungsi yang bersesuaian dengan ketentuan yang ditetapkan.²⁵ sebahagian sarjana yang lain pula berpendapat pengurusan adalah himpunan pekerjaan pengurusan seperti

²² Kamus Pelajar Bahasa Malaysia (1987), *Edisi kedua*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 763.

²³ Kamus Dewan (2007), *Edisi keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1780.

²⁴ Asmadi Mohamed Naem, *Maqāsid Sharī'ah dan Pemikiran Pengurusan Islam* (Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2003), 37.

²⁵ Abu Maswah Nasih, *Pengurusan Menurut Ajaran Al-Qur'an* (Kuala Lumpur: Serambi Timur Sdn. Bhd., t.t), 2.

mengeluarkan idea, perancangan, penyusunan, pengaturan, mengeluarkan arahan (penyeliaan), kepimpinan dan pengawasan.²⁶

Daripada beberapa istilah yang telah diambil sama ada dari kamus-kamus atau pandangan beberapa sebahagian ulama di atas, satu kesimpulan dapat dibuat bahawa yang dimaksudkan dengan pengurusan dalam penulisan disertasi ini ialah aktiviti atau proses menguruskan dana zakat (bermula dari pungutan, agihan sehingga kepada pengelolaannya) yang telah dihimpun daripada *Muzakki* bersesuaian dengan ketentuan yang telah ditetapkan oleh Syariat Islam untuk mencapai matlamat tertentu yang telah ditetapkan.

1.8.2. Pungutan

Perkataan pungutan berasal daripada kata dasar “*pungut*” yang bererti menarik atau mengutip (bia, cukai, derma, sewa, tol, dan lain-lain). Perkataan pungutan itu sendiri bererti sesuatu yang dipungut,²⁷ bermaksud terdapat barang yang dipungut, ditarik atau dikutip. Dalam kajian ini, kata pungutan merujuk kepada zakat yang dipungut, dikutip atau ditarik daripada muzakki.

1.8.3. Agihan

Menurut Kamus Dewan Bahasa, perkataan agihan berasal daripada kata dasar “*agih*” yang bererti apa yang diagihkan atau dibahagikan.²⁸ Penggunaan istilah tersebut dalam penulisan tesis ini adalah dimaksudkan dengan agihan merupakan suatu aktiviti membahagikan dana zakat yang sudah dipungut dari pada muzakki kepada mustahik bersesuaian dengan ketetapan syariat Islam.

²⁶ Asmadi Mohamed Naem (2003), *Op. cit.* 37.

²⁷ Kamus Dewan (2010), *Op cit.*, 1249-1250.

²⁸ *Ibid.*, 14

1.9. Ulasan Kajian Lepas

Banyak kajian mengenai zakat telah dilakukan oleh para penulis dan pengkaji tempatan dan luar negara. Namun masih belum ada kajian yang menulis tentang pengurusan harta zakat di Pusat Kajian Zakat dan Wakaf (eL-Zawa) Universiti Islam Negeri Malang kerana lembaga ini baru sahaja ditubuhkan.

1.9.1. Pengurusan Zakat dan Beberapa Permasalahan Yang Merangkuminya

Muhammad Syukri Salleh (2002),²⁹ telah cuba untuk memberikan penyelesaian dalam pengurusan zakat supaya dapat menarik lebih ramai pembayar zakat. Menurut beliau, hal tersebut boleh dicapai dan ditingkatkan dengan memanfaatkan asnaf-asnaf secara nampak di depan mata atau dalam istilah beliau lokalisasi zakat. Dalam hal ini institusi zakat haruslah menjalankan kegiatan seperti mengadakan pemungutan dan pengagihan zakat di kalangan masyarakat tempatan, untuk ini penglibatan orang tempatan dalam perlaksanaannya adalah diperlukan. Orang tempatan juga diperlukan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat tempatan serta melaksanakan program-program tersebut melalui proses desentralisasi.

M. Shiddiq Al-Jawi (2004),³⁰ menjelaskan tentang konsep zakat, yakni sebagaimana yang ditunjukkan oleh nas-nas syarak dalam Al-Quran dan Al-Sunnah. Beliau juga telah mengajak kita untuk menela'ah kembali tentang konsep zakat secara teori dan praktikal. Secara teorinya beliau menyebutkan bahawa sekiranya terdapat ijtihad, ijtihad itu harus dibuktikan dengan dalil syariah yang kuat supaya sah dalam penilaian syarak. Selain itu, konsep-konsep Islam lain dalam bidang ekonomi juga harus

²⁹ Muhammad Syukri Salleh, *Lokalisasi Zakat: Satu Cadangan Teoritis* (Kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Pakar Zakat anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002).

³⁰ M. Shiddiq Al-Jawi, Reinterpretasi Alokasi zakat : Mengkaji Ulang Mekanisme Distribusi Zakat dalam Masyarakat Modern, *Jurnal Ekonomi Rakyat*, V.1(2004).

dipelajari, seperti pemanfaatan harta kekayaan milik umum (*milkiyyah ‘āmmah*), termasuk juga mengenai zakat dengan negara Khilafah sebagai institusi pelaksanaannya agar umat Islam dapat memahaminya secara menyeluruh.

Beliau juga menjelaskan mengenai mekanisme sebenar dalam pengagihan zakat pada zaman moden ini. Jika dilihat di Indonesia, aktiviti pengagihan zakat yang dijalankan masih kurang memberikan impak terhadap perkembangan masyarakat terutamanya untuk mengurangkan bilangan masyarakat miskin. Beliau juga berpendapat bahawa tahap kesedaran masyarakat mengenai pembayaran zakat sudah berada di tahap yang tinggi. Namun, beliau berhasrat agar hasil zakat tersebut dapat dijadikan kepada sesuatu yang lebih produktif sehingga kesannya dapat dirasakan oleh masyarakat secara langsung.

Negara memainkan peranan yang sangat besar dalam pengagihan zakat terutamanya dalam menguruskannya kerana tanggungjawab menguruskan zakat bukanlah tanggungjawab individu ataupun lembaga-lembaga sosial. Dalam erti kata lain, yang disebutkan dengan Amilin Zakat adalah orang-orang yang telah ditetapkan oleh khalifah (ketua negara) untuk mengumpulkan dan membahagikan zakat. Mereka itulah yang berhak mendapatkan bahagian harta zakat daripada golongan “Amilin Zakat”. Selain mereka bukanlah Amilin zakat, yang berhak mendapat bahagian harta zakat.³¹ Di mana pada awalnya, ayat tersebut merupakan perintah Allah kepada Rasulnya (sebagai ketua Negara) untuk memungut zakat. Untuk kepentingan ini, maka Rasulullah SAW mengutus para sahabatnya (sebagai amil zakat) untuk memungut dan membahagikan zakat, misalnya dengan mengutus Mu’adz bin Jabal ke Yaman.

³¹ Sila rujuk ke dalam al-Quran surah al-Taubah ayat 103.

1.9.2. Keberkesanan Undang-undang dan Penguatkuasaan zakat terhadap kepatuhan membayar zakat

Berkaitan dengan persoalan di atas dan berdasarkan perkembangan fiqah semasa, Kamil Md. Idris (1998)³² melalui kajiannya telah berusaha untuk mengkaji pengaruh undang-undang dan penguatkuasaan yang berlaku di Malaysia terhadap kepatuhan membayar zakat. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa undang-undang zakat masih berada di tahap yang lemah begitu juga dengan penguatkuasaan zakat yang tidak dilaksanakan atau dibuat langsung. Hal ini memberikan impak kepada tahap kepatuhan membayar zakat yang rendah di kalangan *Muzakki*.

Dalam kajian ini, melalui beberapa perbincangan yang dihuraikan dalam penulisan beliau, suatu kesimpulan telah dibuat. Mereka yang memandang positif terhadap undang-undang zakat adalah mereka yang membayar zakat, keadaan ini konsisten dengan teori kognitif yang menegaskan bahawa pengembangan moral dan nilai individu memainkan peranan dalam mempengaruhi reaksi kepatuhan. Adalah dipercayai bahawa manusia selalu menggunakan kedudukan moralnya dalam menentukan kewajaran sesuatu undang-undang. Jika seseorang individu mempunyai moral yang positif maka persepsinya terhadap undang-undang juga akan menjadi positif. Kemudian, terdapat majoriti pekerja Islam sendiri yang tidak yakin dengan undang-undang zakat sedia ada. Di antara undang-undang yang masih dipandang negatif adalah termasuk: undang-undang zakat yang kurang jelas; undang-undang yang sedia ada tidak mencukupi; undang-undang zakat tidak meliputi keseluruhan jenis zakat; hukuman dan denda dalam undang-undang zakat dianggap terlalu ringan. Berdasarkan ini kerajaan perlu mengambil kira tentang polisi undang-undang yang jelas dan tegas mengenai zakat. Maksudnya persepsi masyarakat terhadap undang-undang zakat

³² Kamil Md. Idris, Kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji, *Jurnal Syariah* 6, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (1996), 1-10.

menentukan aras kutipan zakat dengan cara mempengaruhi reaksi kepatuhan zakat seseorang.

1.9.3. Pengagihan Zakat dan Keberkesannya terhadap institusi zakat

Sementara itu, Sanep Ahmad dan kawan-kawan (2005)³³ melalui kajiannya berpendapat bahawa persepsi tentang agihan zakat mempengaruhi sikap kepatuhan pembayar zakat secara positif. Kajian tersebut menunjukkan bahawa sikap kepatuhan pembayar zakat terhadap institusi formal mengikut negeri adalah berbeza-beza. Selain itu, kajian tersebut juga menunjukkan bahawa setiap negeri mempunyai prestasi dan keupayaan yang berbeza-beza dalam membantu asnaf yang terlibat. Dalam hal ini, salah satu faktor penting yang mendorong individu membayar zakat kepada institusi formal kutipan zakat adalah perasaan puas hati terhadap pengurusan dan agihan zakat oleh pusat zakat.

Kajian yang dilakukan oleh Hairunnizam Wahid dan kawan-kawan (2009)³⁴ adalah berkaitan dengan perasaan puas hati para pembayar zakat terhadap institusi zakat. Para pembayar zakat di Malaysia didapati tidak berpuas hati terhadap cara pengagihan zakat yang dilakukan oleh institusi zakat. Punca permasalahannya adalah kerana kaedah pengagihan zakat yang dinilai tidak jelas iaitu maklumat pengagihan yang tidak menyeluruh, pengagihan tidak menyeluruh mengikut asnaf, jumlah pengagihan yang tidak mencukupi, dan lain-lain. Daripada hasil kedua-dua kajian di atas, dapat disimpulkan bahawa agihan yang berkesan, telus dan jujur akan melahirkan

³³ Sanep Ahmad, et al., persepsi Agihan Zakat dan Kesannya terhadap pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal, *Jurnal Ekonomi Malaysia* 39, no. 53-69 (2005).

³⁴ Hairunnizam Wahid, et al, Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati, *Jurnal Syariah* 17, no. 1 (2009), 89-112.

perasaan puas hati dan meraih keyakinan pembayar zakat dan pada tahap selanjutnya akan dapat meningkatkan jumlah kutipan zakat.³⁵

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Ali Mohd Nor dan kawan-kawan (2004)³⁶ mendapat hasil berlainan. Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap pekerja kumpulan pengurusan dan kakitangan akademik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang beragama Islam, mereka mendapati bahawa faktor keimanan dan pengetahuan zakat mempengaruhi pembayaran zakat (pendapatan). Ini bermakna semakin tinggi tahap keimanan dan pengetahuan zakat seseorang individu Muslim, mereka akan lebih cenderung untuk membayar zakat pendapatan. Hasil kajian ini juga menunjukkan pengetahuan mengenai fungsi PPZ tidak mempengaruhi keputusan *Muzakki* untuk membayar zakat. Hasil mengenai kecenderungan membayar zakat dipengaruhi oleh faktor dalaman adalah penting dalam penggubalan dasar. Ia jelas menunjukkan bahawa usaha meningkatkan pungutan zakat perlu dilakukan dengan cara yang berintegrasi serta melalui pendekatan yang menyeluruh. Selain daripada usaha untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mengenai zakat pendapatan dibuat secara langsung, program dan dasar yang dapat meningkatkan dan mengekalkan tahap keimanan juga penting untuk tujuan ini.

Menurut Patmawati Bte Hj Ibrahim (2007)³⁷, zakat bukan sahaja boleh meningkatkan pendapatan kerajaan sahaja tetapi lebih daripada itu. Zakat merupakan tanggungjawab seorang Islam kepada agama. Kesimpulan akhir beliau ialah agihan zakat sekiranya dikendalikan dengan baik dan berkesan akan mampu mengurangkan kadar kemiskinan, jurang kemiskinan dan tekanan kemiskinan.

³⁵ Sila rujuk juga dalam Haji Mohamed Izam b. Mohamed Yusof, *Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Mengorak Langkah Meneraju Perubahan*, Paper pembentangan LZS, USM (2010).

³⁶ Mohd Ali Mohd Nor, et al., Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia, *Jurnal Islāmīyyāt* 2, ed. 26, no. 59-67, (2004).

³⁷ Patmawati Bte Hj. Ibrahim (2007), *Peranan Agihan Zakat dalam Meningkatkan Ekonomi Ummah*. http://zakat.com.my/kertas_kerja/Patmawati.pdf

Dalam kajiannya yang lain mengenai pembangunan ekonomi melalui agihan zakat yang ditinjau secara empirik, Patmawati Ibrahim (2008) memberi kesimpulan bahawa zakat yang dilaksanakan dengan berkesan akan dapat meningkatkan kerohanian masyarakat serta dapat meningkatkan tahap sosio-ekonomi ummah. Dalam hal ini, keberkesanannya boleh dirasakan apabila wujudnya kerjasama dan tindakan bersepadu antara semua pihak yang terbabit iaitu pihak institusi zakat, pihak kerajaan dan pihak asnaf zakat itu sendiri.³⁸

Abu Sufian bin Abu Bakar dan kawan-kawan³⁹ memfokuskan kajian mereka kepada Program Agihan zakat dalam bentuk perniagaan yang dilakukan oleh Baitulmal Kuala Lumpur untuk mengurangkan kadar kemiskinan. Mereka mengkaji tentang keberkesanan bantuan modal perniagaan. Ramai daripada asnaf yang berjaya keluar daripada garis kemiskinan setelah mendapat bantuan modal perniagaan. Walaupun modal yang diberikan adalah kecil dan tidak mendapat latihan pengurusan perniagaan dari pihak amil zakat tetapi dengan bertambahnya bilangan usahawan-usahawan asnaf tersebut akan dapat mengurangkan jumlah pengangguran. Jumlah pengangguran yang berkurangan akan dapat meningkatkan kemampuan membeli masyarakat terhadap suatu produk barang atau khidmat. Hal ini juga dapat meningkatkan jumlah pembuatan barang atau jasa. Melalui pertumbuhan sektor pembuatan akan menjadi salah satu indikator wujudnya pertumbuhan dan keseimbangan ekonomi sesebuah negara.⁴⁰

³⁸ Patmawati Hj Ibrahim, Pembangunan Ekonomi melalui Agihan Zakat : Tinjauan Empirikal, *Jurnal Syari'ah* 16, bil. 2, no. 223-224 (2008).

³⁹ Abu Sufian bin Abu Bakar, et,al, Baitul Mal dan Kemiskinan di Kuala Lumpur: Program Agihan Zakat dalam Bentuk Perniagaan, *Working Paper in Islamic and Finance*, Universiti Kebangsaan Malaysia, no. 0206 (t.t).

⁴⁰ Mila Sartika, Pengaruh Pendayagunaan Zakat Produktif terhadap Pemberdayaan Mustahiq pada LAZ Yayasan Solo Peduli Yogyakarta, *Jurnal Ekonomi Islam La_Riba*, Vol.2, no.1, (2008), 75-89. Sila rujuk juga dalam Abu Sufyan bin Abu Bakar (tt), Baitulmal dan Kemiskinan di Kuala Lumpur: Program Agihan Zakat dalam Bentuk Perniagaan, *Working Paper in Islamic Economics and finance*, Islamic Economics and Finance Research Group, Universiti Kebangsaan Malaysia, no. 0206.

Menurut Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi dan kawan-kawan (2008)⁴¹. Masalah yang sering dihadapi oleh institusi-institusi zakat adalah kerana institusi-institusi zakat tersebut hanya dipelopori oleh golongan yang mempunyai latar belakang agama tetapi kurang berkepakaran dalam pengurusan dana dan perniagaan. Institusi zakat tersebut sepatutnya melantik pihak-pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang pembangunan keusahawanan juga untuk memudahkan usaha yang dijalankan oleh para asnaf. Contohnya seperti layanan khidmat nasihat, layanan secara langsung, pelatihan dan pembiayaan⁴² yang dapat mengelakkan pembaziran dana zakat.

1.9.4. Pandangan tentang Harta-harta zakat yang diikhtilaf

Berkaitan dengan harta-harta zakat yang diikhtilaf, Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid berpendapat bahawa hal ini memerlukan pandangan daripada ulama yang memahami al-quran, sunnah dan membaca kitab serta pandangan oleh beberapa pakar yang mengerti dan memahami selok-belok dalam bidang perniagaan dan realiti kewangan dalam kehidupan masyarakat semasa. Termasuklah mereka yang memahami budaya hidup masyarakat kota dan mengetahui gelagat peniaga dan pengguna.⁴³

Dan dalam kajiannya yang lain mengenai gaji dan pendapatan professional, beliau merumuskan bahawa gaji dan pendapatan professional boleh dijadikan sebagai sebahagian daripada harta-harta yang wajib dikeluarkan zakat bersesuaian dengan fatwa

⁴¹ Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi, et al, Mobilisasi Zakat Dalam Perwujudan Usahawan Asnaf: Satu Tinjauan, *Jurnal Syariah* 16, ed. Khas, (2008), 567-584.

⁴² Lihat juga dalam Suhaili Sarif, et al, A Theoretical Discussion of Zakah for Income Generation and It's Fiqh Issues, *Syari'ah Journal* 17, bil. 3, (2009), 457-500.

⁴³ Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid (2009), *Memperkasa Pengurusan Zakat di Wilayah Persekutuan*, kertas kerja ini dibentangkan di seminar perancangan strategik 5 tahun majlis agama islam wilayah persekutuan (maiwp).

semasa iaitu untuk kemaslahatan dan kepentingan semasa masyarakat. Hal ini terutamanya mengenai syarat haul yang masih dipertikaikan sehingga kini.⁴⁴

1.10. Metodologi Kajian

Dalam kajian ini penulis telah menggunakan pendekatan kajian kualitatif iaitu mengkaji bagaimana pengurusan harta zakat yang ada di Pusat Kajian Zakat dan Wakaf (eL-Zawa) Universiti Islam Negeri Malang. Kajian ini adalah berbentuk teori dan praktikal.

Kemudian, dengan menggunakan kajian secara deskriptif penulis akan menganalisis hasil-hasil atau fakta yang diperoleh di lapangan sebagai gambaran dan juga kesimpulan terhadap pengurusan harta zakat di eL-Zawa.

Dalam melakukan kajian ini, penulis telah menggunakan dua metode atau kaedah iaitu metode pengumpulan dan metode menganalisis data.

1.10.1. Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah ini digunakan untuk mengumpul dan mencari data-data yang diperlukan dalam penyelidikan. Kaedah pengumpulan data ini terbahagi kepada Kajian Perpustakaan (*library research*) dan kajian lapangan (*field research*).

Bagi metode pertama, bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian ini akan dijadikan sebagai alat untuk menganalisis fakta-fakta, teori-teori serta amalan-amalan yang terdapat di pelbagai sumber. Selanjutnya, kaedah ini digunakan sebagai kaedah yang pertama dalam pengumpulan maklumat. Bahan bercetak seperti buku-buku,

⁴⁴ Mahmood Zuhdi Ab. Majid (1993), Gaji dan Pendapatan Profesional, *Jurnal Syari'ah*, Jil. 1.

risalah-risalah, kertas-kertas kerja, jurnal-jurnal, akhbar dan data-data yang berkaitan dengan rujukan. Kaedah pertama ini juga sebagai data sekunder.

Metode yang kedua pula ialah kajian lapangan (*field research*). Kajian lapangan ini dilakukan oleh peneliti dengan menggunakan *Purposeful Sampling* atau cara pengambilan sampel sumber data dengan pertimbangan tertentu. Pertimbangan tertentu ini dimaksudkan dengan hanya orang-orang tertentu sahaja yang dijadikan sebagai sumber data yang dikira. Mereka terdiri daripada orang yang mengetahui apa yang diinginkan dalam kajian supaya memudahkan peneliti untuk menjelajah objek atau situasi sosial yang diteliti sebagai langkah untuk memperoleh data primer. Di eL-Zawa, sumber data yang dimaksudkan ialah Canselor UIN Malang, Ketua eL-Zawa, setiausaha eL-Zawa dan Bendahari eL-Zawa. Justeru itu, demi mendapatkan ketepatan data-data dan juga maklumat yang tepat, lawatan ke eL-Zawa juga telah dilakukan.

Selanjutnya dalam kajian ini, untuk mengumpulkan data primer dua metode yang dianggap sesuai untuk mengkaji dan mengupas data-data yang diperlukan di dalam penyelidikan ini telah digunakan iaitu:

1.10.1.1. Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi ini lebih memfokuskan kepada data-data yang ada di lapangan, terutamanya terhadap data-data yang tidak diterbitkan dalam objek yang dikaji. Bentuk pengumpulan data seperti ini sangat diperlukan untuk memenuhi tujuan kajian ini, kerana data-data terbaru yang belum atau memang tidak diterbitkan boleh diperolehi untuk memenuhi sasaran yang dikaji berkaitan dengan kajian ini.

1.10.1.2. Metode Temu Bual (wawancara)

Metode ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan keterangan secara lisan daripada responden melalui temu bual (*interview*) terhadap responden tersebut. Dalam hal ini, responden yang telah dipilih adalah para pengurus yang dianggap mengetahui dan memahami tentang pengurusan harta zakat di el-Zawa UIN Malang⁴⁵. Dengan menggunakan metode ini, penerangan yang lebih jelas mengenai pengurusan harta zakat di el-Zawa UIN Malang boleh diperoleh.

1.10.2. Metode Analisis Data

Kaedah ini digunakan sewaktu penghuraian masalah kajian. Dalam hal ini, sebuah kajian yang telah lengkap akan dianalisis untuk mendapatkan data. Selanjutnya, bahan-bahan tersebut akan dianalisis lagi untuk mendapatkan jawapan terhadap persoalan kajian yang telah dibuat.⁴⁶ Metode yang digunakan dalam analisis tersebut ialah:

1.10.2.1. Metode Induktif.

Metode ini digunakan untuk menerangkan data-data yang bersifat khusus dan menghasilkan kesimpulan yang bersifat umum.

Metode ini telah digunakan untuk menganalisis data-data berkaitan dengan pengurusan zakat di eL-Zawa yang diperoleh dilapangan selanjutnya membuat suatu kesimpulan umum.

⁴⁵ Sila lihat senarai responden di muka surat Bibliografi.

⁴⁶ Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, (Pearson Malaysia: Selangor, cet. 5, 2005), 85.

1.10.2.2. Metode Deduktif

Metode ini telah digunakan untuk menerangkan huraian permasalahan yang diperoleh melalui cara melibatkan prinsip umum yang dapat dikutip dan diterjemahkan ke dalam hipotesis dan diuji dengan empirik untuk membuat cadangan yang tepat dan khusus. Dengan kata lain, penulis telah menggunakan metode ini untuk menganalisis hasil kajian berdasarkan kepada dalil-dalil ataupun teori sedia ada. Hal ini termasuklah ketika membuat perbandingan, menilai dan membuat kesimpulan serta rumusan penemuan penulis.

1.11. Sistem Penulisan

Tesis ini terdiri daripada lima bab, bermula dari bab satu atau bab pendahuluan yang menjelaskan mengenai latar belakang kajian ini. Seterusnya, mengenai permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, huraian istilah, ulasan kajian lepas, metodologi kajian dan sistem penulisan.

Bab dua mengemukakan landasan teori tentang zakat harta dalam pandangan Islam. Ia menjelaskan tentang pengertian zakat secara bahasa mahupun istilah, zakat dan harta dalam Islam, dalil-dalil yang berhubungkait dengan permasalahan zakat, pembahagian zakat, syarat wajib mengeluarkan zakat, jenis-jenis harta yang wajib dizakatkan berserta nisabnya serta hikmah zakat dalam Islam. Kemudian, dilanjutkan dengan pengurusan harta zakat dalam Islam serta pengurusannya dalam ekonomi moden yang berhubung kait dengan strategi pemungutan zakat dan pengurusan serta pengembangan dana zakat.

Dalam bab tiga menjelaskan tentang Pusat Kajian Zakat dan Wakaf (el-zawa) Universiti Islam Negeri Malang, bermula dengan pengenalan ringkas tentang Universiti Islam Negeri Malang, sejarah Penubuhan el-Zawa, visi-misi el-Zawa, Matlamat asas

penubuhan eL-Zawa, Program-program kerja eL-Zawa serta Kaedah Pengurusan zakat di eL-Zawa yang akan difokuskan pada kaedah pembayaran dan kaedah agihan zakat.

Bab empat membincangkan tentang analisis terhadap pengurusan harta zakat di Pusat Kajian Zakat Dan Wakaf (eL-Zawa) Universiti Islam Negeri Malang. Bermula daripada pendahuluan diikuti dengan analisis kaedah pungutan zakat, kaedah agihan harta zakat, perbincangan dan analisis mengenai permasalahan yang dihadapi oleh eL-Zawa dalam pengurusan zakatnya dan cadangan yang digunakan dalam penyelesaiannya serta kesimpulan.

Bab lima pula adalah mengenai penutup atau kesimpulan daripada keseluruhan perbincangan dalam kajian ini iaitu mengandungi pengenalan, rumusan, cadangan-cadangan dan kesimpulan.

BAB II

ZAKAT HARTA DALAM ISLAM

2.1. Pendahuluan

Zakat merupakan salah satu rukun daripada lima rukun Islam. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang ertinya, “ Dari Ibnu Umar RA, berkata ; Rasulullah SAW bersabda : *“Islam dibangun atas lima perkara, bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad S.A.W merupakan Pesuruh Allah, mendirikan solat, membayar zakat, berpuasa di bulan Ramadan, dan menunaikan haji bagi sesiapa yang mampu untuk mengerjakannya”*.⁴⁷

Zakat memainkan peranan yang sangat penting di dalam perkembangan ekonomi masyarakat Islam. Ia merupakan syarat daripada rukun Islam yang bersifat *‘ubūdiyyah* (*al-‘Ibādah Ma’a Allāh*) sebagai bukti ketaatan kepadaNya. Zakat juga sebagai pengukuhan keimanan seorang hamba kepada Penciptanya. Manakala dari aspek sosial (*al-‘ibādah ma’a al-nās*) pula, ia juga merupakan salah satu daripada kayu ukur untuk memperkasakan ekonomi masyarakat Islam.

Dalam masyarakat terdapat masyarakat yang berstatus kaya dan juga miskin, perbezaan ini seringkali menimbulkan sifat dendam, irihati dan dengki. Perbezaan tersebut juga sering menimbulkan kes-kes jenayah, kecurian, rompakan dan sebagainya sebagai impak daripada keruntuhan ekonomi.

Justeru itu, Islam dibangun dengan landasan yang sangat kuat. Salah satu daripada landasannya adalah terdapat unsur keadilan. Zakat yang diwajibkan kepada masyarakat Islam yang kaya untuk diagihkan kepada masyarakat miskin. Hal ini bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah yang disebutkan tadi. Ia juga boleh

⁴⁷ Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā’īl al-Bukhārī (1400 H), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Imān, Bāb Du’āukum Imānukum*, (Kaherah : Almatba’ah al-Salāfiyah, 1400 H), no. 8, 1: 20.

mewujudkan kemesraan dan keharmonian dalam pergaulan masyarakat Islam yakni antara golongan kaya dan miskin.

2.2. Zakat Secara Umum

2.2.1. Pengertian Zakat Secara Bahasa dan Istilah


Perkataan zakat berasal daripada Bahasa Arab yang mempunyai banyak makna. Dari segi bahasa asal perkataan zakat (*al-Zakāh*) bermakna suci (*al-Ṭahārah*), tumbuh (*al-Namā'*), berkat (*al-Barakah*) dan pujian (*al-Madh*) dan semua makna tersebut telah termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah.⁴⁸

Menurut Sa'ad al-Dīn Mas'ad Hilali di dalam bukunya *Ahkām al-'Ibādah*, dari segi bahasa, zakat mempunyai banyak makna: *Ṭahārah* (suci), sebagaimana dalam firman Allah SWT Surah al-Kahfi ayat 74:..*a qatalta nafsan zakiyyatan...*, atau *zāhiratan*..yang bermakna suci. Dalam ayat yang lain, Surah Maryam ayat 19 yang berbunyi;..*liaḥaba laki ghulāman zakiyyan*, atau *ṭahāran*. Begitu juga dalam surah al-Syams ayat 9 yang berbunyi:..*Qad aflaha man zakkāhā*, atau *Ṭahāraha min al-dhunūbi wa al-āthām*. Tumbuh (*al-Namā'*) dan banyak (*al-Kathrah*). Mendekat (*al-Taqarrub*), Allah berfirman dalam surah al-A'la ayat 14:..*Qad aflaha man tazakka* atau *taqarraba*. Begitu juga dalam surah al-Lail ayat 18:..*Yu'tī mālahu yatazakkā*", maknanya memberikan hartanya kerana ingin mendekatkan diri kepada Allah SWT. Amal soleh, dalam Surah al-Kahfi ayat 81:..*Fa'aradnā an yubdilahumā rabbuhumā khairan minhu zakātan...*", atau "*amalan ṣāliḥah*". Pujian (*al-Madh*), dalam surah an-Najm ayat 32, :..*Falā tazkū anfusakum*" makna "*tazkū*" di sini ialah memuji, jadi makna ayat tersebut ialah, :..*Maka janganlah puji dirimu (kerana kesombongan)*. Halal, Surah al-Kahfi ayat 19:..*Fal Yanẓur Ayyuha Azkā Ṭa'āman*". Kalimah *Ayyabu ṭa'āman* bermakna yang

⁴⁸ Ibn Manzur (1994), *Lisān al-'Arab*, Beirut : Dar Sadir, v. 14, 358. Lihat juga , Imam Ibn Taimiyah (1997), *Mawsū'ah fiqh Al-Sunnah* dalam *Fiqh al-Zakāh wa al-Siyām*, Beirut : Dar al-Fikr, 11-12. Al-Fayumi dalam *Misbāh al-Munīr*, 254, beliau juga member makna zakat dengan tumbuh, bertambah, dan suci.

paling baik dan halal. Syafak. Islam, surah Abasa ayat 7: “*Wamā ‘Alaika Allā Yazzakkā*”. Atau “*Allā Yuslim*”, yang bermakna tidak Islam. Sedekah, sebagaimana dalam Surah at-Taubah ayat 103: “*Khudh min Amwālihim Ṣadaqatan*”.⁴⁹

Zakat juga bermaksud membersihkan dan mensucikan, yang diambil daripada kalimah “*Tuṭahhiruhum wa Tuzakkihim*”. Ia disebutkan demikian kerana zakat yang diambil daripada harta kaum muslimin akan mensucikan mereka daripada pengaruh dosa dan menumbuhkan perbuatan baik kepada diri mereka, sebagaimana yang disebutkan dalam surah *al-Taubah*, ayat 103 yang berbunyi:

50 ... 

Menurut Muhammad Bakr Ismail, makna ‘*Tuṭahhiruhum*’ ialah mensucikan hati mereka daripada kesyirikan, kebakhilan dan kedekut, dan mensucikan badan mereka daripada pelbagai penyakit dan sebagainya. Adapun makna ‘*Tuzakkihim bihā*’ ialah kamu menyaksikan mereka telah membayar dan beriman kepada Allah SWT, dan kamu akan memberikan syafaat kepada mereka dengan izin Allah SWT, dan kamu mendoakan mereka dengan kebaikan, keberkatan dan lain-lain.⁵¹

Zakat juga bermakna menumbuhkan dan menambahkan kebaikan, kerana zakat yang telah dikeluarkan oleh orang muslim akan menyebabkan hartanya bertambah. Hal ini disebabkan oleh keberkatan, kebaikan dan pertumbuhan hasil daripada harta yang dikeluarkannya.⁵²

⁴⁹ Sa’aduddin Mas’ad Hilali, *Ahkām al-ibādah: Dirasah Fiqhiyyah Muqāranah*, (Kaherah : Jami’ah al-Azhar, 2006), 393-394.

⁵⁰ Wahbah Zuhaili *et.al*, *Al-Mawsū’ah al-Qur’āniyah al-Muyassarah*, terj. Imam Ghazali Masykur *et.al*, (Jakarta Timur : Almahira, c. 1, 2008), 204.

⁵¹ Muhammad Bakr Ismail, *al-fiqh al-Wādī min Kitāb wa al-Sunnah ‘alā al-Madhāhib al-Arba’ah*, (Kaherah: Dar al-Manar, cet. 2, 1997), 1: 455.

⁵² Usman Husain Abd Allāh, *al-Zakāh : al-Dhomah al-Ijtīmā’i al-Islāmi*, (Kaherah : Dar Wafa, 1989), 13.

Fakhrudin merujuk kepada Wahbah al-Zuhaili⁵³ dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* menyebutkan beberapa definisi zakat menurut pendapat empat imam mazhab, iaitu:

1. Menurut pendapat Mazhab Maliki, zakat ialah mengeluarkan bahagian yang khusus dari harta yang khusus dan telah mencapai *niṣab*nya kepada yang berhak menerimanya, dengan ketentuan harta itu milik sempurna dan mencapai *haul* serta bukan merupakan barang tambang, tanaman dan *rikāz*.
2. Mazhab Hanafi pula mendefinisikan zakat sebagai pemilikan bahagian harta tertentu daripada harta tertentu untuk orang atau pihak tertentu yang telah ditentukan oleh *syar'i* (Allah SWT) untuk mengharapkan keredaan-Nya.
3. Mazhab Syafie' mendefinisikan zakat sebagai nama bagi sesuatu yang dikeluarkan dari harta dan badan (jiwa) dengan cara tertentu.
4. Mazhab Hanbali pula mendefinisikan zakat sebagai hak yang wajib dalam harta tertentu untuk kelompok tertentu pada masa tertentu.

Daripada beberapa pentakrifan zakat oleh beberapa ulama mazhab di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa bagi ulama Mazhab Maliki, Hanafi dan Hanbali, yang dimaksudkan dengan zakat di atas ialah hanya untuk zakat *Māl* sahaja, kerana yang dimaksudkan dengan “harta tertentu” bagi mereka ialah sebagai harta yang telah mencapai *niṣāb* atau satu *niṣāb*, sedangkan satu *niṣāb* ialah salah satu syarat wajib zakat harta.⁵⁴ Manakala ulama Mazhab Syafie' memberi penjelasan bahawa yang dimaksudkan dengan zakat ialah zakat harta dan zakat fitrah, kerana pencantuman kata “harta” dan “jiwa” dalam definisi beliau mengandungi pengertian zakat harta dan zakat fitrah (jiwa).⁵⁵

Menurut Munif Hr. Sulistri yang dikutip dari al-Mawardi “*Zakat* itu nama bagi pengambilan tertentu dari harta yang tertentu, mengikut sifat-sifat yang tertentu diberikan kepada golongan yang tertentu”.⁵⁶ Manakala menurut Al-Syaukani “*Zakat* ialah memberikan sebahagian dari harta yang sudah sampai se-*niṣāb* kepada orang fakir

⁵³ Fakhrudin, *Fiqh dan Manajemen Zakat di Indonesia*, (Malang: UIN-Malang Press, 2008), 17.

⁵⁴ Abdul Aziz Dahlan, et al., *Ensiklopedi Hukum Islam*, Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, 2006), 6: 1985.

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ Munif Hr. Sulistri, *Istilah Agama Islam Populer*, (Jogjakarta: PT. Hanindita Graha Widya, 2002) 203.

dan sebagainya yang tidak bersifat dengan sesuatu yang dihalang oleh *syara'* yang tidak membenarkan kita memberikan kepadanya.”⁵⁷

Daripada beberapa pengertian zakat yang berasal dari beberapa ulama fiqh di atas, dapatlah disimpulkan bahwa yang dimaksudkan dengan zakat di atas ialah mengeluarkan sebahagian harta tertentu apabila telah mencapai *niṣāb* dan dimiliki dengan sempurna selama satu tahun (*haul*) kepada orang-orang tertentu, pada masa tertentu menurut syarat-syarat yang tertentu pula berdasarkan ketentuan *syara'* (Allah swt) untuk mengharapkan keredhaan-Nya.

2.2.2. Zakat dan Harta dalam Islam


Zakat merupakan ibadah *Māliyah Ijtimā'iyah* yang mempunyai dua dimensi. Pertama, dimensi vertikal (*Mu'āmalah Ma'a Allāh*) yakni hubungan antara manusia dengan Tuhannya sebagai bukti nyata dari sifat ketaatan dan ungkapan rasa syukur seorang hamba kepada Tuhannya terhadap segala nikmat yang berupa harta. Kedua, dimensi horizontal (*Mu'āmalah Ma'a al-Nās*) pula merupakan sikap dan perbuatan sesama hamba yang hidup bersosial dalam masyarakat ataupun negara serta bercampur antara orang-orang yang kaya dan orang-orang yang miskin. Ajaran zakat yang dikeluarkan oleh golongan orang-orang kaya untuk diagihkan kepada orang-orang yang miskin ialah ajaran yang membawa maksud menghilangkan jurang sosial yang boleh membawa rasa iri hati orang-orang miskin kepada orang kaya.

Kewajipan mengeluarkan zakat di antara umat Islam adalah ujian daripada Allah SWT kepada hambanya. adakah harta yang Allah berikan disyukuri atau tidak, apakah harta tersebut membuatnya semakin mengingati Allah atau semakin

⁵⁷ *Ibid.*

menjauhkannya daripada mengingati Allah. Ini kerana ramai manusia yang lalai apabila diberi nikmat harta yang banyak sehingga hati mereka menjadi keras bagaikan batu. Harta ini juga menyesatkan mereka dan membawa mereka kepada kebinasaan diri di dunia dan akhirat.

Dalam ayat yang lain, iaitu surat *at-Taghābūn* ayat 15 Allah juga berfirman:



Maksudnya: “*Sesungguhnya hartamu dan anak-anakmu hanyalah cubaan (bagimu), dan di sisi Allah pahala yang besar*”.

Selain itu, terdapat juga dalam beberapa riwayat sahabat yang berasal daripada hadith Nabi Muhammad SAW yang membicarakan tentang harta dan ujian bagi pemiliknya. Salah satu daripada hadith-hadith tersebut ialah:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ جَلَسَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمِنْبَرِ وَجَلَسْنَا حَوْلَهُ فَقَالَ « إِنَّ مِمَّا أَخَافُ عَلَيْكُمْ بَعْدِي مَا يَفْتَحُ عَلَيْكُمْ مِنْ زَهْرَةِ الدُّنْيَا وَزِينَتِهَا. (رواه)

Maksudnya: “*Dari Abu Sa’id al-Khudri, dia berkata: “Rasulullah SAW pernah duduk di atas mimbar dan kami duduk di sekitar baginda, lalu baginda bersabda: “Sesungguhnya di antara perkara yang aku khuwatirkan ke atas kamu sepeninggalku ialah apa yang akan dibukakan untukmu dari gemerlapnya dunia dan perhiasannya.” (Hadith Riwayat Muslim)⁵⁹*

Hadith di bawah menceritakan perihal orang yang terlalu menghambakan diri kepada dunia, tetapi tidak membelanjakannya dengan cara yang disukai Allah:

⁵⁸ Departemen Agama Republik Indonesia, *Tafsir The Holy Qur’an Al-Fatih*, Jakarta:Al-Fatih, (2009), Sila rujuk juga dalam surah *al-Munāfiqūn* ayat ke 9.

⁵⁹ Abū al-Ḥusain Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim al-Qushairī an-Naisabūrī (tt), *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musamma ṣaḥīḥ Muslim*, No. 2470, (Beirut: Dār al-Afaq al-Jadīdah), 3: 101. Sila rujuk juga di kitab yang sama, no. 2470, juz. 8, h. 89, dan hadith no. 7606, juz. 8, 210.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ (تَعَسَّ عَبْدُ
الدِّينَارِ وَالدَّرْهَمِ وَالْقَطِيفَةِ وَالْحَمِيصَةِ إِنْ أُعْطِيَ رَضِيَ وَإِنْ لَمْ يُعْطَ لَمْ يَرْضَ)

Maksudnya: “Dari Abu Hurairah ra. Rasulullah saw bersabda:”Celakalah⁶⁰ hamba dinar dan hamba dirham, (celakalah) hamba Qatifah dan Khamisah. Apabila ia diberi ia redha (rela) dan jika tidak diberi ia tidak redha (sakit hati).” (Hadith Riwayat Bukhari)⁶¹

Justeru itu, ayat al-Quran dan hadith yang telah dinyatakan sebelum ini telah mengajar kita bahawa harta yang telah diberikan Allah kepada kita sebenarnya merupakan ujian daripada Allah untuk kita. Selain itu, zakat yang telah diwajibkan ke atas orang mukmin adalah untuk menghindarkan manusia daripada kebinasaan diri kerana terlalu mengagung-agungkan dunia sehingga mereka terlupa dari mana sebenarnya harta tersebut. Oleh itu, dengan membayar zakat hati seseorang itu akan menjadi lembut serta dapat meningkatkan rasa keimanan dan kesyukuran terhadap nikmat harta yang diberikan oleh Allah kepada kita.

2.2.3. Dalil Zakat

Terdapat banyak bukti daripada al-Quran mahupun al-Hadith yang menceritakan tentang perintah kewajipan berzakat. Sebagai salah satu daripada lima rukun Islam, zakat merupakan salah satu asas dalam agama Islam. Oleh itu, kita harus menjaganya sebaik mungkin seperti solat merupakan tiang agama yang wajib ditegakkan. Sesiapa yang menegakkan solat maka ia telah menegakkan agama dan barang siapa yang meninggalkannya maka ia pula telah meruntuhkan agama. Di antara dalil tentang

⁶⁰ Celakalah orang yang mencintainya, mencari, menyorok dan menjaganya seakan-akan ia adalah hamba sahayanya. *Qatifah* ialah pakaian yang dihiasi dengan renda-renda yang bergantung. Manakala *Khamisah* ialah selimut empat persegi. (Lihat Ahmad Muhammad Yusuf, *Himpunan Dalil dalam al-Qur'an dan Hadith*, cet. 2, (Jakarta: PT. Media Suara Agung, 2008), 257.

⁶¹ Muḥammad bin Ismā'īl Abū Abdullāh al-Bukhārī al-Ju'fī, *Al-Jami' al-ṣaḥīḥ al-Mukhtasār*, cet. 3, no. 2730, (Beirut: Dar Ibnu Katsir, 1987), 5: 2364.

perintah zakat dalam al-Quran ialah seperti yang disebutkan dalam beberapa surah berikut:

Surah *at-Taubah* ayat 103:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ
سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: "Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

Surah *al-Baqārah* ayat 43 yang berbunyi:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: "Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk."

Daripada beberapa ayat di atas, kita boleh melihat bahawa begitu pentingnya ajaran zakat ini dalam kehidupan beragama. Bahkan kalimah zakat selalu digandingkan dengan kalimah solat dalam kebanyakan ayat al-Quran mahupun hadith tentang dalil yang menceritakan kedua-duanya. Namun, apa yang menarik tentang zakat ialah ia bukan sahaja mempunyai kaitan dengan ibadah kepada Allah semata-mata, tetapi ianya juga ada kaitannya dengan ibadah sesama manusia. Selain itu, ia dapat membezakan antara rukun-rukun Islam yang lainnya.

Hadith nabi yang menjelaskan tentang kewajiban zakat adalah sepertimana yang telah diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a.:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ مُعَاذًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ إِلَى الْيَمَنِ فَقَالَ أَدْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّي رَسُولُ اللَّهِ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ. (رواه البخاري)

Maksudnya: “Dari Ibnu Abbas r.a. bahawasanya Rasulullah saw telah mengutus Muadz r.a. ke Yaman, maka baginda bersabda kepada Muadz, ”Ajaklah mereka untuk bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan saya adalah utusan-Nya. Kalau mereka sudah taat terhadap perintah tersebut, maka beritahulah kepada mereka bahawasanya Allah telah mewajibkan kepada mereka untuk melaksanakan sembahyang lima waktu sehari semalam. Dan apabila mereka taat terhadap seruan tersebut, maka beritahukanlah kepada mereka, bahawasanya Allah SWT telah mewajibkan kepada mereka untuk membayar zakat dari harta-hartanya yang diambil dari orang-orang kaya di antara mereka dan dikembalikan kepada orang-orang miskin di antara mereka.” (Diriwayatkan oleh Imam Bukhari)⁶²

2.2.4. Pembahagian Zakat

Secara amnya, zakat dibahagikan kepada dua jenis iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat fitrah ialah zakat yang wajib dibayar oleh setiap muslim setelah bulan Ramadan berakhir, sama ada lelaki dan perempuan yang sudah dewasa mahupun masih kanak-kanak, dan orang merdeka mahupun hamba sahaya (budak).⁶³ Kewajiban zakat fitrah ini telah bermula pada tahun ke- 2 Hijriah di bulan Ramadan seiring dengan kewajiban berpuasa pada bulan Ramadan, dan menurut penelitian para ahli feqah, zakat fitrah telah diwajibkan terlebih dahulu daripada zakat harta.⁶⁴

⁶² Muhammad bin Ismā'īl Abū Abd Allāh al-Bukhārī al-Ja'fi (1987), *op. cit.*, no. 1308, Beirut: Dār Ibnu Katsīr, 5: 201.

⁶³ Abdul Aziz Dahlan, et al. (2006), *op cit.*, 2000

⁶⁴ *Ibid.*

Dalil kewajiban zakat fitrah ini ialah sepertimana firman Allah SWT dalam surah *al-A'la* ayat 14-15 yang berbunyi:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى ۖ وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى ﴿١٥﴾

Maksudnya “*Sesungguhnya berjayalah orang yang (setelah menerima peringatan itu) berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal yang soleh), dan menyebut-nyebut dengan lidah dan hatinya akan nama Tuhannya serta mangerjakan sembahyang (dengan khusyuk).*”

Kemudian, hadith daripada Rasulullah SAW yang memerintahkan kewajipan membayar zakat fitrah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Tha’labah:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ فَرَضَ صَدَقَةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ أَوْ تَمْرٍ عَلَى الصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ وَالْحُرِّ وَالْمَمْلُوكِ زَادَ مُوسَى وَالذَّكْرَ وَالْأُنْثَى. (رواه أبو داود)

Maksudnya: “*Dari Abdullah dari Rasulullah SAW bahawasanya beliau telah mewajibkan (zakat fitrah) satu sa’ kurma atau gandum terhadap anak kecil mahupun sudah besar, yang merdeka atau hamba sahaya. Ditambahkan oleh Musa, sama ada laki-laki atau perempuan.*” (Diriwayatkan oleh Abu Dawud).⁶⁵

Harta menurut istilah dalam Bahasa Arab ialah *māl*. *Māl* atau harta menurut terminologi bahasa ditakrifkan sebagai sesuatu yang selalu diinginkan oleh manusia, sama ada untuk dimiliki, dimanfaatkan ataupun disimpan.⁶⁶ Menurut kamus Dewan (2010),⁶⁷ harta ialah barang-barang berharga seperti rumah, tanah, barang-barang kemas, dan sebagainya yang dimiliki oleh seseorang (syarikat, pertubuhan, dan lain-lain). Sedangkan jikalau dilihat daripada terminologi syari’ah, *māl* atau harta ialah sesuatu

⁶⁵ Abū Dāwūd Sulaiman bin al-Asy’asy (tt), *Sunān Abi Dāwūd*, no. 1374.

⁶⁶ Syarif Hidayatullah, *Ensiklopedia Rukun Islam Ibadah Tanpa Khilafiah, ZAKAT*, (Jakarta: Al-Kautsar Prima, 2008), 28.

⁶⁷ Kamus Dewan, *Edisi keempat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 517.

yang dapat dimiliki (dikuasai) dan dapat dipergunakan atau dimanfaatkan menurut kelazimannya.⁶⁸ Maknanya, segala sesuatu baru itu dikatakan sebagai harta apabila ia boleh dimiliki, disimpan, dihimpun dan dikuasai. Selain itu, ia adalah sesuatu yang dapat diambil manfaatnya seperti kereta, haiwan ternakan, rumah, emas, perak, hasil pertanian, dan lain-lain.⁶⁹ Adapun *zakat māl* (harta) ialah sebahagian daripada harta kekayaan seseorang yang wajib dikeluarkan untuk golongan orang-orang tertentu setelah dimiliki dalam jangka masa tertentu dengan jumlah minimal tertentu.⁷⁰

Dalil zakat harta adalah sebagaimana firman Allah swt dalam surah al-Taubah ayat 103 yang berbunyi:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَلَاةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ

صَلَاتُكَ سَكَنٌ لِيَوْمٍ أَلِيمٍ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: “Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau dapat membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

Ayat ini telah menjelaskan kepada kita tentang dalil kewajipan mengeluarkan zakat harta, dimana Allah SWT telah memerintahkan Rasulullah SAW untuk mengutip zakat daripada kaum muslimin yang wajib mengeluarkannya. Dalam hal ini, menurut Imam al-Syafīe’ dalam kitab *al-Umm*, Allah SWT telah memberi penjelasan mengenai harta yang mesti dikeluarkan zakatnya, harta yang tidak perlu dizakati, batasan minimal (*niṣāb*) zakat, dimana jika *niṣāb* ini telah mencukupi, maka zakatnya wajib dikeluarkan, dan jika tidak cukup *nisabnya* maka tidak wajib untuk dikeluarkan zakatnya.⁷¹ Menurut

⁶⁸Syarif Hidayatullah (2008) , *Op.cit.*, 29

⁶⁹ April Purwanto, *Panduan Praktis Menghitung Zakat*, (Yogyakarta: SKETSA, 2009), 1.

⁷⁰ Fakhruddin, *Fiqh dan Manajemen Zakat di Indonesia*, (UIN-Malang Press: Malang, 2008), 40.

⁷¹ Syaikh Aḥmad bin Muṣṭafā al-Farran, *Tafsīr al-Imām al-Syāfī*, terj. Fedrian Hasmand, et al. Jakarta Timur: Al-Mahira, 2008), 2: 662.

Imam al-Syafie' dalam kitab *al-Risālah*, makna “*Amwāl*” dalam ayat tersebut adalah harta yang bersifat umum.⁷²

2.2.5. Syarat Wajib Mengeluarkan Zakat

Menurut Wahbah Al-Zuhaili⁷³ syarat-syarat wajib mengeluarkan zakat adalah seperti berikut:

1. Merdeka, menurut beliau seorang hamba sahaya tidak wajib berzakat kerana dia tidak memiliki harta, dan tuannya merupakan pemilik dari apa yang dimiliki oleh hamba sahayanya. Menurut jumhur ulama, wajib bagi tuan hamba sahaya untuk mengeluarkan zakat kerana mereka pemilik hamba sahaya dan barangan kepunyaan hamba sahaya tersebut. Berbeza dengan Mazhab Maliki, hamba sahaya tidak wajib berzakat termasuk tuannya tidak wajib membayarkannya, kerana pemilikan hamba sahaya tersebut tidak cukup, sedangkan kewajiban zakat itu adalah harta yang dimiliki secara sempurna. Sedangkan tuannya tidak mempunyai hak untuk memiliki harta hamba sahayanya.
2. Islam, menurut pendapat ijma' tidak wajib zakat bagi orang kafir, kerana zakat merupakan ibadah yang suci dan orang kafir tidak termasuk golongan orang-orang suci.
3. Telah Baligh dan Berakal, menurut Mazhab Hanafi, tidak wajib zakat bagi anak kecil mahupun orang gila, kerana keduanya bukanlah *khiṭāb* atau objek perintah ibadah sebagaimana sembahyang dan puasa. Berbeza dengan pendapat jumhur ulama yang berpendapat bahawa tidak disyaratkan keduanya.
4. Harta tersebut merupakan harta yang diwajibkan zakat dalam lima jenis harta iaitu emas dan perak murni, barang tambang dan barang temuan, perniagaan, tanaman dan buah-buahan serta haiwan ternakan. Disyaratkan juga harta-harta tersebut

⁷² *Ibid.*

⁷³ Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuhu*, (Damaskus: Dār al-Fikr, 1989), 2: 738-750.

adalah harta yang berkembang, kecuali emas dan perak. Emas dan perak berkembang ataupun tidak tetap wajib zakat jika sudah mencapai *niṣāb*nya. Yang dimaksudkan dengan berkembang, contohnya harta yang diperuntukkan untuk barang perniagaan, atau haiwan ternakan yang membiak, diambil air susunya dan lemaknya dan seumpamanya. Oleh itu, jika harta tersebut bukan untuk diniagakan walaupun berbentuk rumah, kereta, hartanah, maka tidaklah wajib dikenakan zakat.

5. Harta tersebut telah mencapai *niṣāb*, seperti *niṣāb* emas adalah 20 *mithqāl* atau dinar, *niṣāb* perak adalah 200 dirham, *niṣāb* biji-bijian dan buah-buah setelah kering menurut selain mazhab hanafi adalah 5 wasaq (653 kg), *niṣāb* kambing 40 ekor, unta 5 ekor, dan lembu 30 ekor.
6. Pemilikan sempurna. Menurut Mazhab Hanafi dikatakan pemilikan itu sempurna jika harta tersebut berada dalam genggamannya dan kepunyaannya adalah asli. Sebagaimana mahar bagi seorang wanita yang belum dibayar, jika belum dipegangnya maka tidak wajib zakat bagi maharnya. Sedangkan menurut Mazhab Hanbali, Syafie' dan Maliki, pemilikan sempurna adalah hak asli dan hak menggunakannya. Contohnya seperti harta yang dimiliki oleh hamba sahaya yang secara langsung dimiliki oleh tuannya, namun tuannya tidak mempunyai hak menggunakannya. Maka tidaklah wajib zakat terhadap harta tersebut kerana harta tersebut tidak sempurna pemilikannya.
7. Cukup *haul* , iaitu telah berlalu satu tahun menurut bilangan tahun hijriah bukan tahun miladiah, sebagaimana kewajipan berpuasa, haji, dan sebagainya. Dalam hal ini bukan menjadi syarat mutlak, sebab terdapat juga harta-harta yang wajib dikeluarkan tanpa perlu menunggu ia dimiliki selama satu tahun. Misalnya, harta hasil pertanian, harta *rikaz* (harta karun yang dijumpai), dan lain-lainnya yang mengandungi "*ilat*" yang sejenis.⁷⁴

⁷⁴ April Purwanto (2009), *Op. cit.*, 12

8. Tidak mempunyai hutang. Menurut Mazhab Hanafi, hutang selain tanaman dan buah-buahan. Menurut Mazhab Hanbali pula, semua harta tidak mempunyai hutang. Menurut Mazhab Maliki, selain tumbuh-tumbuhan, buah-buahan, haiwan dan barang tambang. Namun jika emas dan perak yang mempunyai hutang dia tidak wajib membayar zakat. Manakala, menurut Mazhab Syafie' ketiadaan hutang tidak termasuk dalam syarat wajib zakat.
9. Harta yang dimiliki melebihi perbelanjaan keperluan asas. Syarat ini hanya menurut Mazhab Hanafi, sebagaimana dia mensyaratkan tidak ada hutang dalam zakat.

Adapun keperluan asas yang layak dijadikan pertimbangan untuk kewajipan mengeluarkan zakat adalah seperti berikut:

1. Makanan, pakaian, tempat tinggal, pengangkutan, perubatan dan pendidikan.
2. Membayar hutang segera sehingga harta yang terbahagi tidak mencukupi *nisab*.
3. Modal kekal dan tahan lama bagi golongan profesional.
4. Buku rujukan sebagai bahan pembelajaran.
5. Perhiasan diri wanita dan kelengkapan tempat tinggal.
6. Barang-barang stok keperluan asas selain daripada mata wang.⁷⁵

Oleh itu, menurut Mujaini Tarimin, asas-asas dalam menentukan kadar tolakan yang wajar yang harus diberikan kepada pembayar zakat, di antaranya adalah:

1. *Had al-Kifāyah* untuk diri dan keluarga pembayar zakat yang ditanggung. Sebagaimana Nabi S.A.W bersabda, yang bermaksud:
“*Seseorang itu akan berdosa disebabkan tidak memberi nafkah yang selayaknya kepada orang di bawah jagaannya*”.
2. Harus berasaskan kepada status pembayar zakat dan status orang di bawah tanggungan. Dalam hal ini, sesuai dengan arahan Nabi Muhammad s.a.w kepada pegawai penaksir zakat pertanian supaya tidak mengambil kira 1/4 - 1/3 daripada jumlah kekayaannya. Nabi bersabda:

⁷⁵ *Ibid*, 70

إذا تم فخذوا ودعوا الثلث فإذا لم تدعوا الثلث فدعوا الربع.⁷⁶

Cadangan yang telah dicadangkan oleh Mujaini Tarimin di atas hendaklah diambil kira oleh petugas pungutan zakat untuk memastikan latar belakang para pembayar zakat dan menentukan bahawa mereka telah layak membayar zakat dan tidak ada kesan mendholiminya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Oleh itu, kerjasama antara pembayar zakat dan petugas pungutan zakat perlu diambil kira.

Sedangkan syarat sah mengeluarkan zakat ada 2:

1. Niat, kerana zakat ini adalah seperti solat maka kedudukan niat dalam mengeluarkan zakat adalah penting untuk membezakan wajib dan sunnah.
2. Hartanya harus asli pemilikannya. Mazhab Maliki pula memberi syarat tambahan. Pertama, dikeluarkan selepas masuk waktu wajib zakat. Kedua, diberikan kepada yang berhak menerimanya. Ketiga, harta yang memang wajib dibayar zakat.⁷⁷

2.2.6. Jenis-jenis Harta yang Wajib Dibayar Zakat Menurut al-Qur'an dan Nisabnya.

Zakat akan diwajibkan ke atas sesuatu harta apabila harta tersebut telah mencapai sesuatu jumlah tertentu. Jumlah ini disebut sebagai *niṣāb*.⁷⁸ Maknanya kalau harta yang dimiliki seseorang belum mencapai *niṣāb* sepertimana yang telah ditentukan oleh syari'at, maka gugurlah kewajipan mengeluarkan zakat bagi orang tersebut.

⁷⁶ Hadīth Riwayat : al-Turmuzi, Muhammad Naṣīr al-dīn al-Albani (t.t), Kitab Sunan al-Turmuzi, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'arif, cet. 1, no. hadis: 643, 162. Disebutkan hadis ini adalah Dhaif, kemudian ditashihkan oleh Ibnu Hibban dalam kitabnya, h. 3280 dan al-Hakim dalam kitabnya, 402, juz. 1.

⁷⁷ *Ibid.*, 750-752

⁷⁸ Muhammad Kamal 'Atiyah, *Perakaunan Zakat- Teori dan Praktis*, Mohd. Nor bin Ngah (terj.), (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 14.

Asas kewajiban zakat harta ialah sifat kesuburan (pertambahan) yang ada padanya.⁷⁹ Maknanya, harta-harta yang boleh bertambah dan subur, mengandung hak zakat. Sehingga dengan itu, setiap harta yang tidak bertambah dan beku tidak mengandung hak zakat. Contohnya seperti rumah-rumah kediaman, pakaian yang dipakai, perkakas rumah, binatang tunggangan, senjata untuk kegunaan, makanan, barangan perhiasan selain emas dan perak, wang syiling selain dari emas dan perak yang digunakan untuk perbelanjaan peribadi, kitab-kitab (buku-buku), mesin dan alat-alat yang digunakan untuk proses pengeluaran, dan binatang-binatang yang digunakan untuk pertanian.⁸⁰

Menurut Mazhab Syafie',⁸¹ terdapat lima jenis harta yang wajib dikeluarkan zakatnya:

2.2.6.1. *Al-Naqdan*

Yang dimaksud dengan *al-Naqdān* disini ialah Emas dan Perak, sama ada telah dicetak menjadi matawang ataupun masih dalam bentuk ketulan.

Allah swt berfirman dalam Surah at-Taubah, ayat 34, yang berbunyi:

وَالَّذِينَ يَكْتُمُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ
 اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

Ertinya: “Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

⁷⁹ Mustofā al-Khīn, et. al, *al-Fiqh al-Manhajī ‘Alā Madhhabī al-Imām al-Syāfī’*, juz 2, cet.4, (Damsyiq: Dar al-Qalm 1413 H), 21.

⁸⁰ Afzal al-Rahmān, *Doktrin Ekonomi Islam*, Zaharah Salleh (terj.), (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 2 : 196.

⁸¹ Mustafa al-Khin, (1402 H), Op. Cit., 21.

Maksud “menyimpan” dalam ayat tersebut ialah tidak mengeluarkan zakatnya.⁸² dan orang yang tidak mengeluarkan zakatnya, maka Allah akan memberikan seksaan yang amat pedih bagi pemilik harta tersebut, sebagaimana Rasulullah SAW bersabda dalam hadisnya yang diriwayatkan dari Ibnu Umar, r.a. yang berbunyi:

“Barangsiapa yang menyimpannya dan tidak mengeluarkan zakatnya maka celakalah ia.” (Diriwayatkan oleh Imam Bukhari).

Zakat pada emas tidak wajib apabila belum mencapai kadar 20 *mithqāl*,⁸³ dan perak mencapai 200 dinar.⁸⁴ Apabila sudah tercapai nisab kedua (emas dan perak), maka wajib bagi para pemilik harta tersebut untuk mengeluarkan zakatnya sebesar ¼ atau 2.5 % daripada hartanya.⁸⁵

Adapun dalilnya adalah sebagaimana yang diceritakan oleh Ali bin Abi Thalib, r.a., daripada Nabi SAW yang berbunyi:

حَدِيثٌ عَلِيٍّ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : " إِذَا كَانَتْ لَكَ مِئْتَا دِرْهَمٍ ،
 وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ ، ففِيهَا خُمْسَةٌ دَرَاهِمٍ ، وَلَيْسَ عَلَيْكَ شَيْءٌ يَعْنِي فِي الذَّهَبِ
 تُرُونَ دِينَارًا ، فَإِذَا كَانَتْ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا ، وَحَالَ عَلَيْهَا
 الْحَوْلُ ، ففِيهَا نِصْفُ دِينَارٍ . " (رواه أبو داود والبيهقي بإسناد جيد)⁸⁶

⁸² Kecuali emas dan perak yang digunakan sebagai perhiasan dengan secara tidak terlalu berlebihan. Dalm hal ini Rasulullah saw bersabda:

(رواه البيهقي).

Ertinya: "Tidak ada zakat pada perhiasan." (Hadis Riwayat al-Baihaqi). (Sila Lihat: 'Alī bin 'Umar Abū al-Ḥasan al-Dāraquṭnī, , *Sunan al-Dāraquṭnī, Kitāb al-Zakāh, Bāb Laysa Fī Māl al-Mukātib Zakāh* (Beirut : Dār al-Ma'rifah, 1966), no. 8, 2:109

)
⁸³ Dalm hal ini, yang dimaksudkan dengan *mithqāl*, ada dua:

1. *Mithqāl 'Ajami* yang bersamaan dengan 4.8 gram. Jadi 20 *mithqāl* bersamaan dengan 96 gram.
2. *Mithqāl 'Iraqi* yang bersamaan dengan 5 gram. Jadi, 20 *mithqāl* bersamaan 100 gram. (Lihat Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa adillatuhu*, (Damaskus: Dār al-Fikr, 1989), 2: 759.

⁸⁴ Menurut kesepakatan ulama, bahawa setiap 10 dirham beratnya bersamaan 7 mithqal iaitu bersamaan dengan 33.6 gram mengikut kadar pertama dalam nota kaki no.41. jadi 200 dirham bersamaan dengan 672 gram perak.

⁸⁵ Wahbah al-Zuhayly (1989), *op. cit.*, 761

⁸⁶ Abu Dāwūd Sulaymān al-Ash'ath, *Sunan Abū Dāwūd*, Tahqiq : Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Kitāb al-Zakāh, Bāb Fi Zakāh al-Sā'imah* (Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1417 H) no. 1568, 270

Ertinya: “Apabila kamu memiliki 200 dirham dan telah berlalu satu haul (tahun), maka wajib padanya 5 dirham. Dan tidak wajib bagi kamu mengeluarkan zakat emas sehingga kamu memiliki 20 dinar. Dan jika kamu memiliki 20 dinar dan telah berlalu satu haul, maka wajib padanya setengah dinar.” (Hadis Riwayat Abu Daud dan Baihaqi dengan sanad jayyid).

2.2.6.2. Zakat Binatang Ternakan

Allah SWT berfirman dalam Surah *an-Nahl* ayat 5-7, yang berbunyi:

وَاللّٰتِ نَعَمَ خَلَقَهَا لَكُمْ فِيهَا دِفْءٌ وَمَنْفَعٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٥﴾
وَلَكُمْ فِيهَا جَمَالٌ حِينَ تُرْتَحُونَ وَحِينَ تَسْرَحُونَ ﴿٦﴾ وَتَحْمِلُ
اَثْقَالَكُمْ اِلَىٰٓ اٰلِىٰٓ بَلَدٍ لَّمْ تَكُوْنُوْا۟ۤ اَبْلَغِيْهِۦۙ اِلَّا بِشِقِّ الْاَنْفُسِۙ اِنَّ رَبَّكُمْ
لَرَّءُوْفٌ رَّحِيْمٌ ﴿٧﴾

Ertinya: “ Dan binatang-binatang ternak itu, ia juga menciptakannya untuk kamu; terdapat padanya benda-benda yang memanaskan tubuh dari sejuk dan beberapa faedah yang lain; dan daripadanya juga kamu makan. dan bagi kamu pada binatang-binatang ternak itu, keindahan (yang menarik hati) ketika kamu membawanya balik untuk berihat (pada waktu petang), dan ketika kamu membawanya keluar (pada waktu pagi). dan binatang-binatang itu pula membawa barang-barang kamu ke mana-mana negeri yang kamu tidak dapat sampai kepadanya melainkan dengan menanggung susah payah. Sesungguhnya Tuhan kamu amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya.”

Zakat atas binatang ternakan merangkumi kepada tiga jenis, iaitu unta, lembu/kerbau dan kambing. Diwajibkan zakat atas haiwan-haiwan tersebut kalau syarat-syaratnya telah dipenuhi.

- a. Haiwan-haiwan tersebut dalam keadaan baik dan sihat.

- b. Haiwan tersebut telah mencapai *niṣāb* sesuai dengan ketentuan syara'.
- c. Sudah mencapai haul dalam kepemilikan.
- d. Haiwan tersebut selama haul berada dalam keadaan dipelihara oleh pemiliknya bukan dilepaskan.⁸⁷
- e. Tidak digunakan untuk kepentingan pemiliknya, seperti digunakan untuk menggarap tanah pertanian, dijadikan alat untuk mengambil air, digunakan untuk menyiram tanaman dan digunakan untuk mengangkut barang-barang. Syarat ini khusus unta dan lembu.⁸⁸

Ringkasan jadual *niṣāb* dan kadar yang diwajibkan bagi masing-masing haiwan yang dikenakan wajib zakat:

a. Unta

Nisab Unta	Kadar yang diwajibkan
4 ekor ke bawah	Tiada zakat
5 -9 ekor	1 ekor kambing biri-biri ⁸⁹
10-14 ekor	2 ekor kambing biri-biri
15-19 ekor	3 ekor kambing biri-biri
20-24 ekor	4 ekor kambing biri-biri
25-35 ekor	1 ekor <i>bintu makhad</i> ⁹⁰
36-45 ekor	1 ekor <i>bintu labun</i> ⁹¹
46-60 ekor	1 ekor <i>hiqqah</i> ⁹²
61-75 ekor	1 ekor <i>jaza'ah</i> ⁹³
76-90 ekor	2 ekor <i>bintu labun</i>
91-120 ekor	2 ekor <i>hiqqah</i>
121-129 ekor	3 ekor <i>bintu labun</i>
Pertambahan tiap 40 ekor	1 ekor <i>bintu labun</i>
Atau pertambahan tiap 50 ekor	1 ekor <i>hiqqah</i>

⁸⁷ *Ibid.*, 833.

⁸⁸ Yusūf al-Qarāḍāwī (2000), *Op. cit.*, 171-172.

⁸⁹ Kambing berumur 2 tahun atau lebih, atau biri-biri berumur 1 tahun atau lebih.

⁹⁰ Unta betina umur 1 tahun dan memasuki tahun kedua

⁹¹ Unta betina umur 2 tahun dan memasuki tahun ketiga

⁹² Unta betina umur 3 tahun dan memasuki tahun keempat

⁹³ Unta betina umur 4 tahun dan memasuki tahun kelima

b. Lembu

Kurang dari 30 ekor	Tiada zakat
30-39 ekor	1 ekor lembu jantan/betina <i>tabi'</i> ⁹⁴
40-59 ekor	1 ekor lembu betina <i>musinnah</i> ⁹⁵
60-69 ekor	2 ekor lembu <i>tabi'</i>
70-79 ekor	1 ekor lembu <i>musinnah</i> dan 1 ekor <i>tabi'</i>
80-89 ekor	2 ekor lembu <i>musinnah</i>
Pertambahan 30 ekor lembu	Ditambah 1 ekor <i>tabi'</i>
Pertambahan 40 ekor lembu	Ditambah 1 ekor <i>musinnah</i>

c. Kambing/biri-biri

niṣāb kambing/biri-biri ialah 40 ekor, ertinya bila seseorang itu telah mempunyai 40 ekor kambing ataupun biri-biri, maka wajiblah baginya untuk mengeluarkan zakatnya.

Adapun jadual yang terperinci adalah seperti berikut:

Nisab kambing/domba	Kadar yang wajib dizakati
40-120 ekor	1 ekor kambing berusia 2 tahun atau biri-biri berusia 1 tahun
121-200 ekor	2 ekor kambing atau biri-biri
201-300 ekor	3 ekor kambing atau biri-biri
Setiap pertambahan 100 ekor kambing/biri-biri	Zakatnya ditambah 1 ekor kambing atau biri-biri

⁹⁴ Lembu berusia 1 tahun dan memasuki tahun kedua

⁹⁵ Lembu berusia 2 tahun dan memasuki 3 tahun

2.2.6.3. Zakat Pertanian⁹⁶ (Tanaman dan Buah-buahan) beserta *niṣāb* dan kadarnya

Allah SWT, Berfirman dalam Surah *al-An'am* ayat 141 yang berbunyi:

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ
مُخْتَلَفًا أَكْلُهُمُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ ۚ كُلُوا مِنْ
ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَءَاتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ ۗ وَلَا تُسْرِفُوا ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ
الْمُسْرِفِينَ ﴿١٤١﴾

Ertinya: “ Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.”

Dalam ayat al-Qur'an di atas, Allah SWT telah menjelaskan tentang kewajiban zakat tanaman dan buah-buahan. Dalam hal ini menurut Syafi'iyah, tanaman dan buah-buahan yang dikenakan wajib zakat hanyalah yang menjadi makanan asasi manusia (makanan yang mengenyangkan) yang biasa dan ia boleh disimpan serta tidak rosak. Di antara jenis-jenis makanan yang dikenakan zakat adalah biji gandum, barli, beras, kacang adas, kacang soya, jagung dan sebagainya. Dan di antara buah-buahan pula ialah kurma dan anggur kering. Manakala makanan yang dimakan sewaktu musim susah dan

⁹⁶ Yang dimaksudkan dengan pertanian dalam perbahasan ini ialah bahan-bahan yang digunakan sebagai makanan asas dan tidak busuk jika disimpan, contohnya dari tumbuh-tumbuhan, iaitu jagung, beras, dan gandum. Manakala dari jenis buah-buahan misalnya, kurma dan anggur. (Fakhrudin (2008), *Op. Cit.*, 90)

kemarau tidak boleh dianggap sebagai makanan asasi dan tidak wajib dikenakan zakat, kecuali pemiliknya mengkehendaki sedemikian.⁹⁷

perkataan “*wa ātu haqqahu*” dalam ayat di atas, seperti yang dinukilkan daripada Ibnu Abbas, bermakna “*Ikhrājū zakāihī*” atau keluarkan zakatnya.⁹⁸ Maknanya, jenis-jenis makanan dan buah-buahan yang telah disebutkan di atas apabila cukup *niṣāb*, maka wajibliah dikeluarkan zakatnya.

Surah *al-Baqārah* ayat 267 pula berbunyi:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَنْفِقُوْا مِنْ طَيِّبٰتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا اَخْرَجْنَا
لَكُمْ مِّنَ الْاَرْضِ ۗ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيْثَ مِنْهُ تُنْفِقُوْنَ وَلَسْتُمْ
بِءَاخِذِيْهِ اِلَّا اَنْ تُغْمِضُوْا فِيْهِ ۗ وَاَعْلَمُوْا اَنَّ اللّٰهَ غَنِيٌّ حَمِيْدٌ ﴿٢٦٧﴾

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman! belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.”

Dalam ayat ini, Allah SWT menjelaskan tentang kewajipan zakat pertanian yang berasal daripada tanaman mahupun buah-buahan, Allah juga menegaskan dan memerintahkan kepada kita untuk mengeluarkan derma atau zakat daripada hasil yang baik-baik sahaja, bukan yang buruk-buruk.

⁹⁷ Musthofa al-Khin, et. al (1402 H), *Op. cit.*, 24.

⁹⁸ *Ibid.*, 25. lihat juga, Wahbah Zuhayly (1989), *Op. cit.* 800.

Niṣāb hasil pertanian ialah 5 *wasq*⁹⁹ atau setara dengan 520 kg beras. Dalilnya ialah sebagaimana hadith Rasulullah saw yang diriwayatkan Abu Sa'id al-Khudri, bahawa Rasulullah saw bersabda;

عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَيْسَ فِيمَا دُونَ
خَمْسَةِ أَوْسُقٍ صَدَقَةٌ. (رواه النسائي)

Ertinya: "Dari *Abi Sa'id al-Khudzri* bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda; "tidak ada zakat pada biji-bijian yang kurang dari lima *wasq*."¹⁰⁰

Oleh itu, sekiranya hasil pertanian termasuk makanan asas seperti beras, jagung, gandum, kurma dan lain-lain, sudah mencapai 520 kg, maka telah wajib bagi pemiliknya untuk mengeluarkan zakat.

Tetapi jika hasil pertanian tersebut selain daripada makanan asas, seperti buah-buahan, sayur-sayuran, daun, bunga dan lain-lainnya. Maka *niṣāb*nya disamakan dengan harga *niṣāb* dari makanan asas yang paling umum di daerah atau Negara terbabit (misalnya makanan asas di Malaysia umumnya ialah beras).¹⁰¹

Dalam zakat pertanian para ulama bersepakat bahawa kadar zakat adalah *al-usyr* (10%) bagi tanaman yang disiram dengan air hujan mahupun air sungai, dan *nishfu al-usyr* (5%) bagi tanaman yang disiram dengan menggunakan pengairan sendiri, samada menggunakan tenaga manusia mahupun haiwan. Ini berasaskan kepada hadis Rasulullah SAW yang berbunyi:

⁹⁹ *Wasq* ialah sukatan yang telah ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w. bersamaan dengan 60 gantang (gantang Madinah) pada zaman Baginda s.a.w. dalam hal ini, satu gantang bersamaan 4 *mudd* (cupak) ataupun empat genggam besar. Kadarnya pula telah ditentukan iaitu satu gantang bersamaan 3 liter. Jadi satu *wasq* bersamaan 180 liter. Oleh itu nisab tanaman dan buah-buahan ialah 900 liter sukatan. (Musthofa al-Khin, (2005), Op. Cit., 40.

¹⁰⁰ Abū Abdul Rahmān Ahmad bin Syu'aib bin 'Alī al-Kharasani, al-Nasā'i (tt), *Sunān Abū Dāwūd*, no. 2402.

¹⁰¹ April Purwanto (2009), *Op.cit.* 40.

وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (فِيمَا سَقَتْ
السَّاءَ وَالْعَيْلَ، أَوْ كَانَ عَشْرًا، أَوْ عَشْرًا، وَإِيمًا سَقَى بِالشَّحِيقِ نَصْفَ الْعَشْرِ).
رواه البخاري. ولأبي داود: (أَوْ كَانَ بَعْلًا الْعَشْرَ، وَإِيمًا سَقَى بِالسَّوَانِي أَوْ الشَّحِيقِ

نِصْفَ الْعَشْرِ)

Ertinya: “Dari Salim bin Abdullah, dari ayahnya (Umar bin Khaththab r.a.), Rasulullah saw bersabda:”Tanaman yang diairi dengan air hujan dan sumber mata air, atau pokok yang diairi dengan hujan dan akarnya, maka zakatnya ialah persepuluh (10%), apabila tanaman tersebut diairi dengan pengepam, maka zakatnya ialah separuh satu persepuluh (iatu 5%)”. Dalam riwayat lain dari Abu Daud r’a’: “jika tanaman tersebut tidak memerlukan pengairan, maka zakatnya persepuluh (10%), dan jika tanaman tersebut disiram dengan menggunakan tenaga manusia atau haiwan, maka zakatnya ialah separuh persepulu (5%).”¹⁰²

2.2.6.4. Zakat Hasil Perniagaan

Hasil perniagaan ialah semua komoditi yang dijualbelikan dalam berbagai jenis, sama ada dalam bentuk barangan seperti kereta, tanah, alatan pakaian, makanan, perhiasan, dan lain-lain. Hasil perniagaan adalah hasil daripada perniagaan yang diniagakan secara bersendirian ataupun secara kelompok/korporat.¹⁰³

¹⁰² Ahmad bin Hajar al-Asqalānī, *Bulūgh al-Marām min Adillatihi al-Ahkām*, cet. Vii, (Riyād: Dār al-Salām, 2004), 179.

¹⁰³ Sri Giyanti, *Zakat, Buletin Ekonomika dan Bisnis Islam Feb UGM Le Bishawab* 1, (2007), no. 4, 3.

Allah SWT, berfirman dalam Surah *al-Baqarah* ayat 267 yang berbunyi:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا
لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ ۖ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ
إِلَّا أَنْ تَغْمِضُوا فِيهِ ۚ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿٢٦٧﴾

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman! belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.

Dalam hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Daud dari Samurah bin Jundub:

عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ قَالَ أَمَا بَعْدُ فَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْمُرُنَا
أَنْ نُخْرِجَ الصَّدَقَةَ مِنَ الَّذِي نُعِدُّ لِلْبَيْعِ.. (رواه أبو داود)

Ertinya: “ Dari Samurah bin Jundub berkata: “ Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah memerintahkan kepada kita untuk mengeluarkan shadaqah (zakat) pada barangan yang kami sediakan untuk keperluan jual-beli.”¹⁰⁴

¹⁰⁴ Imam *al-Nasā'ī* (tt), *Op Cit*, no. 1335.

Sesuatu harta itu disebut sebagai harta perniagaan ialah apabila telah memenuhi

2 syarat:

1. Ia dimiliki melalui akad pertukaran seperti jual beli, sewaan mahar dan sebagainya. Sesuatu barang itu tidak disebut sebagai barang perniagaan apabila barang tersebut dimiliki secara pusaka, pewasiatan, mahupun secara hibah.
2. Sewatu memilikinya, barang tersebut mestilah diniatkan sebagai barang perniagaan dan bersifat berterusan. Kalau niat asalnya tidak diniatkan untuk diniagakan, tapi kemudian ada niat untuk diniagakan, maka tidak dianggap sebagai barang perniagaan. Begitu juga sebaliknya, apabila niat asal barang tersebut adalah untuk diniagakan kemudian berubah niatnya untuk disimpan sahaja, maka tidaklah wajib zakat pada barang tersebut.¹⁰⁵

Syarat-syarat dikenakan zakat pada harta perniagaan adalah apabila telah memenuhi hal-hal berikut:

1. Telah mencapai nisab, iaitu nilai-nilai barang tersebut setara dengan nilai 85 gram emas atau lebih.
2. Mencapai haul, iaitu barang-barang tersebut sudah dimiliki selama satu tahun qamariyah atau tahun hijriah penuh.
3. Niat berniaga, pada masa dimiliki, barang-barang tersebut telah diniatkan untuk dijual.¹⁰⁶

¹⁰⁵ Musthofa al-Khin, et. al (1402 H), *Op. cit.* 27.

¹⁰⁶ Yasin Ibrahim al-Syaikh, *Kitab Zakat, Hukum, Tata Cara dan Sejarah*, Wawan S. Husin, et. al (terj.), (Bandung: Penerbit Marja, 2008), 61.

2.2.6.4.2. Haul dan *Niṣāb* Harta Perniagaan serta kadar pengeluaran zakatnya

Para ulama telah bersepakat, bahawa haul dan *niṣāb* harta perniagaan serta kadar yang harus dikeluarkan zakatnya bersamaan dengan wang tunai¹⁰⁷ atau dengan lain perkataan bersamaan dengan emas dan perak.

Maknanya, jika barang perniagaan tersebut telah mencapai tahap bersamaan 85 gram emas atau 200 dirham atau 672 gram perak setelah dipunyai selama setahun (mencapai haul) sejak permulaan perniagaan, maka wajib dikeluarkan zakatnya sebesar 2,5%. Dalam hal ini, pemilik barang perniagaan tersebut boleh memilih untuk mengukurnya dengan nilai emas ataupun perak, kecuali apabila dia telah membeli barang dagangannya menggunakan salah satu daripada keduanya, maka wajiblih bagi dia untuk mengikut nilai barang dagangannya.¹⁰⁸

2.2.6.5. Zakat Hasil Galian dan Rikaz

Yang dimaksudkan dengan hasil galian (*ma'din*) adalah semua hasil daripada proses penggalian benda-benda yang terdapat dalam perut bumi ataupun laut dan memiliki nilai-nilai ekonomik seperti minyak, logam, batu-bata, dan lain-lain. Manakala barang temuan (rikaz/harta karun), adalah harta yang ditemukan dan tidak diketahui pemilikinya.¹⁰⁹ Maknanya, kalau galian tersebut dikeluarkan dari dalam bumi, kemudian diproses untuk menghasilkan logam galian, maka itulah yang disebut sebagai barang galian. Sedangkan kalau ia merupakan barang terpendam sebelum Islam,¹¹⁰ maka ia dinamakan dengan *rikaz* atau harta karun. Dalam pengertian yang lebih luas menurut

¹⁰⁷ *Ibid.*

¹⁰⁸ Musthofa al-Khin (2005), *Op.cit.*, 44.

¹⁰⁹ Sri Giyanti (2007), *Op. cit.*

¹¹⁰ Musthofa al-Khin (2005), *Op.cit.*, 27.

Yusuf Qardhawi, yang dimaksudkan dengan barang temuan ialah berbagai-bagai jenis harta yang disimpan oleh orang-orang terdahulu di dalam tanah, Contohnya seperti emas, perak, tembaga, pundi-pundi berharga, dan lain-lain.¹¹¹

Dalil wajib zakat bagi barang galian, ialah sebagaimana yang dikatakan oleh Imam Nawawi dalam kitab *Al-Majmu'*, iaitu: '*Para ashab (ulama mazhab) kami berkata: Umat Islam bersepakat tentang wajibnya zakat barang galian*'.¹¹²

Sedangkan, dalil kewajipan zakat ke atas harta temuan atau *rikaz*, adalah hadis Riwayat Imam Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah r.a. daripada Rasulullah SAW yang sabdanya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ ...

وَفِي الرِّكَازِ الْخُمْسُ

“*Pada rikaz itu wajib satu perlima (20%) bahagian (sebahagian zakat)*”¹¹³

Jumlah zakat yang harus dikeluarkan terhadap barang galian, walaupun sebahagian ulama ada yang berpendapat bahawa jumlahnya bersamaan dengan nilai *rikaz* iaitu sejumlah 20%, tetapi umumnya para ulama sepakat untuk dikeluarkan sebanyak 2,5 % daripada penghasilan yang telah dikendalikan, dan tidak disyaratkan haul (setahun).¹¹⁴

Sedangkan mengenai *niṣāb* hasil galian dan *rikaz*, para ulama berbeza pendapat, mengikut syafi'iyah dan diperkuat lagi dengan tegas oleh pendapat Yusuf Qardhawi

¹¹¹ Yusuf al-Qardawi (2000), *Op. cit.*, 434

¹¹² Musthofa al-Khin (2005), *Op.cit.*, 28.

¹¹³ Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Diyāt, Bāb al-'Ujmā' Jabbār, no. 6913, (Kaherah : Maktabah al-Salafiyah, 1400 H), 4: 276

¹¹⁴ Syarif Hidayatullah (2008), *op cit.*, 51.

yang berpendapat, *niṣāb* keduanya bersamaan dengan *niṣāb* emas dan perak, dengan kadar masing-masing seperti yang telah disebutkan di atas.¹¹⁵

2.2.6.6. Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional¹¹⁶

Pada zaman sekarang, ramai umat Islam yang mendapatkan hasil daripada berbagai-bagai pekerjaan yang dilakukannya, sama ada sebagai kakitangan kerajaan mahupun swasta, sama ada sebagai doktor, guru, pensyarah, peguam, pelakon, suruhanjaya sumpah, dan lain-lain. Menariknya daripada berbagai-bagai macam pekerjaan tersebut, penghasilan mereka kadang-kadang melebihi daripada penghasilan yang diperoleh daripada hasil pertanian, perniagaan, dan jenis-jenis harta lain seperti yang telah disebutkan dan ditafsirkan oleh para ulama terdahulu tentang harta-harta yang wajib dikenakan zakat. Menurut pendapat ulama *muta'akhirin*, terutamanya Yūsuf Qarāḍāwī yang disokong oleh beberapa ulama masyhur lain seperti Abdur Rahman Hasan, Muhammad Abū Zahrah dan Abdul Wahab Khalaf,¹¹⁷ bahawa pendapatan atau gaji seperti ini apabila telah mencapai *niṣāb*, maka wajibliah dikeluarkan zakat daripadanya. Hal tersebut berdasarkan pada keumuman surah *al-Dzariyat*, ayat 19, yang berbunyi;

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ ﴿١٩﴾

Ertinya: “Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).

¹¹⁵ Musthofa al-Khin (2005), *Op cit.*, 46.

¹¹⁶ Yang dimaksud dengan gaji atau pendapatan profesional ialah segala bentuk pendapatan daripada kerja sendiri atau kerja profesional, ataupun upah tertentu yang dibayarkan oleh majikan sebagai ganjaran kepada kerja atau perkhidmatan yang dilakukan, samada dalam pengertiannya yang sempit atau elaun, imbuhan, sumbangan, faedah dan sebagainya. (Mahmood Zuḥdi Ab. Majid, “Gaji dan Pendapatan Profesional”, *Jurnal Syari'ah*, APIUM, Khairum Ilmu Interprise, Shah Alam, Jil. 1, Jan-Jun 1993)

¹¹⁷ Yūsuf al-Qarāḍāwī (2000), *Op. cit.*, 489.

Begitu juga dalam surah *al-Baqarah* ayat 267, yang berbunyi;

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَنْفِقُوْا مِنْ طَيِّبٰتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا اَخْرَجْنَا
لَكُمْ مِّنَ الْاَرْضِ ۗ وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيْثَ مِنْهُ تُنْفِقُوْنَ وَلَسْتُمْ بِاٰخِذِيْهِ
ۗ اِلَّا اَنْ تَغْمِضُوْا فِيْهِ ۗ وَاَعْلَمُوْا اَنَّ اللّٰهَ غَنِيٌّ حَمِيْدٌ

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman! belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.”

Berdasarkan kepada keumuman perkataan ‘*Amwāl*’ atau ‘harta-harta’ dalam surah *al-Dzāriyāt* ayat 19 dan perkataan ‘*mā kasabtum*’ atau ‘daripada hasil usaha kamu’ dalam surah *al-Baqarah* ayat 267 tersebut, maka para ulama berpendapat bahawa segala harta yang diperoleh daripada hasil usaha yang baik-baik, termasuk juga harta yang diperoleh daripada pendapatan gaji hasil daripada usaha sendiri ataupun gaji professional yang diperoleh daripada bekerja dengan orang lain. Harta orang Islam apabila telah mencapai nisab, maka wajib dikeluarkan zakat daripadanya.¹¹⁸ Begitu juga, pada persidangan Muktamar Internasional pertama yang diadakan di Kuwait pada tahun 1404 H, bersamaan dengan tahun 1984 M, para peserta Muktamar bersepakat tentang kewajipan zakat gaji.¹¹⁹

Di zaman Khalifah Umar bin Khattab r.a. sendiri, beliau telah menambah dan menetapkan objek zakat yang terdiri daripada kuda, getah, dan madu. Beliau mengambil

¹¹⁸ M. Quraish Shihab, *Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Quran*, (Jakarta: Lentera, cet. VI, 2006), 576-577.

¹¹⁹ Muhammad Kamal ‘Atiyyah (1998), *Op Cit*, 125

ijtihad ini kerana ketiga hal tersebut diperniagakan secara besar-besaran pada masa itu, sehingga memberikan pulangan yang sangat besar bagi para peniagaanya.¹²⁰ Hal ini, memberikan ruang yang lebih luas kepada petugas atau lembaga pungutan zakat untuk mempertingkatkan jumlah kutipannya.

Walaupun bagaimanapun, tiada ketetapan yang pasti mengenai *niṣāb*, waktu, kadar dan cara mengeluarkan zakat profesional. Dalam hal ini, ada beberapa hal yang boleh dijadikan rujukan untuk menetapkan *niṣāb*, waktu, kadar dan cara mengeluarkan zakat profesional berdasarkan kepada qiyas yang diambil.

Pertama, jika diqiyaskan dengan zakat perniagaan, maka *niṣāb*, kadar, dan waktu mengeluarkannya bersamaan dengan zakat emas dan perak, iaitu nisabnya sama nilai dengan 85 gram emas, kadar zakatnya 2,5% dan waktu mengeluarkannya setahun sekali, selepas ditolak keperluan asas.

Kedua, jika diqiyaskan dengan zakat pertanian, maka nisabnya bersamaan dengan nilai 653 kg padi atau gandum, kadarnya bernilai 5% dan dikeluarkan setiap kali mendapatkan gaji atau penghasilan.

Ketiga, jika dimasukkan ke dalam zakat emas dan perak dan diqiyaskan pada pendapat yang menyamakan mata wang masa kini dengan emas dan perak, maka nisabnya bersamaan dengan emas dan perak, dan kadar yang harus dikeluarkan zakatnya bernilai 2,5%. Tidak perlu menunggu setahun untuk mengeluarkan zakat kerana boleh dibayar segera selepas mendapatkan gaji.

Keempat, zakat gaji juga boleh diqiyaskan kepada dua perkara sekaligus, iaitu pada zakat pertanian dan zakat emas dan perak. Di mana, dari sisi *niṣāb* diqiyaskan pada zakat pertanian, iaitu sebesar lima *wasāq* atau bersamaan 653 kg padi atau gandum dan

¹²⁰ Jamadi (t.t), *Kebijakan Ekonomi Umar bin Al-Khattab: Studi Deskriptif-Analisi terhadap Kebijakan Fiskal pada Masa Pemerintahan Umar bin al-Khattab*, Antologi Kajian Islam, 236.

dikeluarkan pada masa menerima gaji atau pendapatannya serta tidak ada ketentuan *haul*. Sedangkan kadar zakatnya pula, diqiyaskan kepada zakat wang, iaitu sebanyak 2.5%, kerana pada umumnya pendapatan gaji, upah, elaun dan sebagainya diterima dalam bentuk wang.¹²¹ Oleh kerana zakat yang diambil disamakan dengan zakat pertanian, maka zakat yang diambil adalah daripada keseluruhan pendapatan selepas menerima gaji dan sebagainya serta belum ditolak oleh pengeluaran-pengeluaran untuk keperluan lain dan juga bukan pendapatan bersih (*net income*).¹²²

2.2.6.7. Zakat Wang Simpanan

Zakat wang simpanan sama ada dalam bentuk tabungan, deposit, dan lain-lain yang sejenis dengannya, wajib dikeluarkan zakat setelah mencapai *niṣāb* dan sudah dimiliki selama setahun/ *haul*.

Nisab dan kadar zakat wang ialah bersamaan emas dan perak, iaitu bernilai 85 grm emas dan sebesar 2.5% untuk kadar yang harus dikeluarkan zakatnya.¹²³ Namun, jika wang simpanan tersebut ada memberi hasil, maka dikeluarkan dulu wang bagi hasilnya, kemudian dikeluarkan zakatnya sesuai dengan cara pengiraannya di atas. Begitu juga, jika tabungannya terdapat di beberapa tempat, maka jumlah tabungannya digabungkan lebih dahulu, barulah kemudian dikeluarkan zakatnya, sama seperti pengiraan di atas.¹²⁴

¹²¹ Fakhruddin (2008), h. 142; lihat juga, Didin Hafidhuddin (2002), *Zakat Dalam Perekonomian Modern*, Jakarta: Gema Insani Press, 97.

¹²² Muhamad Abduh (2009), *Zakat Tinjauan Fikih dan Teori Makro Modern*, Jakarta: Fath Publishing, 78

¹²³ Syarif Hidayatullah (2008), 59

¹²⁴ *Ibid.*, 60

2.2.7. Hikmah Zakat Dalam Islam

Banyak hikmah zakat yang terkandung di dalamnya, tetapi secara umumnya hikmah daripada kewajipan zakat ini mempunyai dua aspek, iatu aspek vertikal dan aspek horizontal.

Secara vertikal, adalah berhubungkait dengan hubungan antara manusia dengan Tuhannya, zakat yang dikeluarkan oleh seorang hamba merupakan cara menunjukkan kesyukuran kepada Allah SWT sebagai pemberi rezeki atas nikmat harta yang diberikan kepadanya. Dalam hal ini zakat yang dikeluarkan oleh seorang hamba akan membersihkan dan menyucikan dirinya dan hartanya.

Sebagaimana firman Allah SWT, dalam surah at-Taubah ayat 103 yang berbunyi;

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ
صَلَوَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Ertinya; “Ambilah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak Yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui”.

Secara horizontal pula, zakat merupakan ibadah *māliyah ijtimā'iyah* yang bersifat sosial. Menurut Syarif Hidayatullah,¹²⁵ hal tersebut dapat merangkumi dalam beberapa hal yang berikut;

¹²⁵ Syarif Hidayatullah (2008), *Op cit.*, 14

1. Menolong, membantu, membina, dan membangkitkan semangat kaum *dhu'afa* yang lemah. Dengan mendapatkan bantuan daripada harta zakat, maka mereka akan mampu melaksanakan kewajipan mereka kepada Allah swt.
2. Menjauhkan sifat iri hati, hasad, dan perasaan dengki terhadap orang-orang yang hidup di sekitar mereka yang berkemampuan terutamanya orang yang hidup dalam kemewahan.
3. Mewujudkan keseimbangan pengagihan harta dan tanggungan peribadi dalam masyarakat.
4. Mampu mewujudkan sistem aturan Islam yang berdiri atas prinsip-prinsip; *ummatan wāhidan* (umat yang satu), *al-musāwah* (persamaan darajat, dan kewajipan), *Ukhuwah Islāmiyah* (persaudaran Islam), dan *takāful ijtima'* (tanggung jawab bersama).

Menyucikan diri daripada dosa, membersihkan jiwa yang kotor (menumbuhkan akhlak mulia, murah hati, mengambil berat antara satu sama lain), dan mengikis sifat bakhil (kikir) dan tamak.

2.3. Pengurusan Harta Zakat Dalam Islam

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam hikmah zakat di atas, zakat mempunyai peranan yang sangat penting dalam sistem perekonomian Islam. Harta zakat yang dikendalikan dengan baik dan benar serta jujur dan amanah mampu mewujudkan kestabilan ekonomi di dalam pembangunan masyarakat Islam. Terutama masyarakat yang tergolong dalam kalangan *du'afa'*, di mana salah satu tujuannya adalah untuk mengangkat kehidupan ekonomi mereka ke arah yang lebih baik. membimbing mereka daripada *mustahik* menjadi *muzakki*, mengelakkan kecemburuan sosial antara yang kaya dan miskin dan lain-lain.

2.3.1. Amil Zakat

Menurut Yūsuf al-Qarāḍāwī, yang dimaksudkan dengan amil zakat ialah mereka yang melaksanakan segala kegiatan urusan zakat, sama ada para pemungut zakat, golongan bendahari dan golongan penjaganya, sama ada pencatat mahupun penghitung yang mencatat keluar masuk zakat, dan mengagihkannya kepada para *mustahik*nya.¹²⁶ Menurut pendapat Abdul Monir Yaacob, seorang amil zakat mestilah orang yang ditugaskan sama ada oleh sultan/penguasa atau wakilnya untuk mengutip zakat dan disyaratkan untuk bersifat adil dan mengetahui *fiqh al-zakāh*.¹²⁷ Hal tersebut adalah berdasarkan kepada surah al-Taubah ayat 103, yang berbunyi:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ
صَلَوَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Ertinya: “Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui”.

Ayat tersebut kemudian dikuatkan lagi dengan beberapa riwayat masyhur, sebagai mana Yusuf al-Qardawi menuliskannya, iaitu bahawa dalam hadis sahih Bukhari-Muslim, daripada Abu Hurairah, bahawa Rasulullah SAW telah menjadikan seorang lelaki dari Azad yang bernama Ibnu Lutbiah sebagai petugas dalam segala urusan zakat. Dalam hadis sahih al-Bukhari dan Muslim pula daripada Umar, bahawa Rasulullah telah menugaskan Ibnu Sa'di untuk menjadi petugas zakat. Daripada Abu

¹²⁶ Yūsuf al-Qarāḍāwī (2000), *Op. cit.*, j. 2, 579.

¹²⁷ Abdul Monir Yaacob (2001), *Garis Panduan Agama dalam Pengagihan Zakat*, dalam buku, *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif dalam Islam*, Nik Mustapha Nik Hassan (penyunting), Kuala Lumpur: IKIM, 9.

Daud, bahawa Nabi SAW telah mengutus Abu Mas'ud sebagai petugas zakat. Dalam Musnad Ahmad dikemukakan, bahawa Rasulullah SAW telah mengutus Abu Jahm bin Huzaifah sebagai petugas zakat. Dalam Musnad Ahmad juga dikemukakan bahawa Rasulullah telah mengutus Amir sebagai petugas zakat. Dalam Musnad Ahmad dari hadis Qurrah bin Da'mush, bahawa Qais bin Sa'ad telah diutus sebagai petugas zakat. Dalam Musnad Ahmad juga, dari hadis Ubadah bin Shamit, bahawa Rasulullah SAW telah mengutusnyanya untuk mengambil zakat daripada orang yang wajib mengeluarkannya. Wahid bin Uqbah telah diutus sebagai petugas zakat untuk mengambil zakat Banu Musthalik.¹²⁸

Atas dasar ayat tersebut sebuah kesimpulan dapat dibuat, petugas zakat haruslah ditunjuk dan diangkat oleh seorang penguasa atau amir atau sultan.¹²⁹ Petugas atau amil zakat di sini sebenarnya adalah sebagai wakil daripada amir atau penguasa yang dikenakan *khiṭāb* atau perintah langsung dalam pemungutan zakat dalam surah al-Taubah ayat 103 tersebut di atas.

Keberkesanan agihan zakat dalam mencapai tujuannya untuk mengurangkan atau menghilangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan sosio ekonomi ummah bergantung kepada organisasi pengelolaan zakat. Organisasi ini haruslah menjadi lembaga yang amanah, kuat, bertanggungjawab, dan profesional. Dalam hal ini, amil yang mempunyai kelayakan tertentu diperlukan. Menurut Mahmudi, syarat utama untuk melantik amil ialah mempunyai keperibadian dan berakhlak seperti akhlak Rasulullah SAW iaitu *ṣiddiq*, *amānah*, *tabliq* dan *faṭānah*.¹³⁰ Di mana selanjutnya menurut beliau, seorang amil haruslah bersifat *ṣiddiq* atau benar dalam perkataan dan

¹²⁸ Yūsuf al-Qarāḍāwī (2000), *Op. cit.*, 749-750.

¹²⁹ Di hampir semua Negara yang melaksanakan pemungutan zakat sudah mempunyai perundangan sendiri tentang pembentukan atau penubuhan organisasi pengelola zakat. Pelaksanaan zakat secara umum di Indonesia diatur dalam Undang-Undang Republik Indonesia nombor 38 tahun 1999 tentang Pengelolaan Zakat.

¹³⁰ Mahmudi (2009), *Sistem Akuntansi Organisasi Pengelola Zakat*, Yogyakarta: P3EI Press, 7.

perbuatan, memiliki integriti dan kejujuran yang tinggi kerana mereka akan mengendalikan dana umat dan berhubung secara langsung dengan umat. Sifat amanah dan bertanggungjawab juga diperlukan oleh seorang amil kerana kerja mengendalikan zakat adalah kepercayaan yang diberikan orang islam untuk mengendalikan zakat, infak, dan sadaqah yang mereka keluarkan.

Sifat tabligh atau menyampaikan amanah, merupakan isyarat perlunya ketelusan dalam hal informasi yakni tidak menyembunyikan. Dalam hal ini, laporan kewangan atas pengelolaan dana ZISWAF (zakat, infak, sadaqah dan wakaf) memerlukan sifat tabligh dan amanah. Selanjutnya, sifat terakhir yang harus dimiliki oleh seorang amil ialah fathonah atau cerdas, memiliki kompetensi (kemampuan) dan profesionalisme, serta memiliki pengetahuan dan kelayakan yang cukup. Dalam hal ini, amil yang fathonah ialah amil yang memahami fiqh dan pengurusan ZISWAF dengan baik.

Selanjutnya menurut beliau, selain memiliki akhlak seperti sifat-sifat Rasulullah SAW di atas, seorang amil juga harus mempunyai pengetahuan dalam bidang fiqh zakat, pengurusan kewangan lembaga bukan keuntungan syariah, psikologi sosial dan ilmu kemausiaan, ekonomi syariah dan perakauan syariah. Ilmu ini haruslah dikuasai sebagai bentuk kelayakan dan kemampuan teknikal.¹³¹

Kerana tugas yang harus dilakukan oleh seorang petugas zakat adalah berat, maka dia juga haruslah diberikan gaji atau dibayar dan diambilkan daripada dana zakat yang terkumpul. Hal tersebut berdasarkan surah at-Taubah ayat 60, yang menceritakan tentang *mustahik* zakat.

¹³¹ Mahmudi. *Ibid*

2.3.2. Sistem Pungutan dan Pengagihan Harta Zakat

Pungutan dan agihan harta zakat dilakukan oleh amil zakat yang telah dilantik oleh pemerintah ataupun kerajaan.¹³² Di antara mereka ada yang bertugas hanya untuk memungut harta zakat sahaja,¹³³ sebahagian yang lain ada yang bertugas memungut dan mengagihkannya kepada golongan fakir miskin khususnya, dan asnaf yang lapan pada umumnya.

Dalam hal pemungutan zakat, amil haruslah bersikap proaktif untuk mengunjungi tempat-tempat para *muzakki* seperti yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW dan khalifah sesudah beliau. Amil juga berhak untuk memaksa dan memberikan hukuman kepada para *muzakki* yang enggan untuk membayarkan zakatnya.¹³⁴

Ada dua alasan mengapa amil harus mengunjungi tempat-tempat golongan *muzakki*, iaitu:

Pertama : kerana ramai di antara *muzakki* yang tidak tahu bagaimana untuk menghitung harta yang harus dikeluarkan zakatnya, terutama orang-orang yang baru masuk Islam. Oleh itu, tugas amil adalah untuk membantu golongan *muzakki* tersebut untuk menentukan dan menghitung berapa zakat yang harus dikeluarkan daripada hartanya.

Kedua : kerana ada sebahagian *muzakki* yang enggan membayar zakatnya, maka *muzakki* tersebut harus ditarik zakat hartanya dengan cara paksaan dan diberikan

¹³² Di Indonesia tugas pemungutan dan pengagihan dana zakat sudah di atur dengan jelas dalam Undang-undang Republik Indonesia Nombor 38 tahun 1999 tentang pengelolaan zakat, pada bab IV tentang pemungutan zakat, dan bab V tentang pengagihan zakat kepada mustahik.

¹³³ Pengertian lain dari amil yang tugasnya memungut zakat dalam sistem akuntansi organisasi pengelola zakat ialah Penggalian Dana (*Fund Raising*) ZIS, dalam hal ini, selain melakukan pengumpulan dana ZIS, tugas amil ialah melakukan pendataan muzakki dan menyimpannya dalam database muzakki, melakukan kegiatan promosi, sosialisasi, dan marketing untuk menjaring muzakki baru, melakukan koordinasi dengan unit pemungut ZIS, serta menyelenggarakan kegiatan atau program amal untuk pengumpulan Infaq dan shodaqah. (lihat Mahmudi (2009), *ibid*, 14)

¹³⁴ Romansyah Harul, *Studi Tentang Amil Zakat*, Jurnal MAZAHIB STAIN Samarinda, Vol. IV. (2007), no. 2, 5.

hukuman yang berat iaitu separuh daripada hartanya disita atau diambil untuk kepentingan umat Islam.¹³⁵

Dalam pengagihan harta zakat, majoriti ulama telah bersependapat bahawa agihan zakat akan diperuntukkan kepada lapan golongan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam al-Quran surah at-Taubah ayat 60, bunyinya seperti berikut:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ
وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ
اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Ertinya: “*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*”

Mengikut hasil mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syara’ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia kali ke - 51,¹³⁶ pentakrifan asnaf-asnaf yang berhak menerima zakat telah diputuskan seperti berikut:

1. Fakir

Ialah seseorang yang tidak mempunyai apa-apa harta atau pekerjaan atau menerima pendapatan dari sumber-sumber lain yang jumlahnya tidak sampai 50 peratus daripada keperluan harian dan keperluan tanggungannya dan

¹³⁵ *Ibid.*, 6

¹³⁶ Zainal Abidin (2001), *Cara Pengagihan Dana Zakat: Pengalaman Wilayah Persekutuan*, dalam buku, *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif dalam Islam*, Nik Mustapha Nik Hassan (penyunting), Kuala Lumpur: IKIM, 67.

tidak sampai 50 peratus daripada perbelanjaan hidup seseorang yang hidup sederhana dan orang-orang tanggungannya.

2. Miskin

Ialah seseorang yang mempunyai pekerjaan atau hasil usaha yang hanya memenuhi sebahagian daripada keperluan asasnya tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian dan juga menampung orang-orang tanggungannya.

3. Amil

Ialah mereka yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk pemungutan, agihan, pengurusan kewangan dan sebagainya.

4. Muallaf

Mereka yang cenderung hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya).

Untuk golongan ini, Yusuf Qardhawi membahagikan ke dalam beberapa kelompok:

- i. Golongan yang diharapkan keislamannya atau keislaman kelompok serta keluarganya.
- ii. golongan orang yang dikuatirkan kelakuan jahatnya. Mereka dimasukkan ke dalam kelompok *mustahik* zakat, dengan harapan dapat mencegah kejahatannya.

- iii. golongan orang yang baru masuk Islam dengan harapan akan bertambah mantap keyakinannya.
- iv. pemimpin dan tokoh masyarakat yang telah memeluk Islam yang mempunyai sahabat-sahabat orang kafir. Dengan memberi mereka bahagian zakat, diharapkan dapat menarik simpati mereka untuk memeluk Islam.
- v. pemimpin dan tokoh kaum Muslimin yang berpengaruh di tengah kaumnya, akan tetapi imannya masih lemah. Mereka diberi sebahagian harta zakat dengan harapan imannya menjadi tetap dan kuat, sebagaimana pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW terhadap kelompok seperti ini dengan pemberian yang sempurna daripada *ghanimah Hawazin*.
- vi. kaum Muslimin yang tinggal di benteng-benteng dan daerah perbatasan yang berhampiran dengan musuh. Mereka diberi sebahagian daripada harta zakat dengan harapan dapat mempertahankan diri dan membela kaum Muslimin yang tinggal jauh dari benteng itu daripada serbuan musuh.
- vii. kaum Muslimin yang memerlukannya untuk menguruskan zakat orang yang tidak mahu mengeluarkannya, kecuali dengan paksaan seperti dengan diperangi. Hal ini dengan tujuan untuk melembutkan hati mereka, bagi penguasa, merupakan tindakan memilih antara dua hal yang paling ringan kemudaratannya.

Semua hal tersebut di atas termasuk dalam pengertian “ golongan muallaf ”, sama ada orang Islam atau kafir.¹³⁷

¹³⁷ Yūsuf al-Qarādāwi (2000), *Op cit.*, 595-596.

5. Al-Riqab

Memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada daripada segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.

6. Al-Gharimin

Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syara'. Dengan syarat hutang tersebut tidak dibuat dengan tujuan untuk mencetuskan perkara-perkara yang haram. Untuk tujuan ini penghutang digolongkan kepada dua kategori:

- i. Orang-orang yang berhutang untuk memenuhi keperluan hidup mereka. Jika mereka tidak kaya dan tidak memiliki harta yang melebihi nisab, maka hutangnya boleh dibayar dengan menggunakan harta zakat.
- ii. Orang-orang yang berhutang dengan tujuan membantu orang lain. Hutang orang-orang seperti ini sama ada kaya atau miskin boleh dibayar dengan menggunakan harta zakat.¹³⁸

¹³⁸ Afzal-ur-Rahman (1991), *op. cit.*, 223.

7. Fisabilillah

Golongan atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti untuk menegakkan, mempertahankan dan menyebarkan agama Islam serta kebajikannya.

8. Ibnu Sabil

Ialah mana-mana orang yang dalam perjalanan dengan tujuan yang dibenarkan oleh hukum syara' dari mana-mana negeri atau Negara yang memerlukan bantuan.

Ayat di atas sebenarnya hanya menjelaskan dan memberi batasan kepada siapa yang berhak untuk mendapatkan agihan harta zakat. Walaubagaimanapun apakah harta zakat tersebut diserahkan semua kepada asnaf tersebut pada masa yang sama, tidak dijelaskan secara spesifik. Dalam hal ini ulama fiqh berbeza pendapat, Imam Syafi'i dan Imam Ahmad berpendapat bahawa pembahagian harta zakat wajib diberikan ke semua golongan, dan setiap golongan itu hendaklah sekurang-kurangnya tiga orang atau lebih, kerana tiga itu adalah kurang daripada jumlah jamak, kecuali petugas, kerana apa yang diambil merupakan upah baginya dan dibenarkan walaupun seorang sahaja. Kecuali jika pemilik atau *muzakkī* tersebut memberikan terus harta zakatnya kepada *mustahiq*, maka gugurlah hak petugas tersebut.¹³⁹

Sedangkan imam Malik, Abu Ubaid dalam riwayat yang diterima dari Ibnu Abbas telah mengatakan bahawa harta zakat itu tidak seharusnya dibahagikan kepada semua golongan yang lapan, salah satu yang menjadi alasannya ialah tentang ayat 60 dari surat al-Taubah tentang orang-orang yang berhak mendapatkan agihan zakat,

¹³⁹ Yūsuf al-Qarādāwi (1988), *Op cit.*, 686-687.

kerana maksud ayat tersebut adalah agar sedekah itu jangan diberikan kepada selain lapan golongan tersebut, bukan bererti dibahagi dengan jumlah yang sama pula.¹⁴⁰

Yūsuf al-Qarādāwī sendiri berpendapat bahawa asnaf fakir dan miskin harus didahulukan dalam pengagihan dana zakat kerana sasaran utama disyariatkan zakat adalah untuk menghilangkan kadar kemiskinan dan kesusahan dalam masyarakat Islam.¹⁴¹

Supaya agihan zakat lebih berkesan dan tepat sasaran, maka klasifikasi terperinci asnaf yang lapan tersebut ke dalam beberapa kategori lagi perlu dilakukan. Dalam hal ini menurut Hairunnizam Wahid sebagaimana diambil daripada Mujaini, pengklasifikasian tersebut boleh dibahagikan dalam tiga kelompok atau kategori atau asas agihan iaitu:

1. Agihan berdasarkan keperluan. Ia termasuklah fakir, miskin, hamba sahaya, si berhutang dan *Ibnu Sabīl*.
2. Agihan berdasarkan pemupukan dan galakan hidup beragama dan moral. Dalam hal ini termasuklah *muallaf* dan *fī-sabīlillāh*.
3. Agihan berdasarkan insentif dan motivasi terhadap pengurus zakat. Dalam hal ini yang termasuk di dalamnya ialah amil zakat.¹⁴²

Permasalahan yang sering dihadapi oleh amil dalam mengagihkan zakat adalah kurangnya pemahaman yang lengkap tentang latar belakang *mustahik*. Diharapkan dalam pengagihan zakat nanti supaya agihannya adil dan sesuai dengan keperluan

¹⁴⁰ *Ibid.*, 688.

¹⁴¹ *Ibid.*, 544.

¹⁴² Hairunnizam Wahid, et al., *Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia*, kertas kerja dalam Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan, anjuran Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya APIUM (10-11 Februari 2009).

mustahik. Dengan pengklasifikasian seperti yang telah dijelaskan di atas, diharapkan dapat membantu dan memudahkan amil untuk mengetahui latar belakang asnaf dalam pengagihan harta zakat. Dalam hal ini penggunaan teknologi maklumat yang canggih juga perlu diambil kira.

2.3.3. Pengelolaan Harta Zakat

Allah berfirman dalam surah al-Hasyr ayat 7 yang berbunyi;

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ
مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ
إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۝

Ertinya : “Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).”

Islam mengamalkan prinsip keadilan dalam kehidupan, Bukan sahaja dalam hubungan antara manusia dengan Tuhannya, tetapi juga dalam hubungan antara manusia dengan alam sekitarnya dan hubungan antara sesama manusia. Tidak hanya berkaitan dengan pergaulan sosial, tetapi juga berkaitan dengan kekayaan yang berpusing dalam masyarakat. Ayat di atas menjelaskan kepada kita tentang asas-asas teori pengagihan kekayaan dalam kehidupan bermasyarakat orang-orang Islam.

Kekayaan yang berpusing dalam masyarakat Islam mestilah mencukupi untuk semua lapisan dalam masyarakat, dan tidak beredar di antara orang-orang kaya sahaja. Termasuklah apa yang tersurat dalam ayat di atas, yang lebih penting adalah bagaimana kekayaan yang ada dapat diagihkan, ini yang selalu menjadi persoalan dan kadang-kadang kurang diambil berat.

Kelemahan dalam pengagihan kekayaan, akan menyebabkan kekayaan tersebut berpusing di sebahagian kecil kelompok tertentu sahaja. Sementara kelompok yang lain, terutamanya orang-orang miskin akan kekal dengan kemiskinannya disebabkan pengagihan kekayaan yang tidak adil. Dalam hal ini boleh dikatakan bahawa kebajikan dan kesenangan hidup orang ramai bukanlah bergantung kepada pengeluaran semata-mata, tetapi bergantung juga kepada pengagihannya yang adil. Dalam konteks sebuah Negara, walaupun kekayaan dikeluarkan dengan banyak dalam mana-mana negara, tetapi jika pengagihannya tidak berasaskan kepada prinsip yang hak dan adil, Negara itu tidak akan mencapai kemakmuran.¹⁴³

Zakat yang dipungut daripada orang-orang kaya dan diagihkan kepada orang-orang miskin akan memberikan kesan yang sangat positif dalam kehidupan sosial ekonomi masyarakat terutamanya untuk membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat Islam. Hal ini boleh dicapai dengan syarat pengagihan dilakukan dengan cekap, adil dan teliti. Dengan kata lain, dana zakat yang ada tidak sepatutnya dilaburkan sepenuhnya ke dalam bentuk kegiatan ekonomi yang produktif sahaja, tetapi sebahagiannya mesti diasingkan untuk diagihkan secara konsumtif kepada sebahagian asnaf lain yang tidak mempunyai peluang untuk melibatkan diri secara langsung dalam kegiatan ekonomi yang produktif disebabkan kekurangan mereka daripada segi pendidikan, latihan, keupayaan fizikal atau dihalang untuk bergerak bebas dan bersosial. Hal ini termasuklah

¹⁴³ Afzal-ur-Rahman (1994), *op cit.*, jil. II, cet. 2, 63.

orang miskin, orang cacat, orang yang tidak bernasib baik, kanak-kanak, anak-anak yatim dan orang perempuan.¹⁴⁴

Daripada penjelasan di atas, beberapa keadaan perlu diciptakan supaya pengendalian harta zakat baik dan berkesan, antaranya:

- a. Adanya kesedaran oleh masyarakat mengenai makna, tujuan dan hikmah zakat.
- b. Adanya amil zakat yang benar-benar amanah dan bertanggungjawab untuk dunia dan akhirat.
- c. Adanya perencanaan (*planning*), pengorganisasi (*organizing*), pelaksanaan (*actuating*), serta pengawasan (*controlling*) atas pelaksanaan pemungutan zakat yang baik.¹⁴⁵

2.4. Pengurusan Harta Zakat dalam Perekonomian Moden

Dalam pandangan sebahagian masyarakat, harta zakat merupakan hak mutlak *mustahik* yang harus diagihkan dengan segera sehingga habis. Tetapi dalam kenyataannya, zakat yang diagihkan dengan corak seperti itu, tidak boleh memberikan kesan jangka panjang terhadap perkembangan ekonomi masyarakat miskin.

Mengikut sejarah, zakat sudah berkembang di Indonesia sejak pertama kali kedatangan Islam ke wilayah Nusantara. Zakat telah menjadi salah satu sumber dana yang sangat penting untuk mengembangkan dakwah Islam.¹⁴⁶ Persoalannya di sini

¹⁴⁴ Ataul Huq Pramanik, *Pembangunan dan Pengagihan dalam Islam*, Amar Said (terj.), (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 18.

¹⁴⁵ Hassan Salleh, et al, *Kajian Fiqh Nabawi & Fiqh kontemporer*, (Jakarta: PT Rajagrafindo Persada, 2008), 171.

¹⁴⁶ Zulfahmi Bustami, *Argumentasi Positififikasi Hukum Zakat di Indonesia*, Jurnal Hukum Islam UIN Sultan Syarif Kasim: Pekanbaru Riau, Vol.VII, (2007), no. 5: 567.

adalah krisis penurunan kepercayaan masyarakat kepada lembaga zakat kerana kesan daripada pengagihan zakat tidak dapat dirasakan manfaatnya oleh mereka. Hal tersebut menurut penulis adalah disebabkan oleh sistem pengendalian dan pengagihan harta zakat yang masih dilakukan dengan cara tradisional dan masih bersifat konsumtif dengan jangka pendek.

Merujuk kepada masalah tersebut, pemerintah telah mengeluarkan undang-undang pengendalian zakat nombor 38 pada tahun 1999. Sebagai langkah untuk menguruskan zakat secara professional, Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) telah ditubuhkan sebagai organisasi zakat milik negara. Masyarakat juga telah diberikan peluang untuk menubuhkan organisasi zakat di daerah masing-masing dengan izin pemerintah yang dinamakan oleh Lembaga Amil Zakat Nasional (LAZNAS). Bermula pada masa itu, pengurusan zakat sudah dilakukan dengan pola-pola pengurusan moden bermula daripada pemungutan sehingga pengagihannya. Laporan yang terbuka mengenai hal ini telah diberikan kepada masyarakat menerusi media-media awam sama ada media elektronik ataupun buletin-buletin dan majalah-majalah yang diterbitkan oleh organisasi zakat. Kesemuanya diletakkan di bawah pengawasan yang ketat daripada pemerintah.¹⁴⁷

2.4.1. Strategi Pemungutan Zakat

Keinginan daripada pihak pemerintah ataupun organisasi pengelola zakat untuk meningkatkan keyakinan masyarakat untuk membayar zakat menerusi lembaga-lembaga zakat perlu dirancang dengan baik. Antara rancangan yang sudah difikirkan

¹⁴⁷ Dalam Bab V pasal 16 ayat 2 Undang-undang Republik Indonesia Nombor 38 tahun 1999, tentang Pengelolaan zakat, dalam bab tersebut pemerintah hanya memberikan gambaran secara umum tentang pengelolaan harta zakat, adapaun praktiknya secara nyata di lapangan diserahkan sepenuhnya kepada organisasi atau lembaga pengelola zakat yang ada dengan syarat tidak bercanggah dengan syarat. Adapun bunyi ayat tersebut ialah; "*pendayagunaan hasil pengumpulan zakat berdasarkan skala prioriti keperluan mustahiq dan dapat dimanfaatkan untuk keperluan produktif*".

adalah strategi pemungutan zakat. Menurut Jabatan Agama Republik Indonesia, terdapat tiga strategi yang harus dilakukan iaitu;

- a. Penubuhan unit pengumpulan zakat. Hal ini dilakukan untuk memudahkan aktiviti pemungutan zakat terutamanya untuk para *muzakki* yang hendak membayar zakatnya. Oleh itu, Badan Amil Zakat atau Lembaga Amil Zakat diharapkan untuk membuka cawangan di daerah-daerah yang sesuai dengan peringkatnya, sama ada peringkat nasional, wilayah, daerah, perbandaran, atau peringkat desa atau kampung.
- b. Pembukaan kaunter penerimaan zakat. Seperti lembaga-lembaga kewangan Islam profesional yang lain. Contohnya seperti bank-bank, terdapat ruang beratur, alatan tulis dan penghitung zakat, dan terdapat juga petugas khusus untuk melayan *muzakki* yang menghadapi kesulitan menghitung zakatnya. Hal tersebut akan memudahkan golongan *muzakki* untuk membayar zakatnya. Oleh itu, *muzakki* tidak akan berfikir dua kali untuk membayar zakatnya ke tempat-tempat yang belum tersusun dengan baik seperti ustaz di kampung, surau-surau, dan sebagainya, walaupun itu tidak menyalahi syarak.
- c. Pembukaan akaun bank.¹⁴⁸ Dalam hal ini perkara yang harus diperhatikan ialah;

Pertama : akaun harus dipisahkan antara dana zakat, infak dan shadaqah, untuk memudahkan pihak amil dan *muzakki* untuk membezakan antara wang zakat atau bukan.

Kedua : dengan terdapatnya akaun bank, golongan *muzakki* yang enggan datang ke kaunter zakat boleh membayar zakat di ATM berdekatan ataupun

¹⁴⁸ Fakhruddin (2008), *Op Cit.*, 310

dengan menggunakan sistem *online* yang bekerjasama dengan pihak bank. Dengan perkembangan IT yang sudah menjadi kemudahan awam, *muzakki* boleh membayar zakat melalui internet yang terdapat di rumah.

2.4.2. Pengurusan dan Pengembangan Dana Zakat

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, zakat tidak boleh digunakan untuk pemanfaatan secara produktif sahaja kerana tidak semua asnaf terutamanya fakir-miskin yang mampu melakukan kerja-kerja produktif. Tetapi sebahagian dana zakat yang ada juga harus diasingkan dan diagihkan untuk hal-hal yang bersifat konsumtif.

Dalam menghadapi masalah pencegahan kemiskinan, boleh merujuk kepada konsep zakat produktif dalam pemberian modal usaha untuk fakir miskin yang masih boleh bekerja. Hal ini banyak disuarakan oleh ulama-ulama kontemporari kerana konsep pengagihan ini dianggap lebih sesuai untuk mencegah dan mengurangkan kadar kemiskinan dalam unat Islam. Model pengagihan modal usaha ini menurut Armiadi Musa Basyah dalam tesisnya seperti yang diambil daripada Abdurrahman Qadir, boleh menyerupai antara lain:

- a. Memberikan pinjaman modal usaha dalam bentuk pinjaman kebajikan (Al-Qard al-Hasan)
- b. Membangunkan kemudahan dan prasarana pertanian serta perindustrian untuk membantu orang-orang miskin yang menganggur.
- c. Menyelenggarakan pusat pendidikan kemahiran dan kejuteraan untuk mendidik golongan penganggur agar mereka memiliki kemahiran (skill) tertentu.¹⁴⁹

¹⁴⁹ Armiadi Musa Basyah (2008), *Op Cit*, 69.

Pada perkembangan selanjutnya, amalan-amalan pola pengagihan dana zakat yang dilakukan di Indonesia sekarang sudah menggunakan cara yang hampir sama dengan cara-cara atau sistem yang dilakukan di lembaga-lembaga kewangan Islam lain, seperti *Murabahah*, *Muḍārabah* dan *Qarḍu al-ḥasan*.

Menurut Yusuf Zain,¹⁵⁰ pola pengagihan harta zakat produktif seperti itu adalah dibenarkan dan tidak bertentangan dengan syarak, hal tersebut dengan alasan:

1. Tidak ada nas pasti yang menyebutkan bagaimana pola pengagihan harta zakat. Ayat 60 dari surah at-Taubah hanya menjelaskan kepada siapa saja harta zakat itu diagihkan, maknanya pola pengagihan zakat ini masih boleh disesuaikan dengan perkembangan dan keperluan semasa asalkan tidak bercanggah dengan syarak.¹⁵¹
2. Zakat yang diagihkan dengan cara produktif bertujuan untuk mensejahterakan dan memakmurkan. Pola pengagihan dengan cara pinjaman modal usaha mempunyai dua makna falsafah, iaitu unsur edukasi (pendidikan) dan tanggungjawab. Dengan pemberian pinjaman modal usaha kepada orang miskin tersebut akan mendidik dirinya untuk bekerja dengan lebih rajin dan bersungguh-sungguh. Akhirnya setelah dia berhasil dia akan mengembalikan pinjaman modal tersebut untuk diberikan kepada *mustahik* yang lain mengikut giliran. ini merupakan tanggungjawab yang harus dilakukan oleh *mustahik* tersebut iaitu untuk membebaskan dirinya daripada dijerat kemiskinan.

¹⁵⁰ Yusuf Zain adalah Setiausaha kepada Yayasan Yatim Mandiri Surabaya, data ini didapatkan peneliti melalui interview secara eksklusif dengan beliau tertanggal 6 Jun 2010 di rumahnya, tentang perspektifnya mengenai pinjaman modal usaha daripada harta zakat.

¹⁵¹ Prinsip syariat adalah menghasilkan kebaikan (masalah) dan menolak mafsadah. Perundangan Islam tidak disyariatkan kecuali untuk memberikan kebaikan kepada seluruh manusia di dunia ini. Berdasarkan dalil naqli, para Ulama fiqah juga selalu menitikkan bahawa syariat Islam semuanya merangkumi *maslahah* (kebaikan). Rosli Mokhtar, et al, *Maqāṣid al-Syarī'ah; Hikmah di Balik Pensyari'atan*, (Shah Alam: Karya Bestary Sdn. Bhd, 2007), 13.

Apa yang dijelaskan oleh Yusuf Zain di atas, diperkuat lagi dengan keputusan (fatwa) ulama Kuwait tahun 1999 mengenai pengagihan zakat sebagai modal kerja, hal tersebut dibolehkan setelah dipenuhi beberapa syarat seperti berikut:

- a. Tidak terdapat keperluan yang mendesak yang memastikan penggunaan dana secara mendesak.
- b. Pengagihan zakat untuk usaha produktif (modal) haruslah sesuai dengan syarak.
- c. Terdapat jaminan keselamatan untuk keutuhan modal yang diberikan daripada dana zakat.
- d. Terdapat jaminan bahawa modal tersebut dapat ditarik kembali jika terdapat keperluan yang mendesak daripada golongan *mustahik* zakat.
- e. Terdapat jaminan bahawa usaha produktif dilakukan dengan sungguh-sungguh, profesional dan amanah.
- f. Terdapat keputusan dan pertimbangan pemerintah terhadap lembaga amil dalam pengagihan dana zakat untuk usaha produktif disertai dengan pengawasan yang ketat agar dana zakat diberikan kepada orang yang memiliki kecekapan, berpengalaman dan bersifat amanah.¹⁵²

Perundangan di Indonesia juga telah memberikan sokongan terhadap pengaliran hasil zakat untuk usaha yang produktif, iaitu sebagaimana Keputusan Menteri Agama No 581 tahun 1999 BAB V fasal 28 ayat 2 iaitu: Mencurahkan hasil zakat untuk usaha yang produktif dilakukan berdasarkan syarat-syarat berikut:

1. Apabila pengaliran zakat sebagaimana yang dimaksudkan dalam ayat (1)¹⁵³ sudah dipenuhi dan ternyata masih terdapat lebihan.

¹⁵² Armiadi Musa Basyah (2008), *Op Cit*, 70.

¹⁵³ Ayat pertama dalam bab yang sama tersebut telah menyebutkan bahawa pengaliran hasil pengumpulan zakat untuk *mustahiq* dilakukan berdasarkan persyaratan seperti berikut:

2. Terdapat usaha-usaha nyata yang berpeluang memberi keuntungan.
3. Mendapat persetujuan bertulis daripada dewan Pertimbangan.

Majlis Ulama Indonesia juga telah memberikan fatwa tentang kebenaran untuk menyalurkan dana zakat untuk kegiatan produktif, iaitu yang berbunyi:

1. Zakat yang diberikan kepada fakir dan miskin dapat bersifat produktif.
2. Dana zakat atas nama Sabilillah boleh disalurkan untuk keperluan *maslahah 'ammah* (kepentingan umum).¹⁵⁴

Daripada beberapa perbincangan di atas, supaya pengagihan dana zakat boleh menepati sasaran, iaitu untuk mengurangkan beban asnaf menghadapi kemiskinannya dan membantu asnaf untuk keluar daripada kemiskinannya. Pengurusan harta zakat boleh dikelompokkan kepada dua bahagian, iaitu keperluan konsumtif dan keperluan produktif. Setiap keperluan itu dikelompokkan lagi ke dalam dua hal, iaitu konsumtif tradisional dan konsumtif kreatif, manakala keperluan produktif pula dibahagikan kepada produktif konvensional dan produktif kreatif.

a. Konsumtif tradisional

Dalam hal ini agihan dana zakat diberikan secara langsung kepada *mustahik* untuk keperluan makanan seharian seperti beras, jagung, minyak masak, wang untuk membeli keperluan asasi harian setiap bulan dan sebagainya

-
1. Hasil pendataan dan penelitian kebenaran *mustahiq* lapan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, riqab, gharim, sabilillah, dan ibnu sabil.
 2. Mendahulukan orang-orang yang paling tidak berdaya memenuhi keperluan asas secara ekonomi dan sangat memerlukan bantuan.
 3. Mendahulukan *mustahiq* dalam wilayahnya masing-masing.

¹⁵⁴ Departemen Agama Republik Indonesia, *Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia*, (2003), 32.

bergantung kepada keperluan asnaf. Sistem ini merupakan program jangka pendek untuk mengatasi permasalahan umat yang ada.

b. Konsumtif kreatif

Pola ini diwujudkan dalam bentuk barang konsumtif dan digunakan untuk membantu orang miskin dalam mengatasi masalah sosial dan ekonomi yang dihadapinya. Bantuan tersebut boleh terdapat dalam bentuk alatan persekolahan, biasiswa untuk para pelajar, bantuan kemudahan ibadah seperti sejadah dan telekung, bantuan alatan pertanian seperti pacul untuk petani, pembuatan atau pembelian gerai untuk peniaga kecil dan sebagainya.

c. Produktif Konvensional

Agihan dalam bentuk ini diberikan dalam bentuk barang-barang produktif. Dengan menggunakan barang-barang tersebut para *mustahik* diharapkan untuk menciptakan suatu usaha seperti pemberian bantuan ternakan kambing, sapi perahan atau untuk menggarap sawah dan ladang, alatan pertukangan, mesin jahit, alat-alat cukur rambut, dan lain-lain.

d. Produktif Kreatif

Iaitu zakat yang diberikan boleh wujud dalam pemberian modal secara langsung. Sama ada permodalan projek sosial seperti membangunkan sekolah, kemudahan kesihatan atau tempat ibadah, atau sebagai modal usaha

untuk mengembangkan usaha para peniaga kecil yang kekurangan modal dan sebagainya.¹⁵⁵

2.5. Kesimpulan

Zakat adalah mengeluarkan sebahagian harta tertentu apabila telah mencapai *nisab* dan dimiliki dengan sempurna selama satu tahun (*haul*) kepada orang-orang tertentu, pada masa tertentu menurut syarat-syarat yang tertentu berdasarkan ketentuan *syara'* (Allah swt) untuk mengharapkan keredaan-Nya.

Zakat di dalam Islam bukan sahaja syarat daripada salah satu rukun Islam yang bersifat '*ubudiyah*, iaitu bukti ketaatan seorang hamba kepada Tuhannya, tetapi ia juga mempunyai peranan yang sangat penting di dalam mengembangkan dan memperkasakan ekonomi masyarakat Islam.

Pada zaman moden ini, ramai umat Islam yang mendapatkan penghasilan dari berbagai-bagai pekerjaan profesional yang dilakukannya, di mana penghasilan mereka tidak kalah bila dibandingkan dengan penghasilan petani, peniaga dan sebagainya sepertimana yang telah ditafsirkan oleh para ulama terdahulu tentang harta-harta yang wajib dizakatkan. Hal tersebut membawa maksud pendapatan atau gaji daripada pekerjaan profesional seorang muslim yang telah mencapai nisab tersebut, maka wajiblah ke atasnya untuk dikeluarkan zakat.

Dalam pengagihan harta zakat, majoriti ulama telah bersependapat bahawa agihan zakat diperuntukkan kepada lapan golongan sebagaimana yang ditetapkan dalam al-Quran surah at-Taubah ayat 60. Untuk mendapatkan pengagihan yang berkesan, agihan haruslah diselarikan berasaskan kepada keperluan setiap golongan. Dalam hal ini yang harus didahulukan adalah asnaf fakir dan miskin kerana sasaran utama

¹⁵⁵ *Ibid.*, 314

pensyariaan zakat adalah untuk menghilangkan kadar kemiskinan dan kesusahan dalam masyarakat Islam. Dengan kata lain, dana zakat yang ada tidak sepatutnya diagihkan sepenuhnya kepada sesuatu yang bersifat konsumtif tetapi sebahagian dana zakat harus dilaburkan ke dalam kegiatan-kegiatan produktif. hal tersebut akan membimbing mustahik zakat untuk menjadi muzakki dan tidak bergantung pada bantuan orang lain lagi.

BAB III
PUSAT KAJIAN ZAKAT DAN WAKAF
(EL-ZAWA) UNIVERSITI ISLAM NEGERI MALANG, INDONESIA

3.1. Universiti Islam Negeri (UIN) Malang¹⁵⁶

3.1.1. Sejarah UIN

Idea penubuhan kampus ini bermula daripada pemikiran para tokoh Islam Jawa Timur untuk menubuhkan lembaga pendidikan tinggi Islam di bawah Jabatan Agama¹⁵⁷, Universiti Islam Negeri (UIN) Malang yang memiliki visi untuk menjadikan Universiti Islam terkemuka dalam penyelenggaraan pendidikan, pengajaran, penelitian, dan pengabdian kepada masyarakat. Pada awal penubuhannya, Kampus yang terletak di Jalan Gajayana 50, Dinoyo Malang dengan kawasan seluas 14 hektar ini, merupakan salah satu cawangan daripada Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sunan Kalijaga Yogyakarta yang mempunyai dua fakulti yang berasingan, iaitu Fakulti Syariah yang terletak di Surabaya, dan Fakulti Tarbiyah yang terletak di Malang. Kedua-duanya dirasmikan secara bersama-sama melalui Surat Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia No. 17 Tahun 1961 mengenai pembentukan Panitia Penubuhan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) cawangan Surabaya oleh Menteri Agama pada tanggal 28 Oktober 1961. Pada peringkat seterusnya, ditubuhkan pula Fakulti Usuluddin yang terletak di Kediri melalui Surat Keputusan Menteri Agama No. 66 tahun 1964.

¹⁵⁶ Sumber diambil dari laman web UIN Malang, http://www.uin-malang.ac.id/index.php?option=com_content&view=category&id=1:pendahuluan&Itemid=144&layout=default, dicapai pada 5 July 2013

¹⁵⁷ Sekarang namanya diubah menjadi Kementerian Agama iaitu kementerian dalam Pemerintah Indonesia dalam urusan Agama yang dipimpin oleh seorang Menteri Agama (Menag). Selanjutnya lihat di www.kemenag.go.id

Kemudian, ketiga-tiga fakulti cawangan tersebut digabungkan dan secara rasminya berada di bawah naungan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sunan Ampel yang ditubuhkan berdasarkan Surat Keputusan Menteri Agama No. 20 tahun 1965. Sejak itu, Fakulti Tarbiyah Malang telah menjadi cawangan IAIN Sunan Ampel Surabaya. Pada pertengahan 1997, melalui Keputusan Presiden No. 11 Tahun 1997, Fakulti Tarbiyah Malang IAIN Sunan Ampel telah beralih status menjadi Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Malang berikutan dengan perubahan status perlembagaan semua fakulti cawangan yang berada di bawah IAIN se-Indonesia yang berjumlah 33 buah. Sejak itu, STAIN Malang telah dilabelkan sebagai lembaga pendidikan tinggi Islam dan secara tidak langsung telah bebas daripada pengawasan serta kawalan IAIN Sunan Ampel yang terletak di Surabaya.

Selain itu, ciri khas Universiti ini adalah implikasi daripada model perkembangan ilmu pengetahuan yang menjadi kewajipan bagi seluruh anggota ahli akademik untuk menguasai bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Dengan menguasai bahasa Arab, mereka mampu melakukan kajian mengenai Islam melalui sumber aslinya iaitu al-Quran dan Hadith. Manakala dengan penguasaan bahasa Inggeris pula, mereka diharapkan mampu mengkaji ilmu-ilmu umum dan moden selain turut dijadikan sebagai bahasa komunikasi antarabangsa. Oleh kerana itu, Universiti ini digelar sebagai *bilingual universiti* atau universiti dua bahasa. Untuk mencapai maksud tersebut, *ma'had* atau pesantren kampus telah dibangunkan. Seluruh mahasiswa tahun pertama harus tinggal di *ma'had*. Kerana itu, pendidikan di Universiti ini merupakan hasil kajian yang telah dilakukan antara tradisi universiti dan *ma'had* atau pesantren.

3.1.2. Visi Universiti

Secara amnya, Universiti ini mempunyai visi untuk menjadi universiti Islam yang terkemuka dalam penyelenggaraan pendidikan dan pengajaran, penelitian, dan

pengabdian kepada masyarakat untuk menghasilkan graduan yang memiliki kematangan dalam ilmu agama, keluhuran akhlak, keluasan ilmu dan kematangan profesional serta menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan, teknologi, dan seni yang berterasaskan Islam serta menjadi penggerak kemajuan masyarakat.

3.1.3. Misi Universiti

Untuk melaksanakan visi tersebut, universiti mempunyai misi-misi berikut:

1. Membekalkan mahasiswa dengan kematangan dalam ilmu agama, keluhuran akhlak, keluasan ilmu dan kematangan profesional.
2. Memberikan layanan dan penghargaan kepada penuntut ilmu pengetahuan, khususnya teknologi dan seni yang berterasaskan Islam.
3. Mengembangkan ilmu pengetahuan, teknologi, dan seni melalui kajian dan penelitian secara ilmiah.
4. Menjunjung tinggi, mengamalkan dan memberikan contoh yang baik dalam kehidupan atas dasar nilai-nilai Islam dan budaya luhur bangsa Indonesia.

3.1.4. Tujuan Pendidikan

1. Mendidik mahasiswa agar menjadi anggota masyarakat yang memiliki kemampuan akademik dan/atau profesional yang dapat menerapkan, mengembangkan, dan/atau menciptakan ilmu pengetahuan dan teknologi serta seni dan budaya yang berunsurkan Islam.
2. Mengembangkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan dan teknologi serta seni dan budaya yang berterasaskan Islam dan menggiatkan usaha untuk menaik taraf kehidupan masyarakat dan memperkaya kebudayaan nasional.

3.1.5. Tri Dharma¹⁵⁸ Pendidikan

- a. Pendidikan
- b. Latihan dan Pengembangan
- c. Berkhidmat kepada Masyarakat.

3.1.6. Lembaga/ Unit UIN

Dalam hal ini dibahagikan kepada;

- a. Lembaga Penyokong Akademik; untuk menyokong kegiatan pembelajaran di universiti. Demi mencapai tujuan universiti, pelbagai jenis lembaga penyokong akademik telah ditubuhkan, iaitu; Pusat Dakwah dan Pelayanan Masyarakat, Makmal Bahasa, Pusat Kajian Tarbiyah Ulul Albab, Pusat Kajian Zakat dan Wakaf (El-Zawa), Unit Kerjasama, Unit Hubungan Masyarakat (Humas), Unit Pencarian dan Pengambilan (*Search and Recruitment*), Unit Informasi dan Penerbitan, Unit Penerbitan (UIN MALANG PRESS), Pusat Belajar Mandiri (*Self Access Center*), Lembaga Kajian Al-Quran dan Sains (LKQS), Pusat Studi Gender (PSG), Program Khas Pengembangan Bahasa Inggeris, Program Khas Pengembangan Bahasa Arab.
- b. Unit Pelaksanaan Akademik, dalam hal ini terdiri daripada; Syarikat Induk (*Holding Company*), Lembaga Penjaminan Kualiti Universiti, *Ma'had* Sunan Ampel 'Ali, Perpustakaan Universiti, Pusat Perniagaan, Pusat Computer dan Sistem Informasi.

¹⁵⁸ Tri Dharma Pengajian Tinggi ialah salah satu asas daripada tanggung jawab mahasiswa yang harus dikembangkan secara berterusan dan bersama-sama, serta harus disedari betul oleh semua mahasiswa supaya dapat tercipta mahasiswa yang sedar akan Tri Dharma Pengajian Tinggi.

3.2. Sejarah Penubuhan eL-Zawa

EL-Zawa merupakan sebuah unit atau lembaga khas sebagai Lembaga Penyokong Akademik yang berfungsi untuk menyokong kegiatan pembelajaran di universiti untuk mencapai tujuan universiti¹⁵⁹. Dalam hal ini, fokus utama yang diberikan kepada program eL-Zawa ialah mengkaji hal ehwal yang berhubungkait dengan zakat dan wakaf.

Lembaga ini ditubuhkan berdasarkan kepada Surat Keterangan (SK) Rektor No. Un. 3/OT.01/1211/2006 tentang Penubuhan Pusat Kajian Zakat dan Wakaf Universiti Islam Negeri (UIN) Malang dan Surat Keputusan (SK) Rektor No. Un.3/Kp.07.6/104/2007 pada 27 Januari 2007, tentang Penunjukan Pengelolaan Pusat Kajian dan Wakaf dalam lingkungan Universiti Islam Negeri (UIN) Malang. Lembaga ini dipengerusikan oleh Drs. M. Fauzan Zenrif. M.Ag sebagai pengetua, dan dibantu oleh Sudirman, M.A. sebagai setiausaha.

Sebelum el-Zawa ditubuhkan, terdapat sebuah lembaga yang dikendalikan oleh mahasiswa dan mempunyai fungsi dan tujuan yang hamper sama dengan eL-Zawa, iaitu Lembaga, Infak, dan Shadaqah (LAGZIS) yang ditubuhkan pada tahun 2000 atas idea Drs. H.A. Muhtadi Ridwan, M.Ag.

Selanjutnya, pada tahun 2004 tersebut, Lembaga Kajian al-Quran dan Sains (LKQS) yang dipimpin oleh M. Lutfi Mustofa, M.Ag., telah berhasrat menjadikan LAGZIS yang dikendalikan oleh mahasiswa tersebut sebagai sebuah pusat di bawah naungan LKQS, tetapi usaha tersebut belum berhasil. Pada awal 2006, Drs. H. A. Muhtadi Ridwan, M. Ag., yang pada masa ini menjawat sebagai Dekan (Ketua Jabatan) Fakulti Ekonomi UIN Malang merancang untuk menubuhkan sebuah lembaga Zakat

¹⁵⁹ Sila rujuk kembali muka surat 92 dalam bab ini tentang lembaga atau unit Universiti Islam Negeri Malang.

Infak dan Shadaqah (ZIS) di Fakultas Ekonomi, yaitu sebuah lembaga yang dimaksudkan untuk memberikan kemudahan kepada mahasiswa dalam mengamalkan ilmu pengurusan Syari'ah sekaligus sebagai salah satu usaha untuk menjalin kerjasama dengan pihak lain.

Sebelum keinginan itu wujud, Universitas Islam Negeri (UIN) Malang, melalui Pembantu Rektor Bidang Akademik, Prof. Dr. H. Mudjia Rahardjo, M. Si., bersama-sama dengan Fakultas Syari'ah, telah merancang untuk menubuhkan Pusat Kajian Zakat dan Wakaf yang bekerjasama dengan Institut Pengurusan Zakat (IMZ) Jakarta dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Malaysia. Akhirnya, melalui Surat Keterangan (SK) Rektor No. Un. 3/OT.01/1211/2006 tentang Penubuhan Pusat Kajian Zakat dan Wakaf Universitas Islam Negeri (UIN) Malang merasmikan Pusat Kajian Zakat dan Wakaf pada Program Seminar dan Ekspo Zakat Asia Tenggara, pada 22 haribulan November tahun 2006 yang ditandatangani oleh Menteri Agama Republik Indonesia, Muhammad Maftuh Basuni. SH.

Untuk memberikan identiti yang jelas dan lebih mudah untuk diingat oleh masyarakat awam, maka Pusat Kajian Zakat dan Wakaf Universitas Islam Negeri (UIN) Malang memilih "eL-Zawa" sebagai nama lembaga ini. "eL-Zawa" ini sendiri merupakan singkatan daripada perkataan *al-Zakat wa al-waqf*, kata kunci bahasa Arab yang bererti zakat dan wakaf. Kata "Zawa" berasal daripada bahasa Arab yang memiliki makna "mengetepikan dan menjauhkan". Dalam konteks ini, "eL-Zawa" dapat diertikan sebagai lembaga yang salah satu misinya adalah untuk mengetepikan kekaburan konsep zakat dan wakaf, sehingga masyarakat Muslim lebih memahami dan melaksanakan zakat dengan betul. Begitu pula, "eL-Zawa" dapat diertikan sebagai lembaga yang akan menjauhkan masyarakat Muslim daripada ketidakbersihan harta

sehingga mereka dapat menyucikan harta mereka melalui zakat dan menginfakkan sebahagian rezeki mereka dalam bentuk wakaf.

Dengan adanya eL-Zawa di lingkungan Universiti Islam Negeri Malang ini, ia merupakan salah satu media atau alat yang boleh dijadikan pusat penelitian, pengembangan dan perkhidmatan dalam bidang zakat dan diharapkan juga supaya mampu memberikan sumbangan yang nyata terhadap pelaksanaan visi UIN Malang iaitu sebagai Pusat Tamadun Islam (*center of Islamic Civilization*).

3.2.1. Visi dan Misi eL-Zawa

Merujuk kepada kamus Dewan, yang dimaksudkan dengan visi ialah tanggapan dan pandangan yang jauh dan mendalam, terutamanya yang berkaitan dengan perkembangan masa depan dan sebagainya, atau dengan kata lain wawasan.¹⁶⁰ Dengan tanggapan dan pandangan ini, eL-Zawa mempunyai visi pada tahun 2015 iaitu untuk menjadi lembaga yang profesional dalam penyelenggaraan, pengurusan, penelitian, dan perkhidmatan kepada masyarakat di bidang ZIS dan wakaf untuk menyokong tercapainya visi Universiti.

Selanjutnya visi tersebut akan dilaksanakan dalam misi-misi eL-Zawa, iaitu

- a. Mewujudkan kayu ukur pengurusan ZIS dan wakaf.
- b. Menyebarkan hukum dan pengurusan pelaksanaan ZIS dan wakaf
- c. Menjadi pusat contoh pengelolaan ZIS dan wakaf.

3.2.2. Matlamat Asas Penubuhan eL-Zawa


Matlamat asas ditubuhkannya eL-Zawa ialah sebagai berikut;

¹⁶⁰ Kamus Dewan Edisi Keempat, *Dewan Bahasa dan Pustaka* (Kuala Lumpur, cet. 4., tahun 2010), 1790.

- a. Melaksanakan kajian tentang ZIS dan wakaf, samada kajian *literature* atau lapangan.
- b. Melakukan sosialisasi hukum dan pengurusan ZIS dan wakaf melalui seminar, pelatihan, media massa dan penerbitan buku.
- c. Mewujudkan makmal pengurusan ZIS.

3.2.3. Struktur Organisasi eL-Zawa¹⁶¹

Untuk menjalankan proses organisasi supaya lebih berkesan dan cekap, terdapat susunan struktur organisasi eL-Zawa sebagai berikut:



¹⁶¹ Struktur dan carta organisasi eL-Zawa diambil dan disalin sesuai dengan aslinya yang tertampal di pejabat eL-Zawa pada 21 Mei 2010.

3.2.4. Program-program Kerja eL-Zawa

Secara amnya program-program kerja eL-Zawa dibahagikan kepada program-program kerja yang bersifat internal (dalaman) dan eksternal (luaran). Program-program kerja internal biasanya dilakukan dengan tujuan untuk mempertingkatkan lagi kualiti sumber modal insan di bidang zakat dan wakaf, sama ada melalui latihan, penelitian, mahupun kajian-kajian yang diadakan secara berkala dan berterusan tentang seputar zakat mahupun wakaf dan biasanya program-program internal ini hanya dikhaskan kepada para pengurus eL-Zawa sendiri. Sedangkan program-program kerja yang bersifat eksternal hampir sama dengan program-program internal di atas, cuma program-program tersebut diperuntukkan kepada semua orang yang berminat di bidang zakat ataupun wakaf, seperti seminar Internasional, pelatihan-pelatihan tentang zakat dan wakaf dalam kalangan pengajian tinggi, melakukan program-program kerjasama dengan institusi lain di lingkungan UIN Malang mahupun sekitar Malang, pembinaan *muzakki*, dan sebagainya.¹⁶²

Dengan adanya program-program eL-Zawa sama ada yang bersifat dalaman mahupun luaran, pada asasnya adalah diharapkan akan mampu menghasilkan sebuah konsep dan sumber insan yang cekap di bidang pengelolaan zakat dan wakaf yang profesional dengan tujuan akan menjadikan pusat Kajian zakat dan Wakaf “eL-Zawa” ini sebagai salah satu lembaga yang dipercayai untuk mengelola dan memberikan kewangan zakat dan wakaf.

3.2.5. Kaedah Pengurusan Zakat di eL-Zawa

Bahagian ini akan menghuraikan kaedah pengurusan zakat di eL-Zawa berkaitan dengan kaedah pembayaran, agihan serta pengelolaan dan pengembangan harta zakat.

¹⁶² Supaya lebih jelas, sila rujuk muka surat lampiran 2.

3.2.5.1. Kaedah Pembayaran Zakat di eL-Zawa

Kesedaran untuk membayar zakat di lingkungan UIN Malang, sejak mula ditubuhkan adalah sangat baik. Hal ini terbukti apabila mendapat sokongan yang sangat besar daripada universiti sendiri, iaitu daripada Rektor UIN Malang, Prof. Dr, H. Imam Suprayogo yang memberikan contoh terbaik dengan membayar zakat secara langsung melalui eL-Zawa.¹⁶³ Malah, kesungguhan serta pengurusan yang baik dan profesional daripada para pengerusi lembaga, ia secara tidak langsung akan mendorong golongan bawahan beliau dan kakitangan lain di lingkungan UIN Malang untuk mengikuti apa yang dilakukan oleh pemimpinnya. Inilah yang membuatkan eL-Zawa semakin cepat berkembang.

Terdapat empat cara yang dilakukan sebagai kaedah pembayaran atau pungutan zakat di eL-Zawa, iaitu ;¹⁶⁴

I. Dengan cara membayar terus ke eL-Zawa.

Dalam hal ini, biasanya para *Muzakki* akan datang ke pejabat eL-Zawa yang berada di dalam lingkungan UIN Malang. *Muzakki* yang datang ini biasanya terdiri daripada masyarakat berkemampuan di sekitar UIN Malang, termasuklah orang tua Mahasiswa UIN Malang dan golongan peniaga kecil (UMKM) yang perniagaannya sudah berkembang dan sebelumnya dibantu oleh eL-Zawa.

¹⁶³ Hasil temu bual dengan Rektor UIN Malang Prof. Dr. Imam Suprayogo pada 21 Mei 2010

¹⁶⁴ Sebelumnya zakat yang akan dibayarkan atau dipungut diharuskan mengisi formula kesediaan berzakat atau berinfak sesuai dengan keinginan. Lihat lampiran

II. Dengan cara penolakan gaji.

Ini hanya dilakukan bagi golongan kakitangan di UIN Malang, bermula daripada Rektor sehingga seluruh kakitangan UIN Malang melalui potongan gaji oleh bendahari Universiti.

III. Pungutan langsung yang dilakukan eL-Zawa dari rumah ke rumah.

Dalam hal ini, eL-Zawa akan melantik beberapa orang kakitangan sukarela yang terdiri daripada para Mahasiswa UIN Malang.

Sistem ini dilakukan kerana:

- (a). Tidak semua para *Muzakki* terutamanya yang ada di luar Universiti boleh datang secara langsung ke pejabat eL-Zawa untuk membayar zakatnya. Petugas yang akan memungut langsung ke rumah golongan *Muzakki* tersebut adalah diperlukan. Ini dilakukan untuk membuktikan kesungguhan eL-Zawa dalam memberikan perkhidmatan terbaik terhadap pelbagai masalah yang dihadapi *muzakki* dalam membayar zakatnya.
- (b). Dengan adanya tenaga sukarela yang memungut secara langsung zakat dari tempat-tempat *muzakki* tersebut akan dapat memberikan impak positif yang besar kepada jumlah pungutan dana zakat eL-Zawa. Dengan adanya dana yang besar tersebut akan diagihkan semula kepada wilayah yang lebih luas lagi supaya tidak hanya boleh dirasakan manfaatnya oleh kalangan UIN Malang sahaja.

IV. Melalui akaun bank.

Ini akan memudahkan lagi golongan *muzakki* untuk menyalurkan zakatnya melalui eL-Zawa dan juga akan memudahkan eL-Zawa untuk memaksimumkan jumlah pungutan yang disebabkan kemampuan tenaga petugas pungutan yang terbatas dan tidak sepenuhnya zakat dikutip kerana berbagai faktor, sama ada daripada pihak *muzakki* itu sendiri ataupun petugas pungutan zakat.¹⁶⁵

3.2.5.2. Kaedah Agihan Zakat di eL-Zawa

Kaedah agihan zakat di eL-zawa dibahagikan kepada dua kategori, iaitu zakat konsumtif dan zakat produktif. Peruntukan untuk zakat konsumtif adalah sebanyak 30% (tiga puluh peratus) dan zakat produktif ini diperuntukkan sebanyak 70 % (tujuh puluh peratus)¹⁶⁶.

3.2.5.2.1 Agihan Zakat Konsumtif

Agihan zakat konsumtif diberikan kepada *mustahiq* dengan tujuan asalnya adalah untuk meringankan beban *mustahiq* dengan harapan mereka mampu bangkit daripada kemiskinannya dan memberikan semangat kepada mereka sehingga pada saatnya nanti mereka boleh beralih sebagai *muzakki*. Peruntukan untuk agihan konsumtif di eL-Zawa ini adalah seperti berikut:

¹⁶⁵ Temubual dengan Setiausaha eL-Zawa, bapak M. Thoriquddin tertanggal 21 Mei 2010

¹⁶⁶ Temubual dengan bahagian bendahari eL-Zawa, Ibu Isnaeni Hartiningsih, S.Si, tgl 21 Mei 2010

1. Biasiswa mahasiswa

Mahasiswa yang layak mendapat bantuan haruslah berasal daripada keluarga kurang berkemampuan daripada segi ekonomi namun berprestasi dalam akademik dan berdaftar sebagai Mahasiswa Universiti Islam Negeri Malang. Sehingga kini, seramai 45 mahasiswa yang telah mendapatkannya dan diberikan pada setiap awal semester bersamaan dengan pembayaran yuran pengajian dan boleh meringankan beban mahasiswa. Jumlah biasiswa yang diberikan ialah senilai Rp. 500.000 (lima ratus ribu rupiah setiap orang).

2. Biasiswa anak kakitangan UIN

Terdiri daripada anak-anak kakitangan UIN yang bukan pensyarah. Mereka ini kurang berkemampuan daripada segi ekonomi dan mempunyai prestasi yang baik dalam bidang pelajaran. Biasiswa yang diberikan kepada mereka adalah dari peringkat Taman Pendidikan Kanak-kanak sehingga Sekolah Menengah Atas (SMA). Sehingga kini, seramai 32 siswa daripada anak-anak kakitangan UIN telah menerima bantuan setiap bulan untuk memudahkan mereka membayar yuran sekolah dan sebagainya. Sekiranya ada baki daripada wang tersebut, maka akan disimpan untuk keperluan membeli buku-buku dan Lembaran Kerja Siswa (LKS). Jumlah dana biasiswa yang diberikan kepada mereka ialah sebagai berikut:

- a. Taman Kanak-Kanak (TK), bernilai Rp. 75.000 (tujuh puluh lima ribu rupiah per orang setiap sebulan)¹⁶⁷.
- b. Sekolah Dasar (SD), bernilai Rp. 50.000 (lima puluh ribu rupiah per orang setiap sebulan).

¹⁶⁷ RM. 1 = Rp. 3.141. nilai pertukaran ini dinyatakan pada 31hb Januari 2013 dan nilai pertukaran ini akan selalu berubah-ubah sesuai keadaan ekonomi semasa yang mempengaruhi jumlah inflasi. Untuk merujuk nilai pertukaran dari semasa ke semasa, sila layari laman web berikut ; <http://www.xe.com/>

- c. Sekolah Menengah Pertama (SMP), bernilai Rp. 70.000 (tujuh puluh ribu rupiah per orang setiap sebulan), dan
- d. Sekolah Menengah Atas (SMA), bernilai Rp. 125.000 (seratus dua puluh lima ribu rupiah per orang setiap sebulan).

Sekiranya dilihat daripada jumlah dana zakat yang diberikan untuk bantuan yuran persekolahan ini, dapat dilihat bahawa bantuan kepada anak yang bersekolah di Taman Kanak-Kanak (TK) adalah lebih besar berbanding yang lain, terutama untuk anak-anak yang bersekolah rendah. Hak tersebut adalah berdasarkan kepada pertimbangan besar eL-Zawa yang menurutnya untuk peringkat Tadika tidak mendapat bantuan atau subsidi daripada kerajaan iaitu BOS (Bantuan Operasional Sekolah), kerana pada umumnya sekolah Tadika ditubuhkan oleh lembaga-lembaga bukan kerajaan seperti yayasan dan sebagainya. Sedangkan, untuk sekolah rendah sehingga menengah mendapatkan bantuan dana BOS, tetapi itu masih belum mencukupi untuk keperluan sekolah lain. Oleh itu, dana zakat juga masih diberikan kepada mereka.

3. Khairat kematian

Setiap kali berlaku musibah atau kemalangan dalam keluarga pensyarah dan kakitangan UIN, eL-Zawa akan memberikan bantuan keperluan asas dalam rumah untuk meringankan beban keluarga yang ditinggalkan. Sudah lebih daripada 20 orang yang diberikan dengan jumlah Rp.200.000 (dua ratus ribu rupiah per orang).

4. *Ibnu sabil dan muallaf*

Bantuan ini diberikan dalam masa-masa dan keadaan tertentu sahaja. Sekiranya terdapat Ibnu sabil atau muallaf yang datang ke pejabat eL-Zawa dan memerlukan bantuan, maka bantuan yang diberikan akan disesuaikan dengan keperluan mereka sama ada keperluan pengangkutan atau sara hidup mereka dalam perjalanan bagi Ibnu Sabil. Setakat ini, sudah ada lima orang yang mendapatkan bantuan untuk kategori ibnu sabil dan muallaf.

5. Pakej keperluan asas seharian dalam rumah tangga

Diberikan dalam bentuk beras, minyak goreng dan sebagainya yang diperuntukkan kepada kakitangan kontrak unit/fakulti. Ini kerana, gaji mereka masih jauh di bawah pendapatan garis kemiskinan, sehingga eL-Zawa memberikan pakej keperluan asas sehari-hari tersebut untuk meringankan beban mereka. Bantuan ini diberikan setiap bulan ramadan dan sudah seramai 112 orang yang mendapatnya.

6. Bakti sosial

Kegiatan ini dilakukan oleh mahasiswa UIN yang melakukan bakti sosial (untuk kerja lapangan) di daerah miskin dan pembiayaan dilakukan oleh eL-Zawa. Biasanya bantuan tersebut difokuskan kepada pendidikan misalnya pakej alat tulis, pakej buku mengaji dan perpustakaan.

7. *Qardh al-Hasan* atau pinjaman kebajikan tanpa faedah

Pada umumnya pinjaman ini diperuntukkan untuk keperluan pendidikan, kesihatan, perumahan (kontrak rumah) atau keperluan lain yang mendesak. Ia

dikhususkan juga bagi kakitangan/ bukan pensyarah. Jumlah dana yang diberikan ialah Rp. 2000.000 (dua juta rupiah per orang) dan sudah 50 orang yang menggunakan bantuan *qardh hasan* ini melalui eL-Zawa mengikut sistem penomboran (numbering) yang betul.

8. Peruntukan untuk orang cacat atau kurang upaya

Bantuak kepada golongan ini diberikan setiap bulan dan masing-masing mendapatkan agihan bernilai Rp. 200.000 (dua ratus ribu rupiah seorang setiap sebulan).

3.2.5.2.2 Agihan Zakat Produktif

Agihan zakat produktif diperuntukkan untuk kegunaan jangka masa panjang. Ianya bermaksud untuk membasmi kemiskinan dengan cara memberikan beberapa produk layanan dan pembinaan secara produktif kepada masyarakat miskin atau *mustahiq*, dan pada akhirnya akan membimbing mereka daripada *mustahik* menjadi *muzakki*. Ini diberikan dalam tiga bentuk:

1. Mudharabah

Mudharabah menurut istilah ialah seseorang yang memberikan hartanya kepada orang lain untuk dijadikan modal usaha, sama ada dalam bentuk wang ataupun modal lain seperti haiwan ternakan untuk dipelihara dan dijual. Manakala, keuntungan daripada hasil jualan tersebut akan dibahagi kepada dua sesuai dengan jumlah peratusnya.¹⁶⁸ Dalam hal ini, eL-Zawa memberikan bantuan modal usaha dalam bentuk haiwan ternakan seperti kambing dan lembu (sapi), berdasarkan syarat-syarat berikut:

¹⁶⁸ Syeikh Hassan Ayob (2008), *Fiqh Muamalah*, Abdurrahman saleh Siregar (terj.), Puchong: Berlian Publications Sdn. Bhd, 340.

- a. Jual beli kambing dengan modal awal Rp. 10.000.000 (sepuluh juta rupiah) dan dilakukan oleh seorang *mustafik* sahaja, perjanjian usaha tersebut dilakukan selama setahun dengan menyerahkan hasil sebanyak 10 peratus daripada usaha tersebut kepada eL-Zawa.
- b. Penternakan kambing yang diberikan kepada asnaf di daerah Sumber Pucung Malang, iaitu sebanyak 5 ekor kambing untuk ditenak. Sistem yang diguna pakai dalam penternakan kambing ini adalah sistem *anakan*. Maksudnya apabila kambing-kambing yang ditenakkan itu telah melahirkan anak, maka penternak (*mustahiq*) memperoleh 60 peratus dan eL-Zawa mendapat 40 peratus keuntungan daripada hasil anak-anak kambing tersebut.
- c. Pemeliharaan dua ekor lembu oleh seseorang di daerah Tumpang Malang dengan sistem *gadon*, iaitu apabila lembu yang dipelihara tersebut telah dijual, maka bagi hasilnya ialah 50 peratus daripada keuntungan setelah ditolak kos membela.

2. Murabahah

Murabahah adalah jualan dengan harga yang lebih tinggi daripada harga asal atau modal. Setakat ini sudah ada sekitar 8 orang yang telah menggunakan produk layanan ini. Contohnya seperti membeli motosikal, tanah, komputer riba, binatang ternakan yang kesemuanya menyokong aktiviti mereka untuk mencari nafkah. Pada masa pembelian atau penempahan barang yang dilakukan oleh nasabah atau *mustafiq*, eL-Zawa telah memastikan bahawa barang yang akan mereka beli atau tempah adalah benar-benar untuk keperluan mustahak mereka dan tidak akan disalah guna serta untuk keperluan produktif. Manakala pulangan atau lebihan daripada harga asal itu adalah sangat ringan iaitu 8% (peratus) selama setahun atau bersamaan dengan 0.6% (peratus)

setiap bulan. Artinya pengembalian wang pembelian barang tersebut boleh dibayar secara ansuran.

3. UMKM (Usaha Mikro Kecil Menengah)

Salah satu program utama di eL-Zawa adalah program pendampingan¹⁶⁹ ke atas para peniaga kecil yang berniaga di sekitar Universiti Islam Negeri Malang seperti perniagaan menjual bakso dan nasi goreng, kedai makanan, kedai runcit dan pengeluaran bahan pakaian yang dikelolakan oleh kakitangan UIN Malang. Kajian ini akan menjelaskan secara terperinci tentang pengelolaan dana zakat yang diagihkan dalam program ini.

Perkara ini menjadi perhatian utama eL-Zawa dengan alasan bahawa persoalan bangsa Indonesia sehingga kini ialah Indonesia masih belum mampu untuk keluar daripada krisis kewangan dan menyebabkan ramai rakyatnya mengalami kemiskinan dan sebahagian daripada mereka kehilangan kerja dan menjadi penganggur. Keadaan yang sangat kritikal ini telah membuatkan rakyatnya mencari alternatif lain untuk memenuhi keperluan hidupnya seharian.

Usaha untuk melakukan perniagaan merupakan salah satu pilihan yang dilakukan oleh masyarakat sebagai sumber pendapatan mereka terutamanya untuk memenuhi keperluan asas seperti pakaian, minuman, makanan, dan lain-lain.

Berdasarkan kepada hasil kaji selidik dan temu bual terhadap para peniaga kecil di sekitar UIN Malang, eL-Zawa mendapati mereka mengalami masalah kekurangan modal. Kekurangan modal ini memberi kesan yang negatif kepada usaha yang

¹⁶⁹ Yang dimaksudkan dengan pendampingan di sini ialah membimbing, mengajarkan dan mengarahkan para peserta UMKM sehingga pada akhirnya mereka boleh menjalankan sendiri perniagaannya sampai berjaya.

dijalankan oleh mereka. Perniagaan mereka agak susah untuk berkembang dan apabila meminjam modal dari pihak lain, mereka dikenakan kadar faedah atau bunga yang sangat tinggi untuk dibayar semula.

Dengan alasan itulah program bimbingan ini dilaksanakan. Diharapkan program ini mampu memberikan pemahaman yang kukuh tentang pengembangan dan pengurusan kewangan melalui bimbingan dan pemberian pinjaman modal kepada golongan peniaga dan peniaga kecil (mikro) supaya dapat meningkatkan kegiatan ekonomi mereka. Kegiatan ekonomi yang stabil boleh menciptakan ketenangan dan ketenteraman zahir dan batin.

Setakat ini jumlah peniaga kecil yang telah dibantu dan didampingi oleh eL-Zawa adalah seramai 58 orang peniaga, dengan jenis perniagaan yang berbeza-beza. Kadar bantuan bermula daripada Rp. 500.000 (lima ratus ribu rupiah) atau sekitar RM.200 sehingga Rp.6.000.000 (enam juta rupiah) atau bersamaan dengan RM.2.500.

4. Pondok Zakat

Pondok Zakat adalah rakan kongsi eL-Zawa yang berasaskan pondok pesantren. Pondok ini bertujuan untuk memberikan bimbingan kepada para peniaga kecil di sekitar pondok pesantren yang terlibat dalam Usaha Mikro Kecil Menengah (UMKM).

Setakat ini, pondok pesantren tradisional di Indonesia dianggap masih lemah dalam hal pengurusan. Salah satunya adalah dalam hal pengurusan kewangan. Selain itu, karisma yang kuat daripada seorang Kiyai atau Tok Guru yang terdapat dalam masyarakat pesantren akan menghasilkan potensi besar apabila dikembangkan kepada aspek ekonomi masyarakat.

Daripada aktiviti yang telah dilakukan oleh Pondok Pesantren Raudhatul Ulum di Putukrejo Gondanglegi Malang, dengan menggunakan empat model atau bentuk agihan dana zakat (konsumtif tradisional, konsumtif kreatif, produktif tradisional, produktif kreatif) yang dilakukan oleh pondok zakat tersebut, lembaga ini telah berhasil melakukan pembinaan jalan, membina 7 buah pos hansip (pertahanan awam), menyediakan 5 mesin jahit, membeli 127 ekor lembu dan 200 ekor kambing, membangunkan 70 rumah fakir miskin, gudang zakat, 3 gedung taman kanak-kanak (TADIKA), serta beberapa surau dan masjid. Dalam beberapa tahun terakhir, pondok zakat juga telah membahagikan wang kepada 300 ketua keluarga sebanyak Rp. 300.000 per orang atau bersamaan RM.120.¹⁷⁰

Daripada contoh di atas, pondok pesantren memiliki potensi yang sangat besar, untuk diajak bekerjasama dalam meningkatkan ekonomi masyarakat kecil yang berada di sekelilingnya.

Pondok zakat yang menjadi rakan kongsi eL-Zawa adalah sebanyak empat pondok pesantren dan setiap pondok zakat tersebut mempunyai sepuluh orang peniaga kecil. Disebabkan dana yang ada masih terhad, maka jumlah bantuan dana zakat yang disediakan atau dipinjamkan oleh eL-Zawa untuk setiap pondok pesantren adalah Rp. 5000.000 (lima juta rupiah) atau bersamaan Rp. 500.000 (lima ratus ribu rupiah per orang).

Daripada perkara di atas, tujuan yang ingin dicapai oleh eL-Zawa dalam pendampingan dan pembinaan UMKM ialah:

- a. Memberikan informasi dan cara-cara yang berhubung kait dengan pengembangan perniagaan.

¹⁷⁰ Warta eL-Zawa, Profil UMKM dan Pondok Zakat, edisi oktober 2009, 16.

- b. Mengajarkan kemahiran tentang merekodkan kewangan.
- c. Meransang golongan peniaga tersebut agar mampu berubah diri mereka dari *mustahik* menjadi *muzakki*.

5. Pendekatan, Konsep dan Metodologi yang digunakan oleh eL-Zawa dalam Program Pendampingan dan Pembinaan UMKM.

a) Konsep Umum

Secara umum, konsep yang digunakan oleh eL-Zawa dalam pendampingan dan pembentukan UMKM melalui dana zakat adalah merangkumi pembinaan pengurusan usaha, pendekatan tridaya, dan pendampingan (termasuk pemantauan dan evaluasi), yang berdasarkan kajian, penelitian, hasil diskusi dan pembelajaran di lapangan.

i. Pembentukan Pengurusan Usaha

Pembentukan pengurusan usaha meliputi pengurusan pemasaran, pengurusan kewangan dan pengurusan pembangunan relasi kerja, sama ada dilakukan secara formal melalui latihan, diskusi dan seminar atau dalam bentuk tidak formal.

ii. Pendekatan Tridaya

Maksud pendekatan ini adalah pendekatan pembangunan yang telah dibangunkan dan merangkumi 3 (tiga) pendekatan yang perlu dilaksanakan

sebagai usaha agar pendekatan tersebut berjaya melibatkan orang awam (pihak yang berkepentingan) sebagai peserta lain. Tiga pendekatan tersebut ialah:

1. Membentuk modal insan dan sosial

Pembangunan masyarakat pada dasarnya merupakan suatu proses yang diusahakan untuk mendorong peningkatan kapasiti dan keupayaan sumber modal insan yang cekap dalam peserta UMKM. Dalam hal ini para peserta tersebut diharapkan mampu untuk menolong dirinya dalam memenuhi keperluan hidup mereka dan keluarganya.

2. Membentuk Persekitaran

Matlamat dari membentuk persekitaran adalah untuk mencipta suasana persekitaran yang kondusif. Dengan keadaan persekitaran seperti itu, akan mampu menciptakan persekitaran produktif yang berkembang, maju dan berterusan.

3. Mencipta Peluang Perniagaan

Dalam hal ini, boleh dikatakan juga sebagai usaha memanfaatkan kegiatan ekonomi. Ia merupakan usaha yang akan dilakukan dalam membantu proses perkembangan perniagaan yang produktif dalam persekitaran perumahan dan permukiman masyarakat.

Tujuan pendekatan tridaya tersebut, adalah seperti berikut:

- iii. membantu masyarakat untuk keluar daripada masalah dalam hal ekonomi, memenuhi keperluan hidupnya tanpa bergantung pada orang lain lagi.
- iv. Masyarakat akan memainkan peranan utama dalam setiap kegiatan ekonomi. Apabila mereka sudah mampu untuk berdikari dan tidak

bergantung dengan orang lain lagi, mereka diharapkan mampu memberikan pengaruh terhadap persekitarannya dan membantu mereka dalam menangani permasalahan yang dihadapi.

iii. Sifat pengawalan masyarakat

Berkomunikasi dan berhubung dengan masyarakat secara langsung dapat memberikan gambaran yang jelas terhadap permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Ia juga mampu memberikan solusi dan membantu mereka untuk keluar daripada permasalahannya. Hal ini merupakan alat pembelajaran yang berguna bagi masyarakat dalam menangani permasalahan yang mereka hadapi.


b) Sistem Pengeluaran Dana Zakat sebagai Modal Usaha

Sistem yang digunakan oleh eL-Zawa dalam mengeluarkan dana zakat sebagai modal usaha bagi calon mustahik harus melalui beberapa peringkat berikut:

1. Calon peserta UMKM binaan harus mengisi borang permohonan untuk menjadi peserta. Permohonan tersebut boleh dilakukan secara bertulis atau temu bual calon dengan tujuan untuk dianalisis pemutaran modal usaha beserta pulangan daripada hasil perniagaannya. Kadar kemampuannya untuk mengembalikan dana zakat yang telah dipinjam nanti akan dapat diketahui.
2. Jumlah dana yang akan dikeluarkan sebagai bantuan modal akan diputuskan oleh pengelola (eL-Zawa) setelah mengevaluasi atau menetapkan usulan dari pemohon atas jumlah dana yang telah diajukan.

3. Setelah itu melalui sokongan bukti yang boleh dipertanggungjawabkan sesuai dengan ketentuan yang sudah ditetapkan, proses pencairan dana akan dikeluarkan. Maka, proses pendampingan sudah boleh dilakukan mulai masa itu.

Untuk mengetahui dengan lebih jelas, sistem penyaluran dana zakat sebagai bantuan modal usaha UMKM di eL-Zawa boleh dilihat dengan sistem berikut:



3.3. Kesimpulan

Matlamat utama Universiti Islam Negeri Malang adalah untuk menjadi Universiti Islam yang terkemuka dalam penyelenggaraan pendidikan dan pengajaran, penelitian, dan pengabdian kepada masyarakat untuk menghasilkan lulusan yang memiliki kekuatan spiritual, keluhuran akhlak, keluasan ilmu dan kematangan

profesional serta menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan, teknologi, dan seni yang bernafaskan Islam sebagai penggerak kemajuan masyarakat.

Untuk mencapai matlamat tersebut dan menyokong kegiatan pembelajaran di universiti, beberapa lembaga dan unit telah ditubuhkan. Setiap unit dibahagikan kepada Lembaga Penunjang Akademik dan Unit Pelaksana Akademik.

eL-Zawa merupakan lembaga pusat kajian zakat dan wakaf yang berada di bawah pengawasan Lembaga Penunjang (penyokong) Akademik UIN Malang. eL-Zawa melakukan pengurusan, penelitian dan pengabdian secara spesifik kepada masyarakat di bidang Zakat, Infak, Shadaqah dan Wakaf (ZISWA).

Secara amnya pungutan atau kutipan zakat di eL-Zawa dilakukan melalui cara *muzakki* datang untuk membayarkan zakatnya di pejabat eL-Zawa, melalui potongan gaji khas untuk kakitangan UIN Malang, melalui pintu ke pintu (*door to door*) oleh petugas pungutan zakat serta melalui pemindahan ke akaun bank eL-Zawa.

Kaedah agihan yang digunakan di eL-Zawa boleh dibahagikan kepada zakat konsumtif dan produktif. 30 peratus untuk zakat konsumtif dan 70 peratus untuk zakat produktif.

BAB IV

ANALISIS TERHADAP PENGURUSAN HARTA ZAKAT DI PUSAT KAJIAN ZAKAT DAN WAKAF (EL-ZAWA) UNIVERSITI ISLAM NEGERI MALANG

4.1. Pendahuluan

Pusat Pungutan Zakat dan Wakaf (eL-Zawa) merupakan lembaga rasmi yang ditubuhkan berdasarkan ketentuan undang-undang yang sudah ditetapkan oleh pemerintah Indonesia. Ia bertujuan untuk memungut, mengagihkan dan mengendalikan dana zakat sesuai dengan syariat agama.

Dengan amanah tersebut dan sesuai dengan visi-misinya yang ingin menjadi organisasi terbaik untuk mengendalikan zakat secara profesional, el-Zawa telah melakukan beberapa program kerja yang berkaitan dengan pengurusan harta zakat yang bersesuaian dengan perkembangan semasa. terdapat beberapa program yang berkaitan dengan kaedah pembayaran atau pungutan zakat dan kaedah agihan harta zakat. Dalam pengurusan harta zakat tersebut, pelbagai masalah telah dihadapi eL-Zawa. Bab ini akan menjelaskan mengenai beberapa permasalahan yang telah dihadapi oleh organisasi ini. Bersesuaian dengan objektif kajian dalam tesis ini. Daripada analisis yang akan penulis huraikan nanti, beberapa cadangan yang positif akan dikemukakan bagi memajukan sistem pengurusan zakat di eL-zawa supaya lebih progresif dan efektif.

4.2 Pengurusan Zakat di eL-Zawa

Zakat dalam Islam merupakan tonggak kepada kesejahteraan sosio ekonomi masyarakat muslim dalam sesebuah negara. Tujuan ini boleh dicapai sekiranya pengurusan zakat oleh organisasi pengelola zakat dapat diuruskan dengan baik, tepat dan berkesan.

Berpandukan kepada tujuan tersebut, pada tahap-tahap awal pengenalan kepada masyarakat, eL-Zawa telah melaksanakan program-program kerja yang telah dirancang dalam program kerja tahun 2007. Sebagai unit organisasi yang memfokuskan kepada kajian, program-program kegiatan eL-Zawa dibahagikan kepada dua model kajian iaitu

kajian lapangan dan PAR atau penelitian tindakan penyertaan (*Participatory Action Research*). Kajian lapangan merangkumi penelitian pengurusan zakat di Malang Raya dan penelitian potensi zakat. Penelitian pengurusan dilakukan pada 3 lembaga pengelola zakat dan penelitian potensi zakat dilakukan dengan mengunjungi desa-desa kawasan Malang untuk melihat permasalahan ekonomi yang dihadapi masyarakat.

Selain kajian PAR, eL-Zawa melibatkan 8 orang peserta yang terdiri daripada Usaha Mikro Kecil Menengah (UMKM) dengan matlamat untuk memberikan pengetahuan berterusan tentang cara-cara mengembangkan perniagaan. Seterusnya eL-Zawa akan membimbing mereka supaya mampu merubah diri daripada mustahik menjadi muzakki.

Daripada huraian singkat di atas, boleh dimafhumi bahawa dalam pelaksanaan pentadbirannya, eL-zawa bukan sahaja menfokuskan program kerjanya kepada kajian tentang zakat tetapi ia juga melakukan kegiatan dalam pengurusan harta zakat yang merangkumi aktiviti pemungutan zakat dan pengagihannya.

4.3 Analisis Kaedah Pungutan dan Agihan Zakat

4.3.1. Analisis Kaedah Pungutan Zakat

Zakat yang dipungut daripada *muzakki* oleh eL-Zawa majoritinya merupakan zakat pendapatan penggajian, dengan kadar 2.5%. Ini kerana majoriti *muzakki* masih berlatar belakang karyawan, kakitangan kerajaan atau ibu bapa mahasiswa UIN.¹⁷¹

Untuk memulakan aktiviti pengutipan zakat, eL-Zawa banyak melakukan pelbagai aktiviti sosial dan kebajikan dalam masyarakat, seperti BAKSOS (Bakti Sosial) ke desa-desa, bantuan kewangan kepada kakitangan kontrak UIN yang majoritinya masih tergolong miskin, berbuka puasa bersama anak-anak yatim, bantuan kewangan pendidikan untuk “Griya Baca”¹⁷², pemberian biasiswa SPP atau yuran pengajian tinggi dan sekolah, pengutipan dana sewaktu perjumpaan dengan ibu bapa pelajar, diskusi melalui media elektronik atau radio, kerjasama dengan BAZ/LAZ kota Malang¹⁷³ dan sebagainya. Kesemua itu dilakukan oleh eL-Zawa untuk menarik

¹⁷¹ Hasil temubual dengan ibu Isnaeni Hartiningsih. 21 Mei 2010

¹⁷² Griya Baca ialah nama kumpulan untuk bengkel latihan yang ditubuhkan oleh para pelajar Universiti brawijaya Malang, Universiti Negeri Malang dan Universiti Islam Negeri Malang dengan tujuan member pendidikan kepada anak-anak jalanan yang memiliki latar belakang pengamen, peminta-minta, anak putus sekolah, dan lain-lain, khususnya dalam bidang kewirausahaan.

¹⁷³ <http://www.elzawa-uinmaliki.org>

kepercayaan para *muzzakki* dan calon *muzakki* supaya mempercayakan pengagihan zakatnya kepada *mustahik* melalui eL-Zawa.

Kaedah pembayaran yang digunakan oleh eL-Zawa meliputi empat cara, iaitu:

1. *Muzakki* datang ke pejabat eL-Zawa dan membayar zakatnya,
2. Melalui pemotongan gaji,
3. Melalui pungutan langsung ke tempat-tempat *muzakki* oleh petugas yang eL-Zawa, atau
4. Melalui pemindahan ke akaun bank eL-Zawa.

Pilihan di atas adalah melalui persetujuan dan perjanjian dengan pihak *muzakki* melalui borang kesediaan berzakat/ berinfaq yang dikirim oleh eL-Zawa kepada calon *muzakki* sebelum pembayaran zakat dilakukan.

Secara teorinya, jumlah kutipan yang akan diperoleh bergantung kepada jumlah pembayar zakat itu sendiri. Jumlah pembayar zakat yang besar akan memungkinkan jumlah kutipan yang besar, begitu juga sebaliknya. Seterusnya, jumlah kutipan zakat akan memberi kesan terhadap agihan yang akan dilakukan oleh lembaga zakat tersebut. Peningkatan jumlah kutipan secara tidak langsung akan menyebabkan peningkatan dalam perbelanjaan zakat. Perkhidmatan yang lebih banyak dan lebih luas lagi kepada *asnaf* dapat dilakukan kerana harta zakat yang ada hendaklah diseimbangkan perbelanjaannya.¹⁷⁴ Kesannya adalah dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat untuk membayar zakatnya kepada lembaga zakat tersebut untuk dikendalikan.

Manakala, jumlah kutipan yang kecil akan menghadkan kemampuan eL-Zawa untuk melaksanakan pengurusan secara kreatif dan proaktif demi meningkatkan peranannya dalam masyarakat. Hal tersebut secara tidak langsung akan menyebabkan organisasi terperangkap dalam putaran ketidakcekapan yang bukan sahaja akan memberikan kesan negatif kepada organisasi tetapi akan menghilangkan keyakinan masyarakat kepada eL-Zawa untuk menyelesaikan permasalahan yang mereka hadapi.¹⁷⁵

¹⁷⁴ Ahmad Hidayat Buang (1999), *Op Cit.*, 151.

¹⁷⁵ Abd Halim Mohd Noor, et al, *Keberkesanan Pengagihan Dana Zakat di Malaysia: Kajian Kes di Negeri-Negeri Terpilih*, Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar dan Ekspo Zakat Asia Tenggara,

Usaha yang sudah dilakukan eL-Zawa untuk meningkatkan jumlah kutipan dana ZIS membuktikan bahawa dia sudah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memaksimumkan potensi kutipan zakat. Namun, daripada data yang diperoleh di lapangan, terdapat beberapa hal yang masih perlu dibaikpulih oleh eL-Zawa dalam pengurusan zakatnya, terutamanya yang berkaitan dengan hasil pungutan atau kutipan zakatnya. Lihat laporan jumlah kutipan ZIS dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Jumlah Kutipan ZIS¹⁷⁶ (Zakat, Infaq dan Shadaqah) eL-Zawa Tahun 2008 - 2010 :¹⁷⁷

ZIS Tahun 2008	ZIS Tahun 2009	ZIS Zakat Tahun 2010
Rp. 19.008.500'-	Rp. 6.592.500' -	Rp. 8,065,800'-

Berdasarkan jadual di atas boleh dilihat jumlah kutipan ZIS antara tahun 2008, 2009 dan 2010 tidak terdapat peningkatan yang ketara dan mempunyai kecenderungan yang statik. Hal ini, boleh difahami kerana beberapa alasan:

1. Pada tahun-tahun pertama, eL-Zawa masih dalam tahap pengenalan terhadap para kakitangan di sekitar UIN Malang sahaja dan belum kepada masyarakat luas luar kampus.
2. Pemungutan harta zakat yang dilakukan masih ke atas zakat peribadi sahaja dan tidak diperluaskan lagi kepada harta-harta lain yang wajib zakat seperti zakat perusahaan, zakat surat-surat berharga, zakat pelaburan hotel, zakat insurans syariah dan sebagainya.
3. Pada masa itu, eL-Zawa masih fokus untuk mengukuhkan para pengurusnya dan masih berada dalam tahap membaiki pengurusan organisasinya. Oleh itu, eL-Zawa kurang memerhatikan pengklasifikasian untuk zakat, infaq dan sadaqah.
4. Ramai daripada kakitangan UIN yang sudah membayar zakatnya kepada lembaga zakat yang lain di luar UIN. Ini juga menjadi alasan perkembangan yang perlahan dalam jumlah *muzakki* di eL-Zawa. Hal ini bermakna, ia

“Peranan Perguruan Tinggi Dalam Membangun Peradaban Zakat Asia Tenggara, Universiti Islam Negeri (UIN), Malang, Jawa Timur, (21 - 24 Nopember 2006), 207.

¹⁷⁶ Dalam jadual 1 ini, penulis akan menggunakan ayat “Para Pembayar ZIS” kerana tidak diketahui secara pasti mana pembayar zakat dan mana pembayar infaq dan sadaqah.

¹⁷⁷ Data diambil dan diolah dari laporan penerimaan zakat, infaq dan sadaqah setiap bulan selama tiga tahun, iaitu tahun 2008, 2009 dan 2010. Untuk keterangan lebih jelas dan terperinci, sila lihat lampiran.

memerlukan masa untuk meyakinkan dan mengarahkan para kakitangan UIN untuk membayar zakatnya ke eL-Zawa.

4.3.1.1. Pungutan Zakat Pendapatan Penggajian di eL-Zawa UIN Malang

Pungutan zakat profesi atau penghasilan di eL-Zawa dikutip daripada kakitangan UIN Malang yang sudah rasmi sebagai pegawai rasmi kerajaan dengan pangkat minimum iaitu golongan 3A dan dilakukan dalam bentuk potongan atau tolakan langsung daripada gaji kasar mereka setiap bulan dengan kadar 2.5% oleh bendahari UIN Malang dan selanjutnya diserahkan kepada eL-Zawa untuk dikendalikan.¹⁷⁸

Berdasarkan huraian di atas, apa yang berlaku dengan pungutan zakat pendapatan penggajian di eL-Zawa ialah apabila merujuk kepada zakat emas dan perak, ketentuan kadar pembayaran zakat adalah sebesar 2.5 %. Manakala zakat pertanian pula, ketentuan nisab dan haul adalah sebanyak lima *awsaq* atau sama nilai dengan 653 kg padi/ gandum dan dikeluarkan pada saat menerimanya dalam bentuk wang. Perkara ini adalah tidak bercanggah dengan syara' dan sudah menurut pandangan ulama untuk dilakukan¹⁷⁹. Apabila merujuk kepada BAZNAS¹⁸⁰ (Badan Amil Zakat Nasional) dan keputusan fatwa MUI (Majlis Ulama Indonesia) mengenai zakat penghasilan¹⁸¹, terdapat perbezaan jika dibandingkan dengan pemungutan zakat pendapatan penggajian. Menurut BAZNAS dan MUI, zakat yang dipungut mestilah daripada pendapatan bersih yakni setelah ditolak terlebih dahulu dengan bayaran hutang dan sebagainya serta keperluan asas diri dan keluarga yang berada di bawah tanggungan *muzakki*, tetapi eL-Zawa memungut zakat daripada pendapatan gaji kasar.

Namun begitu, apa yang telah ditentukan oleh BAZNAS dan MUI mengenai hukum fatwa dalam pelaksanaan hukum islam dan pelaksanaan zakat profesional tidak boleh dijadikan sebagai asas tetap tetapi boleh dijadikan sebagai rujukan dalam menentukan pelaksanaan hukum islam di Indonesia. Undang-Undang Pengendalian Zakat no. 38 tahun 1999 hanya menyebutkan jenis-jenis harta yang dikenakan zakat

¹⁷⁸ Lihat lampiran slip gaji karyawan UIN Malang pada lampiran 7.

¹⁷⁹ Sila lihat penjelasannya di bab 2 tentang zakat penghasilan, 64.

¹⁸⁰ Lihat cara penghitungan zakat di laman web BAZNAS, http://baznas.or.id/ind/?view=hitung_zakat.

¹⁸¹ Keputusan Fatwa Majelis Ulama Indonesia Nombor 3 Tahun 2003 tentang Zakat Penghasilan, ayat kesatu dan ketiga ayat 2. yang berbunyi: 1. Zakat penghasilan dapat dikeluarkan pada saat menerima jika sudah cukup nisab; 2. Jika tidak mencapai nisab, maka semua penghasilan dikumpulkan selama satu tahun; kemudian zakat dikeluarkan jika *penghasilan bersihnya* sudah cukup nisab. (Departemen Agama Republik Indonesia, *Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia*, 2003), 91.

tetapi tidak menyebutkan secara jelas dan terperinci mengenai kiraan nisab, haul dan kadar zakat kerana hal tersebut diserahkan kepada keyakinan dan ijtihad pengendali zakat berdasarkan kepada ketentuan agama.¹⁸² eL-Zawa memberi alasan mengenai pungutan zakat yang diambil daripada gaji kasar, alasannya adalah sekiranya zakat diambil daripada gaji bersih akan menyukarkan pengiraannya kerana gaji para kakitangan tersebut sudah banyak dipotong untuk pembayaran hutang dan PPh (potongan pajak penghasilan) 15%, bahkan ada yang tidak menerima gaji sewaktu masa penerimaan gaji bulanan kerana sudah habis digunakan untuk membayar hutang. Maka, tiada potongan zakat bagi kakitangan tersebut.

4.3.2. Analisis Kaedah Agihan Zakat di eL-Zawa

Secara amnya, bentuk agihan zakat di eL-Zawa dibahagikan kepada dua jenis agihan iaitu agihan zakat konsumtif dan agihan zakat produktif. Dengan potensi 30% (tiga puluh peratus) untuk zakat konsumtif dan 70% (tujuh puluh peratus) untuk zakat produktif. Zakat konsumtif yang diagihkan bertujuan untuk memberikan bantuan kewangan dan sebagainya kepada *asnaf*. Zakat konsumtif bersifat segera dan berjangka masa pendek. Manakala, zakat produktif yang diagihkan pula bertujuan untuk memberikan bantuan kewangan dan sebagainya yang mempunyai jangka masa panjang. Objektif yang ingin dicapai adalah untuk membantu sebilangan keluarga yang menerima bantuan zakat supaya dapat keluar daripada kelompok kemiskinan dan tidak mengharapkan bantuan zakat lagi. Selain itu, objektifnya adalah untuk membimbing mereka menjadi *muzakki*.

Walaupun eL-Zawa telah membelanjakan wang zakat kepada konsumtif dan produktif, namun apa yang telah diamalkan oleh eL-Zawa tidak selari sepenuhnya dengan syarat-syarat yang sudah diatur dalam perundangan di Indonesia mahupun keputusan ulama dunia dalam seminar di Kuwait tahun 1999 yang menyebutkan bahawa pemberian zakat secara produktif boleh diberikan apabila sudah tidak ada lagi *mustahik* yang memerlukannya dengan segera yakni untuk memenuhi keperluan asas mereka sehari-hari, seperti yang dijelaskan sebelum ini. Sebenarnya, masih ramai lagi masyarakat yang berada dalam tahap garis kemiskinan. Manakala, polisi yang dilakukan oleh eL-Zawa belum mengambil kira peruntukan zakat konsumtif dan produktif dengan

¹⁸² Undang-Undang No, 38 Tahun 1999 tentang Pengelolaan Zakat, Bab IV Pengumpulan Zakat, Pasal 11. Lihat lampiran 8.

kenyataan yang dialami masyarakat dengan keadaan ekonominya setiap hari, manakah tempat-tempat yang masih diperlukan untuk diberikan zakat sebelum zakat keperluan produktif diagihkan.

Namun demikian, menurut penulis apa yang dilakukan oleh eL-Zawa terhadap harta zakat yakni lebih menumpukan pengendaliannya kepada zakat produktif tetap boleh dilakukan sama ada dengan *mudhrabah*, *murabahah* mahupun UMKM yang telah dan sedang dijalankan sampai setakat ini. Hal tersebut boleh dilihat daripada keadaan sosio-ekonomi masyarakat yang sangat teruk di Malang secara khususnya dan Indonesia secara umumnya. Ia tidak mungkin boleh dipenuhi sekiranya perlu menunggu sehingga terdapat lebih zakat dan kesemua para *mustahik* telah mendapatkan hak mereka atau dalam erti kata lain, sudah tidak ada lagi *mustahik* yang berhajat kepada agihan zakat. Di bahagian lain, konsep pengagihan ini dianggap lebih sesuai untuk menyelesaikan masalah umat dengan mencegah dan mengurangkan kadar kemiskinan.

Walaupun bagaimanapun, pemberian modal usaha dengan akad *Qardhul Hasan* atau pinjaman kebajikan dalam pelaksanaan UMKM masih boleh dilakukan walaupun dana zakat yang terkumpul di eL-Zawa untuk diagihkan masih terhad dan sangat sedikit. Hal tersebut merupakan bentuk kreatifiti dari eL-Zawa untuk mencari jalan supaya dana yang sedikit itu dapat memberi manfaat yang maksimum. Jika dilihat secara sepintas lalu, cara agihan seperti itu adalah seakan-akan menangguhkan pengagihan dana zakat kepada *mustahik*, padahal secara teorinya, dana zakat itu harus segera dihabiskan pengagihannya. Sebenarnya, pola agihan seperti itu yakni secara dalam jangka masa panjang akan memberikan impak yang positif terhadap penegahan dan pengurangan kadar kemiskinan. Kerana dana yang dipinjamkan tersebut akan dikembalikan semula kepada eL-Zawa, supaya boleh diagihkan kembali kepada *mustahik* lain secara bergiliran sebagai modal untuk mengembangkan usaha mereka¹⁸³.

¹⁸³ Pemberian modal usaha tersebut akan disertai dengan pendampingan dan pembinaan secara berterusan dari eL-Zawa, sampai mereka berhasil mengembangkan perniagaannya dan pada akhirnya mereka akan mampu menolong dirinya sendiri atau mandiri serta menjadi muzakki pada tahapan selanjutnya, inilah yang menjadi tujuan utama dari program UMKM di eL-Zawa.

4.4. PERBINCANGAN

Dalam sub bab ini, penulis akan menghuraikan sedikit perbincangan mengenai pengurusan harta zakat di eL-Zawa dan hubungannya dengan pungutan dan agihan zakat.

4.4.1. PUNGUTAN ZAKAT

Daripada hasil analisis tentang pungutan zakat yang telah dilaksanakan oleh eL-zawa di atas, pengkaji lebih bersetuju sekiranya zakat profesional itu dipungut daripada penghasilan bersih. Menurut pandangan pengkaji, terdapat beberapa sebab zakat pendapatan penggajian harus dipungut dari pendapatan bersih, terutamanya di Indonesia, iaitu:

Pertama, merujuk kepada pendapat Mujaini Tarimin¹⁸⁴ yang berdasarkan kepada firman Allah S.W.T dalam surah *al-Baqarah*, ayat 219 yang berbunyi:

وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ

Maksudnya: “Dan mereka bertanya pula kepadamu (Muhammad): “apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)?”, katakanlah: "Dermakanlah apa-apa yang berlebih dari keperluan kamu”.

Ayat di atas merupakan penjelasan Nabi mengenai kiraan nisab kewajipan berzakat, kewajipan zakat mestilah berdasarkan kepada pendapatan bersih dan Islam sendiri tidak mewajibkan zakat ke atas harta yang digunakan untuk membiayai keperluan asas bagi diri dan keluarga yang ditanggung.

Kedua, terdapat kewajipan untuk membayar cukai penghasilan kepada negara yang biasanya ditolak terus melalui gaji setiap bulan sebanyak 15%. Mereka berasa berat hati apabila harus membayar zakat lagi. Ini juga menjadi sebab zakat dipungut daripada penghasilan bersih. Penerapan zakat sebagai pengurang penghasilan yang

¹⁸⁴ Mujaini Tarimin, *Zakat Menuju Pengurusan Profesiona*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd, 2005), 69.

dikenakan pajak/cukai (PKP) sebagaimana yang tertera dalam Undang-Undang/ UU PPh No. 17 tahun 2000, tidak begitu memberikan kesan yang baik dan tidak banyak diambil kira oleh masyarakat¹⁸⁵.

Ketiga, menyokong dua pandangan di atas, Yusuf al- Qardawi dengan bijaksana mengatakan bahawa demi menjaga keadilan sosial di kalangan masyarakat, maka zakat pendapatan profesional mesti dipungut daripada penghasilan bersih. Oleh itu, terdapat dua pendekatan yang boleh dilakukan dalam menentukan zakat daripada penghasilan mereka, iaitu:

1. Menggunakan pengiraan nisab dalam setiap jumlah pendapatan atau penghasilan yang diterima. Apabila penghasilan telah mencapai nisab seperti gaji yang tinggi dan bonus yang besar untuk para pegawai dan karyawan serta pembayaran-pembayaran yang besar kepada golongan-golongan profesional, maka wajib dikenakan zakat terhadapnya. Tetapi bagi yang tidak mencapai nisab, maka tidaklah wajib zakat atasnya.
2. Tetapi sekiranya masih ingin menetapkan kewajipan zakat terhadap pegawai yang tidak mencapai nisab pada saat menerimanya, maka boleh dilakukan dengan cara mengumpulkan gaji atau penghasilan yang diterima berkali-kali itu dalam masa tertentu.¹⁸⁶ Misalnya dikumpulkan dalam waktu setahun, kerana hasil yang diperolehi dari semasa ke semasa dan tidak pernah terputus di tengah akan saling melengkap untuk mencapai nisab.¹⁸⁷

Akar permasalahan dalam perbincangan di atas adalah undang-undang mengenai pengendalian zakat di Indonesia yang masih lemah. Ia sebagai salah satu sumber perlaksanaan hukum positif di Indonesia tetapi masih belum boleh dijadikan rujukan yang benar-benar tegas dan berwibawa. Apabila sesebuah hukum dikeluarkan, mestilah disertakan dengan teknik-teknik yang jelas dan terperinci di lapangan dan wajib diikuti oleh semua rakyat dan tidak membiarkan mereka bertindak mengikut tafsiran atau pandangan mereka sendiri. Hukuman tegas bagi yang melanggar hukum juga harus

¹⁸⁵ Berdasarkan data kes dari tahun 2001-2005 (iaitu 2001: 84 orang; 2002: 24 orang; 2003: 27 orang; 2004: 19 orang; 2005: 8 Orang) melalui penelitian lapangan di Bandar Malang, menunjukkan bahawa pembayar pajak yang menggunakan haknya untuk mengurangkan zakat yang dibayar kepada Penghasilan Kena Pajak atau cukai ternyata semakin lama semakin menurun. Lihat selengkapnya, Sudirman (2007), *Zakat Dalam Putaran Arus Modernitas, Op Cit*, 147.

¹⁸⁶ Yūsuf al-Qarādāwī, *Fiqh al-Zakāh*, (Beirut: Muassasah al-Risalah, cet. 24, 2000), 514-515.

¹⁸⁷ *Ibid*, 515. Lihat juga, Fatwa Majelis Ulama Indonesia tentang zakat penghasilan, *Op Cit*, 91.

dijalankan kerana pemerintah berkuasa wajib ditaati selagi tidak bertentangan dengan moral dan ketentuan agama serta menjaga kemaslahatan umum.

Alasan kurang berkesannya penerapan Undang-undang zakat sebagai pengurangan penghasilan kena pajak/cukai tersebut adalah seperti berikut:

1. Ramai di kalangan pembayar zakat yang belum mengetahui polisi tersebut kerana maklumat mengenainya tidak dilaksanakan secara berkesan dan berterusan di kalangan masyarakat oleh petugas pajak/cukai. Maklumat mengenainya hanya dilakukan sewaktu polisi tersebut dikeluarkan, tetapi pada masa-masa akan datang tidak dilakukan lagi kecuali jika dianggap penting. Ini bermakna zakat masih belum diambil berat sebagai sesuatu yang sangat penting bagi negara.
2. Pajak / cukai yang ditolak atas pembayaran zakat masih dikira sebagai kecil, iaitu hanya di bawah satu peratus dari pajak yang harus mereka bayarkan. Oleh itu, mereka malas menggunakan kesempatan ini.
3. Prosedur pembayaran zakat yang boleh mengurangkan PKP masih sulit. Syarat bahawa zakat boleh mengurangkan PKP adalah para pembayar zakat harus membayar zakatnya ke Badan Amil Zakat atau Lembaga Amil Zakat yang diarahkan oleh pemerintah. Manakala, lembaga penerima zakat di masjid-masjid dan di surau-surau ataupun yang berada di kampung-kampung tidak diakui sebagai bukti pembayaran yang rasmi. Oleh itu, kesempatan ini juga diabaikan oleh masyarakat.
4. Secara amnya, Badan Amil Zakat ataupun Lembaga Amil Zakat masih belum berjaya dalam melaksanakan tugasnya untuk memberikan maklumat dan menyediakan kemudahan membayar zakat yang berkesan di kalangan masyarakat terutamanya para pembayar zakat yang berada di perkampungan sukar dihubungi. Oleh itu, BAZ atau LAZ perlu bekerja dengan lebih kuat lagi untuk mengatasi hal tersebut.

5. Alasan yang paling ketara adalah ramai pembayar zakat yang lebih suka membayar zakatnya terus kepada *mustahiq* kerana lebih menyenangkan mereka. Namun, mereka masih meragui sekiranya zakatnya disalurkan dengan benar atau tidak jika mereka membayar terus melalui lembaga zakat.,¹⁸⁸

4.4.2. PENGAGIHAN HARTA ZAKAT

Jika diperhatikan undang-undang di Indonesia, menyebutkan bahawa zakat produktif boleh diberikan apabila terdapat lebihan dana zakat setelah hak-hak *mustahik* telah dipenuhi. Ini bermakna, sebelum amil zakat mengalirkan dana zakat kepada hal-hal yang produktif misalnya sebagai modal usaha dan sebagainya. Mereka seharusnya memeriksa di lapangan atau masyarakat sekitarnya terlebih dahulu, sekiranya masih terdapat *mustahik* yang masih memerlukan bantuan sara hidup seharian mereka atau tidak kerana di sinilah terletaknya peranan seorang amil yang amanah dan profesional. Dia harus bekerja keras untuk memastikan bahawa zakat yang diamanahkan oleh masyarakat kepadanya diserahkan kepada golongan yang berhak terutama sekali kepada sebahagian daripada *mustahik* yang benar-benar tidak boleh bekerja dan memerlukan bantuan sara hidup seharian secara berterusan. Sebagaimana Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 273 yang bunyinya sebagai berikut:

لِّلْفُقَرَاءِ الَّذِينَ أُحْصِرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَطِيعُونَ

ضَرْبًا فِي الْأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ الْجَاهِلُ أَغْنِيَاءَ مِنَ التَّعْفُفِ

تَعْرِفُهُمْ بِسِيمَاهُمْ لَا يَسْأَلُونَ النَّاسَ إِحْفَافًا^ظ وَمَا تُنْفِقُوا

مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٢٧٣﴾

¹⁸⁸ *Ibid*, 148-150.

Ertinya “Pemberian sedekah itu ialah bagi orang-orang fakir miskin yang telah menentukan dirinya dengan menjalankan khidmat atau berjuang pada jalan Allah (membela Islam), yang tidak berupaya mengembara di muka bumi (untuk berniaga dan sebagainya); mereka itu disangka: orang kaya - oleh orang yang tidak mengetahui halnya, kerana mereka menahan diri daripada memintaminta. Engkau kenal mereka dengan (melihat) sifat-sifat dan keadaan masing-masing, mereka tidak meminta kepada orang ramai dengan mendesak-desak. dan (ketahuilah), apa jua yang kamu belanjakan dari harta yang halal maka Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya”.

Bahkan Rasulullah SAW sendiri, tidak suka menanggung-nanggungkan zakat yang berada di rumahnya, sebagaimana yang diceritakan oleh ‘Uqbah bin al-Harith r.a. dalam hadis Nabi S.a.w yang berbunyi:

أَنَّ عُقْبَةَ بْنَ الْحَارِثِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ حَدَّثَنِي قَالَ صَلَّى بِنَا النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ

وَسَلَّمَ لَعَنُوا فَمَرُغْتُ ثُمَّ دَخَلْتُ لَمْ يَلَمْتْ لَمْ يَخْرُجْ فَلَمْ يَخْرُجْ لَمْ يَخْرُجْ لَمْ يَخْرُجْ لَمْ يَخْرُجْ

فَقَالَ كُنْتُ خَلْفَ فِي الْبَيْتِ إِذْ أَمْرُ الصَّلَاةِ كَرِهْتُ أَنْ يَكُونَ لِي فِيهِ قِسْمَةٌ .

Maksudnya: ”Bahawa ‘Uqbah bin al-Harith r.a. berkata: “Nabi S.a.w. bersembahyang asar dan selepas itu beliau segera kembali ke rumah dan keluar semula dengan segera. Nabi s.a.w. bersabda:”Aku tinggalkan di rumahku sebahagian daripada sedekah (zakat) dan aku tidak mau sedekah (zakat) tersebut berada semalaman di rumahku, lalu aku membahagi-bahagikannya. (Hadith Riwayat : al-Bukhari).¹⁸⁹

Fokus utama zakat adalah untuk membantu mengurangkan beban fakir miskin yang ada dalam masyarakat terutama sekali mereka yang tidak boleh menyara hidupnya dengan bekerja kerana keterbatasan mereka seperti orang tua yang hidupnya terlantar, para janda yang ditinggal mati suaminya dan tidak boleh bekerja, anak-anak yatim dan sebagainya.

¹⁸⁹ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī , *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Zakāh, Bāb Man Aḥabba Ta’jīl al-Ṣadaqah Min Yawmihā*, (Kaherah : Almatba’ah al-Salafiyah, 1400 H) no. 1430, 1: 442.

Namun demikian, apa yang sudah dilakukan oleh eL-Zawa terhadap harta zakat yakni lebih menumpukan pengendaliannya kepada zakat produktif tetap boleh dilakukan sama ada secara *muḍārabah*, *murābahah* mahupun UMKM yang telah dan sedang dijalankan sehingga kini. Hal tersebut boleh dilihat daripada keadaan sosio-ekonomi masyarakat yang sangat teruk di Malang khususnya dan di Indonesia umumnya. Ia tidak mungkin boleh dipenuhi sekiranya perlu menunggu sehingga terdapat lebih zakat dan kesemua para *mustahiq* telah mendapatkan hak mereka atau dalam erti kata lain, sudah tidak ada lagi *mustahiq* yang berhajat kepada agihan zakat. Di bahagian lain, konsep pengagihan ini dianggap lebih sesuai untuk menyelesaikan masalah umat dengan mencegah dan mengurangkan kadar kemiskinan.

Walaupun bagaimanapun, pemberian modal usaha dengan akad *Qard al-Ḥasan* atau pinjaman kebajikan dalam pelaksanaan UMKM masih boleh dilakukan walaupun dana zakat yang terkumpul di eL-Zawa untuk diagihkan masih terhad dan sangat sedikit. Hal tersebut merupakan bentuk kreatifiti dari eL-Zawa untuk mencari jalan supaya dana yang sedikit itu dapat memberi manfaat yang maksimum. Jika dilihat secara sepintas lalu, cara agihan seperti itu adalah seakan-akan menangguhkan pengagihan dana zakat kepada *mustahiq*, padahal secara teorinya, dana zakat itu harus segera dihabiskan pengagihannya. Sebenarnya, pola agihan seperti itu yakni secara dalam jangka masa panjang akan memberikan impak yang positif terhadap penegahan dan pengurangan kadar kemiskinan. Kerana dana yang dipinjamkan tersebut akan dikembalikan semula kepada eL-Zawa, supaya boleh diagihkan kembali kepada *mustahik* lain secara bergiliran sebagai modal untuk mengembangkan usaha mereka¹⁹⁰.

Dalam bidang *mu'āmalah* seperti di atas, Islam telah memberikan ruang ijtihad yang sangat luas dalam perlaksanaannya. Termasuklah perkara tentang pengagihan zakat, yang mana tidak ditunjuk dalam syarak tetapi ia disesuaikan dengan perkembangan dan keperluan semasa. Kaedah *fiqh* yang menyebutkan bahawa "*hukum asal segala sesuatu adalah harus*" merupakan asas yang boleh digunapakai dalam menyelesaikan perkara-perkara yang belum dijelaskan secara pasti dalam *nas*¹⁹¹, yang bermakna bahawa segala sesuatu tersebut boleh dilakukan selagi belum ada dalil yang

¹⁹⁰ Pemberian modal usaha tersebut akan disertai dengan pendampingan dan pembinaan secara berterusan dari eL-Zawa, sampai mereka berhasil mengembangkan perniagaannya dan pada akhirnya mereka akan mampu menolong dirinya sendiri atau mandiri serta menjadi muzakki pada tahapan selanjutnya, inilah yang menjadi tujuan utama dari program UMKM di eL-Zawa.

¹⁹¹ Abdul Halim El-Muhammady, *Perubahan Hukum Muamalah Berdasarkan Teori Fiqh Malaysia: Satu Tinjauan*, dalam, "*Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*", ed. Paizah Hj. Ismail, et. al, (Kuala Lumpur: Al-Bayan Corporation Sdn. Bhd, cet. 2, 2004), 195.

mengharamkannya. Dalam hal ini, Allah SWT berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 29 yang berbunyi:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا....

Ertinya: “Dia lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi..

Ayat di atas memberikan penegasan kepada kita bahawa segala sesuatu yang telah diciptakan Allah di muka bumi ini merupakan anugerah untuk kemaslahatan manusia yang diberikan dalam bentuk hukum halal atau harus terhadap apa sahaja yang berada di dalamnya. Maknanya, manusia diberi kebebasan oleh Allah untuk mengelola segala sesuatu yang berada dalam bumi ini selagi tidak ada ketentuan yang pasti daripada Allah SWT bahawa sesuatu tersebut adalah haram untuk dilakukan.¹⁹²

Kemudian dalam hadis Rasulullah SAW, sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Abu Darda’ r.a. yang berbunyi:

مَا أَحَلَّ اللَّهُ فَهُوَ حَلَالٌ وَمَا حَرَّمَ اللَّهُ فَهُوَ حَرَامٌ وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ عَفْوٌ فَاقْبَلُوا مِنَ اللَّهِ عَافِيَتَهُ. فَإِنَّ اللَّهَ لَا يَنْسَى شَيْئًا.

Ertinya: “ Sesuatu yang dihalalkan Allah adalah halal, sesuatu yang diharamkan Allah adalah haram. Sedangkan hal-hal yang tidak dijelaskan oleh Allah adalah merupakan pengampunan Allah dari-Nya. Maka terimalah pengampunan dari-Nya. Dan Allah tidaklah lupa akan satu hal pun”.¹⁹³

Daripada hadis Nabi SAW tersebut dapatlah kita mengambil suatu kesimpulan bahawa perkara-perkara yang berhubungkait dengan halal dan haram telah jelas kedudukannya, manakala hal-hal yang belum dijelaskan dalam syariat adalah diampunkan oleh Allah SWT. Ini bukan bermakna Allah SWT

¹⁹² Abdul Haq, et. al, *Formulasi Nalar Fiqh: Telaah Kaidah Fiqh konseptual*, (Surabaya: Khalista, cet. 2, 2006), 1: 152.

¹⁹³ Abū Dāwūd Sulaymān al-Ash’ath , *Sunan Abū Dāwūd, Taḥqīq : Muḥammad Nāsir al-Dīn al-Albānī, Kitāb al-Aḥimāh, Bāb Mā Lam Yudhkar Taḥrīmuh*, (Riyād : Maktabah al-Ma’ārif, 1417 H) no. 3800, 683

sengaja membiarkan sesuatu yang tidak dijelaskan status hukumnya tetapi apa yang berlaku tersebut merupakan anugerah yang diberikan kepada hamba-hamba-Nya. Oleh itu, ia bukanlah sesuatu yang dilarang atau diharamkan oleh Allah SWT¹⁹⁴. Sehubungan itu, tidak mungkin Allah menciptakan segala sesuatu di dunia ini kecuali pasti terdapat hikmah yang terkandung di dalamnya dan tentunya segala sesuatu tersebut akan kembali kepada kemaslahatan makhluk-Nya atau manusia.

Selain itu, pengagihan harta zakat produktif kalau dilihat dari bahagian konsep *al-maṣlaḥah al-mursalah* juga boleh dilakukan selagi tidak keluar daripada syarat-syarat yang telah disepakakati oleh ulama *usul*, syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. *Maṣlaḥah* itu hendaklah tidak bercanggah dengan dalil-dalil syarak yang *qaṭ'ī*. Sama ada dalil-dalil yang bersumberkan daripada *Al Qur'an*, *al Sunnah*, *al Ijmā'*, atau *al Qiyās*. Kerana semua itu merupakan sumber hukum Islam. Apabila *maṣlaḥah* tersebut bercanggah dengan sumber hukum Islam maka sesungguhnya *maṣlaḥah* itu adalah *batil* dan harus ditolak serta wajib mendahulukan *naṣ*.¹⁹⁵ Perbuatan dengan *maṣlaḥah* adalah perbuatan dengan akal (*ra'yi*), kebenaran akal akan diterima selagi tidak bertentangan dengan *usul al 'adilah*¹⁹⁶ kerana ia merupakan sesuatu yang logik, maka ia mesti dilakukan dalam perihal muamalat dan bukannya berkaitan dengan bab ibadah.¹⁹⁷
2. *Maṣlaḥah* itu haruslah sesuai dengan tujuan syarak dalam *maṣāliḥ* manusia.¹⁹⁸ Seluruh umat dan bahkan seluruh agama telah bersepakat bahawasanya syariat menetapkan untuk menjaga keperluan asasi (*ḍarūriyat*) dalam kehidupan atau menolak bebanan *masyaqqah* (kesempitan) yang bercanggah dengan kemudahan yang dianjurkan oleh syarak. *Ḍarūriyāt* dalam kehidupan

¹⁹⁴ *Ibid*, 154.

¹⁹⁵ Jalaluddin Abd Raḥmān (, *Al-Maṣāliḥ al-Mursalah wa makānatuhā fī al tasyrī'*, (Dār al kutub al Jāmi'ī , cet., 1983M/1403H), 35. Jalauddin Abd al- Raḥman, *Ghāyah al Wuṣūl Ilā Daqā'iq Ilm al Uṣūl al Adillah al Mukhtalaf Fīhā*, (Shubra: Maṭba'ah al Jabalawī, cet 1, 1992M/1413H), 39-40.

¹⁹⁶ Al-Imām Al Ḥaramain (1399H), *Al Burhān Fī Uṣūl Al Fiqh*, Abdul Al 'Azīm al Dib (Muhaqqiq), Qatar: Kuliyyah al Syarī'ah, Jami'ah Qatar, cet1, 1399 H), 2: 1134

¹⁹⁷ Rosli Nokhtar, et. al (2007), *Maqāṣid al-Syarī'ah: Hikmah Di Sebalik Pensyariatan*, *Op. Cit*, 95

¹⁹⁸ Jalaluddin Abd al- Rahman (1992M/1413H), *Op.Cit*, 42.

tidak terlepas daripada lima perkara iaitu: Agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.¹⁹⁹

3. *Maṣlaḥah* tersebut mestilah *maṣlaḥah* yang sebenar (*ḥaqīqī*) dan bukannya sesuatu yang masih samar (*wahm*) ataupun sekadar sangkaan sahaja.
4. *Maṣlaḥah* tersebut mestilah mempunyai kebaikan untuk kepentingan masyarakat dan bukannya sekadar untuk kepentingan perseorangan atau kumpulan-kumpulan tertentu.²⁰⁰
5. Suatu *maṣlaḥah* tidak menghapus *maṣlaḥah* yang lebih utama atau sejajar dengannya. Apabila berlaku percanggahan antara *maṣlaḥah* dan tidak mungkin untuk menyatukan keduanya maka pentarjihan di antara keduanya dilakukan dengan melihat kepada nilai *maṣlaḥah*nya atau kepentingannya menurut syarak. Seperti pertentangan antara *Darūriyat* dengan *ḥajiyāt* maka didahulukan *daruriyyah* dan jika bercanggah antara *hajiyah* dan *tahsiniyyah* maka dahulukan *hajiyah*.²⁰¹

Oleh itu, berdasarkan pengurusan zakat produktif di eL-Zawa sebagaimana yang telah dijelaskan sebelumnya dan merujuk kepada kaedah *uṣūl fiqh* dan konsep *al-maṣlaḥah al-mursalah* di atas, ianya boleh dilakukan selagi tidak ada *nas qaṭ'ī* yang melarangnya. Selain itu, pengurusan zakat produktif tersebut adalah untuk kemaslahatan masyarakat umum di mana tujuan pemberian pinjaman modal usaha dengan aqad *qarḍ al-ḥasan* dalam pelaksanaan UMKM, *muḍārabah* dan *murābahah* adalah untuk memaksimumkan potensi zakat dalam meningkatkan taraf ekonomi masyarakat miskin untuk jangka masa panjang. Manakala, pinjaman modal usaha dengan akad *qarḍ al-ḥasan* tadi, setelah dikembalikan kepada eL-Zawa, ia akan diagihkan semula kepada *mustahiq* lain untuk digunakan sebagai modal usaha mereka selepas tertanggung hak mereka buat seketika. Hal tersebut dilakukan oleh eL-Zawa kerana keterbatasan dana zakat yang ada. Daripada apa yang sudah dilakukan oleh eL-Zawa menerusi pendampingan dan pemberian modal usaha secara langsung tanpa faedah boleh menghindarkan masyarakat miskin daripada melakukan amalan riba.

¹⁹⁹ Jalaluddīn Abd al-Raḥmān. *Op. Cit.* h. 37. Lihat Muḥammad Sa'īd Ramaḍān Al Būṭī (2000M), *Dawābiṭ al Maṣlaḥah fī al Sharīah al Islāmiah*, Beirut: Muassah al Risalah, cet 6, 1983M/1403H), 110

²⁰⁰ Rosli Mokhtar, et. al, *Op. Cit.*, 95

²⁰¹ Jalaluddīn Abd Raḥmān (1983M/1403H), *Op. Cit.* 45.

4.5. Halangan yang dihadapi eL-Zawa dalam pengurusan zakatnya

Walaupun pengurusan harta zakat di eL-Zawa sudah banyak mengalami kemajuan dari semasa ke semasa terutama dalam pentadbirannya dan pengembangan harta zakatnya yang inovatif dan sesuai dengan perkembangan semasa. Namun, hal tersebut bukan berarti eL-Zawa tidak menghadapi halangan terutamanya pada masa permulaan perkembangan lembaga ini. Berdasarkan kepada hasil penyelidikan di lapangan, penulis banyak menemui halangan yang dihadapi oleh eL-Zawa dalam perlaksanaannya. Antara halangan yang dihadapi adalah seperti berikut:

4.5.1. Belum mempunyai pejabat sendiri.

Kepentingan pejabat dalam sebuah lembaga atau organisasi adalah sangat mustahak dan penting kerana pejabat merupakan pusat kegiatan, pusat informasi dan sebagainya yang berkaitan dengan kerja-kerja pentadbiran.

Sewaktu fasa enam bulan pertama selepas penubuhannya, cabaran pertama yang dihadapi oleh eL-Zawa adalah untuk mempunyai pejabat sendiri. Pelbagai cara telah digunakan oleh eL-Zawa untuk mendapatkan pejabat. Pertama, eL-Zawa telah cuba untuk berkongsi pejabat dengan Unit Publikasi dan Informasi UIN Malang tetapi keinginan tersebut tidak tercapai kerana ketua unitnya tidak bersetuju untuk berkongsi pejabat dengan alasan bilik tersebut terlalu sempit. Di samping itu, pejabat juga diperlukan untuk menyimpan barang-barang dan inventori pejabat. Alternatif kedua untuk mendapatkan pejabat, eL-Zawa telah cuba untuk meminjam buat seketika gedung LKQS yang ditinggalkan oleh pemiliknya iaitu Unit Kemahasiswaan yang telah berpindah ke bilik kerja Pembantu Rektor Bidang Kemahasiswaan. Tetapi hal itu pun tidak disetujui oleh pemiliknya kerana tempat itu masih dijadikan tempat penyimpanan barang oleh kemahasiswaan.

Akhirnya, hasil daripada perjuangan pengurusnya yang gigih dan tidak mengenal erti putus asa, eL-Zawa telah mendapat keizinan daripada pihak Universiti untuk menggunakan salah satu bilik masjid At-Tarbiyah UIN Malang yang masih kosong yang pada awalnya akan digunakan sebagai bilik perpustakaan tetapi telah menjadi pejabat eL-Zawa sehingga sekarang. Walaupun begitu, hal ini masih menjadi halangan untuk eL-Zawa di masa hadapan, kerana masih belum mempunyai pejabat

sendiri yang tetap. Sekiranya tempat tersebut itu diperlukan oleh pihak Masjid, eL-Zawa harus berpindah dan mencari gedung baru. Hal ini menimbulkan kesukaran untuk bekerja bagi eL-Zawa.

4.5.2. Kewangan yang sangat terhad

Selain itu, halangan yang dihadapi oleh eL-Zawa sewaktu penubuhannya adalah dana yang terhad. Hal ini memberi kesan kepada kelengkapan alatan-alatan pejabat seperti meja kerja, kerusi, almari untuk menyimpan fail-fail, mesin pencetak, dan sebagainya termasuk juga untuk membayar gaji dan pembiayaan operasi.

Untuk mengatasi masalah tersebut, eL-Zawa telah meminjam kelengkapan operasi pejabat seperti komputer yang tidak digunakan oleh pemiliknya daripada pejabat lain di UIN, tetapi untuk kelengkapan lain seperti mesin pencetak, dakwat, kertas dan lain-lainnya merupakan barang-barang peribadi para pengurus eL-Zawa. Dana untuk membayar gaji kakitangan dan membiaya operasi kesemuanya masih berasal daripada yuran para pengurus eL-Zawa masa itu.

4.5.3. Pemahaman masyarakat masih kurang tentang zakat, terutama harta-harta zakat yang *diikhtilaf*.

Pemahaman masyarakat mengenai kewajipan berzakat masih lemah tidak seperti pemahaman mereka terhadap kewajipan solat dan puasa. Ini kerana penekanan yang kurang dalam pendidikan agama Islam sama ada dalam kelas formal mahupun informal seperti di surau-surau, masjid-masjid dan majlis-majlis taklim yang lain. Perlaksanaan zakat hanya diwajibkan kepada orang-orang tertentu sahaja yakni ke atas golongan orang-orang kaya. Manakala, kewajipan solat dan puasa mencakupi semua golongan orang Islam dan dilaksanakan dengan serentak. Sehubungan itu, pemerintah juga kurang memberikan kerjasama dalam merealisasikan pemahaman ajaran zakat dalam masyarakat.

Di samping itu, masyarakat masih keliru dengan sumber-sumber zakat yang *diikhtilaf* seperti zakat pendapatan, zakat saham dan sebagainya. Ini kerana majoriti daripada mereka masih berpegang teguh kepada pandangan ulama-ulama salaf yang menyebutkan bahawa hanya harta-harta yang disebutkan secara pasti dalam al-Qur'an

sahaja yang wajib dizakatkan apabila telah mencapai nisab tetapi mereka tidak percaya sumber-sumber harta baru kerana dianggap sebagai bida'ah.

Pemerintah Indonesia haruslah memainkan peranan untuk menjadi jambatan bagi menghubungkan ulama-ulama yang berbeza pandangan tersebut dan mencari jalan keluar terbaik untuk menyelaraskan pandangan mereka supaya boleh dipraktikkan secara menyeluruh di kalangan masyarakat muslim Indonesia tanpa berlakunya pertelingkahan lagi untuk kepentingan dan kemaslahatan umat. Apatah lagi pada zaman industri ini, pertumbuhan ekonomi yang semakin maju di pelbagai sektor pelaburan, jasa, perkhidmatan dan lain-lainnya tidak terdapat pada masa dahulu. Pembaharuan atau pentafsiran ulang terhadap sumber-sumber harta yang wajib dizakatkan perlu disesuaikan dengan perkembangan semasa.

4.5.4. Kepercayaan masyarakat yang masih kurang terhadap lembaga pengelola zakat.

Salah satu masalah yang dihadapi oleh lembaga pengendalian zakat adalah ramai daripada *muzakkī* yang menyerahkan zakatnya kepada *mustahiq* secara terus melalui imam-imam surau, ustaz kampung dan sebagainya kerana mereka merasa lebih selesa dengan cara ini. Alasannya, sekiranya mereka harus menyalurkan zakat kepada lembaga pengendalian zakat mereka masih ragu-ragu jika zakatnya benar-benar disalurkan kepada mereka yang berhak atau tidak. Apatah lagi, imej yang terdapat dalam masyarakat mengenai lembaga-lembaga pemerintah banyak mengamalkan rasuah dalam mengendalikan kewangan negara.

Oleh itu, eL-Zawa yang menamakan dirinya sebagai lembaga pengendalian zakat yang amanah dan profesional perlu bekerja keras untuk mendapatkan kepercayaan masyarakat dalam menguruskan dana-dana umat. Perkhidmatan dan pentadbiran serta kemudahan-kemudahan pembayaran zakat perlu dikemaskinikan selalu, pengagihan haruslah dengan cara yang berkesan dan dapat dirasakan oleh masyarakat, informasi-informasi sentiasa dikemaskinikan, laporan-laporan berkala yang telus kepada *muzakki* sama ada pungutan dan agihan dan lain-lainnya.

Sehubungan dengan itu, masyarakat tidak perlu lagi risau akan hartanya yang diamankan kepada lembaga tersebut. Mereka juga akan merasakan manfaat daripada hikmah zakat yang diwajibkan kepada mereka oleh Allah SWT.

4.5.5. Undang-undang pengendalian zakat yang masih lemah.

Apa yang menjadi halangan sehingga sekarang adalah perundangan tentang pengendalian zakat di Indonesia yang tertulis dalam Undang-undang No. 38 tahun 1999 tidak menyebutkan hukuman yang tegas kepada orang yang tidak mahu membayar zakat. Undang-undang ini juga tidak mempunyai kekuatan untuk memaksa masyarakat membayar zakat kerana petugas akan memungut pajak/cukai apabila terdapat maklumat atau permintaan daripada *muzakkī*.

Sejak bulan Ogos tahun 2010, eL-Zawa melalui Universiti telah mengeluarkan Surat Keterangan Rektor No. Un.03./HM.01/1744/2010 mengenai Pembayaran Zakat Profesional atau gaji bagi Pegawai Negeri Sipil golongan 3A ke atas di sekitar Universiti Islam Negeri Malang iaitu sebanyak 2.5% yang ditolak langsung dari gaji mereka setiap bulan oleh bendahari Universiti dan diserahkan kepada eL-Zawa untuk diagihkan kepada *mustahiq*.

Tetapi hal itu masih menjadi halangan bagi sebahagian pembayar zakat tersebut kerana mereka masih mempunyai kewajipan membayar cukai penghasilan kepada negara sebanyak 15 % setiap bulan dan ditolak terus daripada gaji mereka oleh negara. Sementara undang-undang penerapan zakat sebagai pengurangan pajak/cukai penghasilan tersebut tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh pembayar zakat kerana prosedur yang masih sulit dalam menguruskannya, di mana salah satu syaratnya adalah mereka harus membayar zakat melalui lembaga BAZNAS dan LAZNAS.

4.5.6. Pungutan harta zakat yang masih terhad kepada harta zakat peribadi atau perseorangan.

Pungutan zakat di eL-Zawa masih terhad kepada harta zakat peribadi dan majoritinya masih kepada golongan pensyarah di sekitar UIN Malang. Sumber

pungutan tersebut tentu memberi kesan kepada jumlah harta yang terhad dan selanjutnya akan memberi kesan kepada jumlah agihan.

Oleh itu, eL-Zawa harus berani memperluaskan lagi sumber kutipan zakatnya kepada sumber-sumber lain yang berada di luar Universiti seperti zakat perniagaan, pelaburan, saham, dan lain-lainnya kerana Malang termasuk antara bandar yang maju daripada segi ekonomi dalam bidang industri dan lain-lainnya di wilayah Jawa Timur, Indonesia.

Sehubungan dengan itu, petugas-petugas yang bekerja di lapangan mesti ditingkatkan lagi kuantiti dan kualitinya kerana jumlah dan kualiti petugas yang bekerja di lapangan akan memberikan impak kepada jumlah kutipan yang berkesan. Dalam hal ini, penggajian yang profesional kepada para petugas lapangan tersebut perlu diambil kira untuk menghasilkan kualiti kerja yang baik.

4.5.7. Sumber modal insan yang terhad.

Keberkesanan program kerja dalam sesebuah lembaga termasuklah lembaga zakat sangatlah dipengaruhi oleh sumber manusia yang berada di dalamnya. Apa yang penulis peroleh di lapangan adalah jumlah pengurus yang terdapat di eL-Zawa berjumlah seramai 8 orang dengan perincian 2 orang penasihat eL-Zawa, seorang ketua, seorang sekretari, seorang kakitangan pentadbiran, seorang kakitangan kewangan dan 2 orang petugas lapangan sukarela yang diambil daripada mahasiswa UIN Malang.

Jikalau merujuk kepada tahap kerja yang berkualiti, salah satu faktor yang harus diambil kira adalah menyediakan dan melengkapkan keupayaan modal insan yang diperlukan untuk melahirkan kualiti kerja. Ini kerana pengurusan harta zakat ini berkaitan dengan pemberian harta masyarakat miskin dan memerlukan orang-orang yang profesional dalam bidangnya.

Oleh kerana lembaga zakat ini mempunyai tugas yang hampir sama dengan pekerjaan sosial. Pekerjanya bergaji rendah dan memerlukan keikhlasan bagi yang mahu mengurusnya. Tidak ramai orang yang mempunyai kemahiran yang baik dan berkeinginan untuk bekerja di lembaga zakat. Mereka lebih suka bekerja dalam sektor lain dengan pendapatan yang lebih tinggi. Buktinya, ketua dan sekretari eL-Zawa tidak

digaji kerana beliau berdua merupakan pegawai Universiti yang digaji oleh negara, hanya dua karyawan lain iaitu kakitangan pentadbiran dan kakitangan kewangan digaji daripada dana zakat sebagai asnaf zakat. Oleh itu, supaya lembaga ini lebih maju dan perkasa, pengurusan lembaga ini haruslah diubah kepada pengurusan yang lebih baik dan profesional.

Demikian merupakan beberapa halangan yang dihadapi oleh eL-Zawa dalam pengurusan zakatnya. Apabila permasalahan dan halangan tersebut dapat diselesaikan dengan baik, eL-Zawa akan dapat memperkasakan lagi pengurusannya yang berkesan pada masa akan datang serta meningkatkan taraf hidup masyarakat miskin yang berada dalam bimbingan eL-Zawa dan selanjutnya akan dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat.

4.6. Cadangan Penyelesaian Masalah Kajian

4.6.1. Pungutan Agihan Zakat Masih Terhad

Berkaitan dengan masalah ini, terdapat beberapa perkara yang boleh diambil oleh eL-Zawa sebagai langkah untuk meningkatkan lagi jumlah pungutan zakat:

1. Harta yang akan dipungut tidak hanya kepada harta-harta yang dimiliki secara perseorangan di sekitar UIN Malang atau para karyawan dan pensyarah yang bekerja di UIN Malang tetapi dia harus keluar dan mencari mana-mana calon *muzakkī* yang berpotensi untuk dipungut zakatnya,²⁰² sama ada zakat peribadi mahupun zakat perniagaan dan sebagainya.

Dalam hal ini, petugas pungutan zakat di lapangan yang dipilih oleh eL-Zawa tidak setakat kepada tugas memungut harta zakat sahaja tetapi dia juga harus lebih proaktif mendatangi dan mendekati calon *muzakkī* untuk menyalurkan zakatnya melalui eL-Zawa. Secara psikologi, pendekatan verbal dan bersua muka adalah lebih berkesan daripada pendekatan yang dilakukan secara non-verbal misalnya melalui surat atau telefon.²⁰³

²⁰² Dalam hal ini, memang menjadi kewajiban petugas atau lembaga pungutan zakat untuk menarik zakat dari para *muzakkī*, kerana tidak semua orang yang sudah masuk kategori *muzakkī* mahu jujur dan sedar untuk membayar zakatnya.

²⁰³ Sebagaimana temubual secara langsung dengan Yusuf Zain pada 16 jun 2010 di rumah beliau, setiausaha Yayasan Yatim Mandiri Surabaya, Jawa Timur. Belajar dari pengalaman Yatim Mandiri,

2. Di samping memperluaskan lagi objek pungutan zakat untuk menambah jumlah pungutan, hal yang lebih penting lagi untuk diambil kira adalah dengan memperhatikan kualiti dan kuantiti *amil*. Dalam hal kualiti, mendidik dan mengembangkan kemampuan *amil* dan petugas pungutan zakat adalah sangat penting untuk menjadikan mereka lebih berprestasi, insentif yang menarik sebagai rangsangan juga boleh dijadikan salah satu cara atau alternatif. Begitu juga dengan jumlah atau kuantiti *amil* dan petugas pungutan di lapangan, akan memberikan kesan kepada jumlah hasil kutipan kerana pekerjaan yang dilakukan oleh ramai orang akan lebih berkesan dan cekap serta memudahkan kerja-kerja organisasi dalam mencapai matlamatnya jika dibandingkan dengan sumber manusia yang terhad.

Kesimpulannya, untuk menghasilkan pengurusan lembaga atau organisasi yang berkualiti, berfungsi dengan sempurna, aktif dan dinamik perlu merujuk kepada empat hal yang saling berkaitan, iaitu:

- a. Menyediakan dan melengkapkan keupayaan modal insan yang diperlukan untuk melahirkan kualiti kerja.
- b. Meningkatkan keyakinan diri seorang pekerja, memupuk sifat tanggungjawab dan sifat amanah.
- c. Faktor-faktor pengurusan disiplin yang berkaitan dengan perancangan, penyusunan tugas, pelaksanaan, penyeliaan dan peneguhan kerja-kerja yang dilakukan oleh para pekerja perlu dikemaskinikan dan dijalinkan daripada semasa ke semasa.
- d. Kerjasama yang berkesan antara pekerja dan lembaga perlu dijalinkan dan dikekalkan. Hal ini akan mewujudkan sifat taat dan patuh terhadap tugas dan fungsi masing-masing.²⁰⁴

bahawa tugas *Fund Rising*/ petugas pungutan zakat, bukan setakat memungut dana ZIS yang sudah pasti sahaja, tetapi dia juga bertugas untuk mengembangkan pungutan zakat dengan pro-aktif mendatangi calon muzakki, sama ada perseorangan atau korporat dan mengajak mereka bekerjasama untuk menyalurkan zakatnya di lembaga tersebut. Insentif yang menarik dan berpatutan sesuai standard hak *amil* juga menjadi sebab kepada keberkesanan jumlah kutipan.

²⁰⁴ Fadillah Mansor, *Kualiti Kerja Dalam Organisasi: Tinjauan dari Perspektif Pengurusan Islam*, (Kuala Lumpur: University Of Malaya press, 2006), 48.

4.6.2. Pengkorporatan Lembaga Zakat

Salah satu faktor penting untuk meningkatkan jumlah kutipan daripada sebuah lembaga zakat adalah tidak terikat dengan lembaga lain atau dengan kata lain pengurusan institusi zakat mestilah diuruskan secara korporat.

Pengkorporatan lembaga zakat merupakan strategi pengurusan zakat untuk menjadikan urusan pungutan zakat lebih mudah, lebih profesional dan fokus serta dapat meringankan tugas lembaga dalam mengendalikan harta-harta lain selain harta zakat. Secara praktikalnya, lembaga itu akan menguruskannya dan dibantu oleh ahli-ahli dalam bidang perniagaan dan akauntan.²⁰⁵ Oleh yang demikian, secara automatiknya konsep kutipan yang akan digunakan juga akan mengikut sistem korporat seperti teknik pemasaran yang moden, penerangan, publisiti yang meluas kepada masyarakat sama ada melalui surat khabar atau media elektronik, pameran dan lain-lainnya.²⁰⁶

Secara organisasi, eL-Zawa masih tertakluk di bawah Universiti Islam Negeri Malang, eL-Zawa adalah unit khas yang dijadikan sebagai lembaga penyokong akademik. Maknanya, walaupun lembaga ini diberikan kebebasan untuk menguruskan harta zakat khususnya dan harta-harta lain selain zakat secara umumnya tetapi ia masih tertakluk kepada peraturan Universiti.

Sesuai dengan misinya untuk menjadi pusat contoh atau makmal sistem pengurusan pengendalian ZIS dan Wakaf sama ada pada skala tempatan atau nasional. eL-Zawa harus mempersiapkan dirinya daripada sekarang untuk mencapai misinya. Bilangan lembaga-lembaga pengendalian zakat nasional yang ditubuhkan semakin hari semakin meningkat. pelbagai program pembangunan dana zakatnya yang menarik juga semakin bertambah,²⁰⁷ hal ini tentu akan memberikan saingan yang besar bagi eL-Zawa untuk benar-benar menjadikan dirinya lembaga yang kukuh dan perkasa pada masa hadapan.

²⁰⁵ Ahmad Hidayat Buang, Kutipan dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi Tempoh 1985-1995: Satu Pemerhatian, *Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Jurnal Syariah*, vol. 2 (1999), 7: 145.

²⁰⁶ *Ibid*, 149.

²⁰⁷ Sebagaimana Abu Avisenna mengutip dari Didin Hafidhuddin dalam Seminar Pengelolaan Zakat di gedung DPR, 4 Maret 2010 silam., beliau berkata: Masa ini, terdapat 429 BAZ (Badan Amil Zakat) tingkat Bandar atau Kabupaten, 33 BAZ Tingkat Provinsi, 4771 BAZ Tingkat Kecamatan serta 18 LAZ (Lembaga Amil Zakat) Tingkat Nasional". <http://ekonomi.kompasiana.com/marketing/2010/08/03/mengurai-strategi-pemasaran-organisasi-pengelola-zakat/>

Berdasarkan pengalaman Lembaga Zakat Selangor (MAIS), sebelum ia ditukar kepada keadaan sekarang. semua pengendalian dalam urusan zakat, sedekah dan harta pusaka masih diuruskan sepenuhnya oleh Baitulmal di bawah kendalian Majlis Agama Islam selangor. Tetapi pungutan zakat yang diperoleh tidak menunjukkan potensi yang sebenar, kerana pada masa itu:

- a. Penumpuan pungutan zakat hanya terhad kepada zakat fitrah dan padi sahaja
- b. Zakat harta dan zakat perniagaan tidak diberi perhatian
- c. Pengagihan zakat terus kepada asnaf secara sendiri,
- d. Kurang telus dalam memberikan penerangan kepada masyarakat, sehingga menyebabkan kepercayaan muzakki yang kurang kepada baitul mal.
- e. Pengambilan kakitangan tidak dapat dilakukan, dan
- f. Tiada pengkhususan kerja bagi pegawai zakat.²⁰⁸

Berdasarkan kepada realiti tersebut, Majlis Agama Islam Selangor pada tahun 1990 telah menubuhkan institusi khas iaitu Pusat Pungutan Zakat MAIS²⁰⁹ untuk menguruskan kutipan zakat secara korporat dan profesional bagi memperkasakan pengurusan institusi zakat dan memaksimumkan potensi jumlah kutipan zakat terutamanya objek-objek zakat yang tidak tersentuh seperti zakat harta dan perniagaan.²¹⁰

Ciri-ciri yang digunakan oleh LZS MAIS dalam konsep pengkorporatan pengurusan isntitisi zakat adalah berdasarkan pada:

- a. Pemungutan dan pengagihan zakat dilakukan secara korporat.
- b. Mewujudkan tempat pembayaran zakat di pelbagai tempat seperti surau-surau, masjid-masjid dan sebagainya untuk memungut zakat.
- c. Dilakukan dengan menggunakan sistem ICT.
- d. Pengurangan birokrasi perlu dilakukan untuk mempercepatkan penyampaian agihan.
- e. Menjaga kebajikan kakitangan.

²⁰⁸ Tuan Haji Ahmad Shahir bin Makhtar, *Paradigma Pengurusan Institusi Zakat: Pengalaman Lembaga Zakat Selangor (MAIS)*, (PWTC: Persidangan Cukai & Zakat Kebangsaan, 23 Mei 2007).

²⁰⁹ Tahun 1996 PPZ MAIS bertukar kepada Pusat Zakat Selangor MAIS atau PZS MAIS, dan pada tahun 2006 sehingga sekarang dari PZS MAIS telah bertukar lagi kepada Lembaga Zakat Selangor MAIS atau LZS MAIS.

²¹⁰ *Ibid.*

- f. Dapat melakukan pengambilan kakitangan profesional untuk pungutan zakat.²¹¹

Walaupun, kos pada tahap awal yang dikeluarkan oleh LZS MAIS adalah agak tinggi untuk membiayai teknik pemasaran, penerangan kepada orang ramai, publisiti dan sebagainya, ramai orang yang berpandangan negatif mengenainya. Tetapi, ia akan memberikan pulangan yang besar dalam jangka masa panjang kepada LZS MAIS. Hal tersebut telah terbukti, secara keseluruhannya jumlah kutipan zakat LZS MAIS bagi tempoh 1995 sehingga 2006 adalah sebanyak RM. 744,333,558.64 daripada jumlah RM. 12,755,296.10 pada tahun 1995, angka ini meningkat sebanyak RM. 149,943,584.69. Data perolehan tersebut menunjukkan peningkatan jumlah kutipan zakat yang berkesan dan terus meningkat dari tahun ke tahun sejak diuruskan secara korporat.²¹²

Apa yang dinyatakan di atas, merupakan bentuk usaha kita sebagai *khalīfah fī al-Ard* sekaligus sebagai *Khādimul Ummah* untuk melaksanakan amanah Allah dengan sebaik-baiknya. Kita umat Islam adalah umat terbaik yang diciptakan di kalangan umat manusia. Oleh itu, berkaitan dengan kualiti kerja, kita diperintahkan oleh Allah SWT untuk memberikan layanan yang terbaik pula untuk kemaslahatan dan kesejahteraan umat manusia. Allah SWT berfirman dalam surah al-Imran ayat 110, yang berbunyi:

²¹¹ *Ibid.*

²¹² Sumber diolah dari data Tuan Haji Ahmad Shahir bin Makhtar, *Ibid.*

Jumlah Kutipan zakat di Selangor dari tahun 1995 sehingga 2006

1995 : 12,755,296.10

1996 : 24,976,271.01

1997 : 26,351,770.72

1998 : 32,932,815.02

1999 : 30,739,165.85

2000 : 39,966,873.24

2001 : 55,160,808.47

2002 : 70,937,300.90

2003 : 78,016,867.05

2004 : 98,734,674.19


2005 : 123,818,131.40

2006 : 149,943,584.69

Jumlah : 744,333,558.64

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ

بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ

بِاللَّهِ 

Ertinya: “Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)”.²¹³

Merujuk kepada pengurusan dalam Islam, ia mempunyai dua matlamat iaitu matlamat jangka panjang dan matlamat jangka pendek. Matlamat jangka panjangnya adalah mengharapkan keredhaan Allah SWT dalam apa sahaja yang kita lakukan, manakala jangka pendeknya adalah pada aspek produktiviti. Yang dimaksudkan dalam hal ini adalah merujuk kepada mendapatkan hasil-hasil yang hendak diperoleh dalam bidang-bidang yang diterokai.²¹⁴

Oleh itu, supaya dua matlamat tersebut dipenuhi, konsep dan nilai-nilai sebagai budaya kerja Islami perlu diterapkan dalam setiap pengurusan kerjayanya. Konsep dan nilai-nilai tersebut adalah seperti berikut :

5. Niat suci dan ikhlas hendaklah selalu disertakan dalam setiap pekerjaan yang baik.
6. Islam mahukan umatnya untuk melakukan yang lebih baik daripada sekadar yang dikehendaki dalam konsep ihsan.
7. Nabi Muhammad SAW adalah ikutan yang terbaik yang *par-excellent*. Kerana itu, sudah menjadi tanggungjawab seorang Muslim untuk melakukan tugasnya dengan cemerlang, cekap dan mahir.

²¹³ Ayat dan terjemahan dinukil melalui media elektronik *Qur'an word*.

²¹⁴ Fadilah Mansor (2006), *Op. Cit.*, 62.

8. Bermuhasabah dan berusaha memperbaiki kelemahan terhadap pekerjaan yang telah dilakukan setiap hari perlu dilakukan oleh seorang Muslim, kemudian berusaha untuk melakukan pekerjaan yang lebih baik pada keesokan harinya.²¹⁵

4.7. Kesimpulan

Kaedah yang digunakan dalam pembayaran zakat di eL-Zawa merangkumi empat cara iaitu dengan cara muzakki datang terus ke pejabat eL-Zawa dan membayar zakatnya, melalui penolakan gaji sebesar 2.5 % setiap bulan daripada pegawai negeri atau pensyarah UIN Malang secara terus oleh bendahari UIN Malang dan diserahkan kepada eL-Zawa, melalui pungutan secara kunjungan ke tempat-tempat tinggal *muzakki* dan yang terakhir melalui pindahan wang terus ke akaun bank yang telah menjadi hak eL-Zawa dalam pengumpulan zakat.

Jumlah pungutan zakat di eL-Zawa masih sedikit dan peningkatannya masih perlahan kerana sumber pungutan zakat yang terhad kepada zakat perseorangan dan majoriti daripada pembayar zakat tersebut hanya berasal daripada pegawai negeri atau pensyarah UIN Malang. Untuk meningkatkan lagi jumlahnya, eL-Zawa harus memperluaskan lagi sumber-sumber kutipan zakat di luar kawasan persekitaran UIN Malang.

Agihan zakat di eL-Zawa dibahagikan kepada dua iaitu konsumtif dan produktif, masing-masing sebanyak 30 % untuk zakat konsumtif manakala 70 % untuk zakat produktif. Zakat yang diagihkan secara konsumtif bertujuan untuk memenuhi keperluan *mustahiq* yang bersifat segera dan diperuntukkan kepada para *asnaf fakir, miskin, ibnu sabil* dan *amil*. Terutamanya *asnaf fakir miskin* yang tidak boleh bekerja lagi dan memerlukan bantuan segera. Manakala, agihan zakat produktif bertujuan untuk membantu *asnaf fakir miskin* yang mampu bekerja dalam meningkatkan taraf ekonomi mereka. Dalam hal ini, program yang diberikan kepada *asnaf* ini adalah pembiayaan *mudharabah, murabahah*, program pendampingan Usaha Mikro Kecil Menengah (UMKM) dan pemberian modal kerja dengan akad *qard hasan* bagi peniaga kecil yang kekurangan modal sehingga perniagaan mereka boleh berkembang dan tidak bergantung lagi pada pertolongan orang lain dan seterusnya membimbing mereka menjadi *muzakki*.

²¹⁵ *Ibid*, 50.

Secara teorinya, agihan zakat harus ditumpukan pengagihannya kepada keperluan konsumtif terlebih dahulu setelah tidak ada lagi *asnaf* yang memerlukan kepada agihan zakat konsumtif ini barulah diagihkan untuk keperluan produktif. Tetapi eL-Zawa lebih memberikan tumpuan pengurusan harta zakatnya kepada zakat produktif. Sedangkan *asnaf* yang masih memerlukan agihan zakat secara segera itu adalah sangat ramai dan tidak mencukupi untuk dipenuhi dengan dana zakat yang ada. Namun, menurut penulis apa yang sudah dilakukan oleh eL-Zawa terhadap harta zakat yang lebih ditumpukan pengendaliannya kepada zakat produktif tetap boleh dilakukan sama ada dengan *muḍārabah*, *murābaḥah* mahupun UMKM yang telah dan sedang dijalankan sehingga kini. Hal tersebut boleh dilihat daripada keadaan sosio-ekonomi masyarakat yang sangat teruk di Malang khususnya dan Indonesia umumnya, hal ini tidak mungkin boleh dipenuhi sekiranya para *mustaḥiq* perlu menunggu lebihan zakat untuk mendapatkan haknya atau dengan kata lain sudah tidak ada lagi *mustaḥiq* yang berhajat kepada agihan zakat. Konsep pengagihan dengan cara ini dianggap lebih sesuai dan lebih memberikan kemaslahatan yang baik untuk menghadapi masalah umat dengan mencegah dan mengurangkan kadar kemiskinan.

BAB V

PENUTUP

5.1. Pengenalan

Kajian ini telah membincangkan beberapa topik penting yang berkaitan dengan pengurusan harta zakat yang telah dilakukan di Pusat Kajian Zakat dan Wakaf (eL-Zawa) yang ada di Universiti Islam Negeri Malang. Tumpuan kajian ini adalah berdasarkan kepada pengurusan harta zakat di eL-Zawa yang berpandukan kepada maklumat yang diperolehi dari data-data di lapangan, sama ada temubual ataupun data-data bertulis seperti mana laporan-laporan berkala, *bulletin* eL-Zawa dan sebagainya.

Daripada hasil kajian ini juga, penulis telah berjaya mendapatkan beberapa rumusan penting serta beberapa saranan yang boleh dijadikan panduan bagi membaiki beberapa permasalahan mahupun kelemahan yang dihadapi eL-Zawa dalam pengurusan harta zakatnya, dengan itu diharapkan akan dapat memartabatkan dan memperkasakan lagi lembaga ini di masa hadapan.

5.2. Rumusan

Berdasarkan perbincangan yang telah dilakukan dalam kajian ini, beberapa kesimpulan telah diperolehi dalam beberapa rumusan sebagaimana berikut:

Pertama, pungutan zakat yang dilakukan oleh eL-Zawa majoritinya masih terhad kepada zakat pendapatan penggajian. Ini memberi kesan terhadap peningkatan jumlah pungutan yang perlahan daripada semasa ke semasa dan cenderung untuk statik. Oleh itu, objek pungutan zakat perlu diperluaskan lagi. Sistem yang digunakan dalam pungutan zakat ini merangkumi empat cara, iaitu membayar zakat terus ke pejabat eL-Zawa, melalui penolakan gaji secara langsung (terhad kepada kaki tangan UIN Malang

sahaja), pungutan secara terus (*door to door*) oleh petugas eL-Zawa dan pembayaran zakat melalui akaun bank eL-Zawa. Sistem pungutan ini perlu dipertingkatkan lagi untuk memudahkan *muzakkī* dalam membayarkan zakatnya kepada eL-Zawa.

Kedua, pengagihan harta zakat yang dilakukan oleh eL-Zawa lebih banyak dibelanjakan ke arah usaha-usaha untuk meningkatkan ekonomi masyarakat atau dikenali sebagai zakat produktif. Hal ini dinilai lebih penting jika dilihat kepada keadaan semasa Indonesia yang belum mampu untuk keluar dari krisis kewangan yang menyebabkan ramai daripada rakyatnya masih dalam golongan miskin dan sebahagiannya kehilangan pekerjaan dan menjadi penganggur. Keadaan yang sangat membimbangkan ini membuat ramai masyarakat mencari alternatif lain untuk memenuhi keperluan hidupnya seharian, salah satunya ialah melalui usaha perniagaan.

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa ramai daripada para peniaga yang berada di Malang yang mengalami kesulitan dalam mendapatkan modal perniagaan sehingga menyebabkan usaha perniagaan mereka susah untuk berkembang. Sekiranya mereka mendapatkan pinjaman modal dari pihak lain, mereka akan dikenakan faedah atau bunga yang sangat tinggi dan terlibat dengan riba. Oleh itu, beberapa program alternatif perlu dilakukan untuk membantu para peniaga dan pengusaha mikro kecil dalam meningkatkan usaha perniagaan mereka.

Beberapa program tersebut ialah, *muḍārabah* iaitu pemberian modal usaha dengan sistem pemberian hasil sama ada dalam bentuk wang tunai, pemberian barang atau jenis usaha untuk dikembangkan seperti jual beli kambing serta ternakan kambing dan lembu. Sistem *Murābahah* pula dimanfaatkan oleh para peniaga untuk menyokong aktiviti perniagaan mereka dalam mencari nafkah misalnya pembelian motosikal, pembelian hartanah, pembelian komputer riba, pembelian haiwan ternakan dan sebagainya.

Program pendampingan Usaha Mikro Kecil Menengah (UMKM) merupakan program eL-Zawa yang diminati ramai. Program ini merangkumi pemberian modal usaha dan pada masa yang sama para peniaga tersebut akan didampingi oleh petugas yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan perniagaan dan kewangan secara berterusan sehingga mereka mampu menguruskan perniagaan mereka sendiri sampai berkembang. Untuk meringankan kerja eL-Zawa dalam bidang ini, ia juga bekerjasama dengan beberapa pondok pesantren yang dinamakan Pondok Zakat. Hasil daripada program ini, lebih kurang seratus peniaga kecil telah berjaya mengembangkan perniagaan mereka. Ini membuktikan bahawa program-program pengagihan zakat produktif yang sudah dilakukan oleh eL-Zawa telah memberikan hasil dan kesan yang positif dalam meningkatkan pendapatan mereka.

Ketiga, terdapat beberapa halangan atau cabaran yang dihadapi eL-Zawa. Secara amnya terdapat dua jenis cabaran iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran;

1. Cabaran dalaman meliputi hal-hal yang berkaitan dengan el-zawa sendiri; seperti kelengkapan peralatan pejabat yang tidak mencukupi, bilangan sumber manusia (kakitangan) yang terhad, kewangan operasional yang terhad serta sumber zakat yang masih terhad kepada zakat perseorangan sahaja.
2. Cabaran luaran pula meliputi pemahaman masyarakat yang masih kurang tentang zakat terutamanya sumber-sumber zakat yang dipertikaikan serta keyakinan masyarakat kepada lembaga pengelola zakat yang masih kurang. Di mana pihak pengelola zakat juga tidak mempunyai kekuatan untuk memaksa masyarakat membayar zakat. Para petugas hanya akan memungut zakat apabila mendapat maklumat atau permintaan daripada *muzakki*.

5.3. Cadangan-cadangan

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, adalah wajar untuk pengkaji mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak eL-Zawa dan pihak pentadbir UIN Malang, dengan harapan boleh memberikan input yang positif untuk mengembangkan dan mengemaskinikan lagi pengurusan zakat di eL-Zawa khususnya dan lembaga-lembaga zakat lain pada umumnya.

5.3.1. Perluasan sumber pungutan zakat.

Sebagaimana yang dimaklumkan sebelumnya, sumber pungutan zakat di eL-Zawa masih tertumpu kepada zakat penghasilan penggajian, manakala sumber-sumber lain yang boleh dikenakan zakat adalah sangat luas. Kepelbagaian sektor pendapatan masyarakat Islam dalam kegiatan ekonomi moden sekarang seperti saham, pelaburan hartanah, perniagaan dengan kepelbagaian, insurans Syari'ah, zakat syarikat, hasil madu dan produk ternakan dan lain-lain merupakan contoh kepelbagaian sektor pendapatan masyarakat yang boleh dijadikan objek pungutan zakat oleh eL-Zawa.

5.3.2. Menyediakan dan melengkapkan keupayaan modal insan.

Dalam mana-mana organisasi, program-program kerja yang elok dicadangkan tetapi tidak disokong oleh modal insan yang baik dan tidak mencukupi keperluan bidang-bidang yang merangkuminya tidak akan membantu program ini untuk berjalan dengan baik. Terutamanya dalam organisasi pengelola zakat kerana ia berkaitan dengan perkembangan masyarakat miskin, menyediakan dan melengkapkan keupayaan modal insan, diperlukan untuk mempertingkatkan kualiti dan kuantiti kerja sesuai dengan tujuan tersebut yang dinyatakan dalam bentuk program kerja.

5.3.3. Per korporatan eL-Zawa.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya eL-Zawa masih dibawah naungan pentadbiran UIN Malang, kutipan dan agihannya akan lebih berkesan berbanding apabila ia masih terikat dengan UIN Malang, kerana semua hal yang berhubung dengan pengurusan dan pentadbirannya tidak perlu menunggu dan mematuhi arahan dan keputusan UIN yang memberi kuasa kepadanya dalam pengurusan zakat.

Perkorporatan lembaga zakat, dalam hal ini dimaksudkan hanya sebagai sebuah strategi di dalam pengurusan harta zakat untuk menjadikannya lebih profesional dan fokus serta meringankan beban universiti dalam mengendalikan harta zakat.

Dalam hal ini, kerjasama daripada pihak UIN Malang sangat diperlukan untuk mencapai matlamat ini dan juga kemajuan eL-Zawa itu sendiri di masa hadapan.

5.4. Kesimpulan

Lembaga zakat mempunyai peranan penting dalam menguruskan dana-dana zakat yang dipungut daripada para *muzakki* yang berkemampuan untuk diagihkan semula kepada *mustahiq* zakat. Kecekapannya dalam menguruskan zakat akan memberi kesan kepada tujuan disyariatkannya zakat itu sendiri iaitu bagaimana zakat yang diagihkan boleh membantu para *mustahiq* yang terutamanya golongan fakir-miskin untuk keluar dari paras kemiskinannya dan meningkatkan kehidupan ekonomi mereka atau bagaimana zakat yang diagihkan boleh membantu meringankan beban fakir-miskin yang kurang upaya dan tidak mampu bekerja di dalam memenuhi keperluan hidup seharian mereka.

Pusat Kajian Zakat dan Wakaf (eL-Zawa) merupakan unit khas di bawah pentadbiran UIN Malang cuba untuk mengubah bentuk-bentuk agihan zakat yang

dinilainya masih bersifat konsumtif tradisional sehingga kurang memberikan kesan yang positif dalam meningkatkan ekonomi masyarakat.

Menerusi program-program yang dijalankannya, eL-Zawa mengharapkan supaya dapat memberi peluang kepada masyarakat untuk membantu mereka dalam mengembangkan usahanya dan meningkatkan kehidupan ekonomi keluarganya.

Melalui penyelidikan dan kajian yang dijalankan, akhirnya penulis memperoleh beberapa kesimpulan daripada permasalahan dan persoalan kajian yang penulis cadangkan dalam penyelidikan ini:

Hasil kajian ini mendapati bahawa pengurusan eL-Zawa masih berada di bawah pentadbiran dan tertakluk kepada peraturan-peraturan dan polisi yang ditentukan oleh UIN Malang. Hal ini secara tidak langsung akan mengehendak tindakan ataupun program-program yang akan dijalankan oleh eL-Zawa.

Daripada segi pungutan yang sudah dilakukan oleh eL-Zawa, didapati bahawa pungutan masih terhad kepada harta-harta tertentu sahaja iaitu masih banyak ditumpukan kepada zakat profesional ataupun zakat daripada penghasilan penggajian kotor terhadap para kakitangan UIN Malang dan orang tua mahasiswa UIN sebanyak 2.5 % dari gaji atau penghasilan mereka setiap bulan, objek pungutan zakat yang terhad ini akan memberikan kesan kepada jumlah agihan yang diperolehi setiap bulan.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya dilihat daripada pelaksanaan agihan, eL-Zawa sudah melaksanakannya dengan baik sesuai dengan syariat dan keperluan semasa. Di mana penumpuan agihan lebih banyak difokuskan kepada zakat produktif seperti UMKM, *muḍārabah*, dan *murābaḥah* dianggap lebih sesuai dan perlu ditingkatkan dan diluaskan lagi pelaksanaannya kepada masyarakat fakir dan miskin untuk memberikan

kemaslahatan yang lebih banyak dalam mensejahterakan ekonomi masyarakat dalam kawasan UIN Malang khususnya dan bandar Malang pada umumnya.

Dalam menjalankan aktiviti, banyak cabaran yang dihadapi oleh eL-Zawa sebagaimana penjelasan sebelumnya. Tetapi dengan segala potensi yang dimilikinya, sumber manusia dan kualiti kerja yang dipertingkatkan lagi disokong oleh kesabaran dan kerja keras, eL-Zawa pasti mampu menghadapi cabaran tersebut.

BIBLIOGRAFI

Rujukan buku-buku berbahasa Melayu :

- Asmadi Mohamed Naem, *Maqāsīd Shari'ah dan Pemikiran Pengurusan Islam*. Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2003.
- Abu Maswah Nasih, *Pengurusan Menurut Ajaran Al-Qur'ān*. Kuala Lumpur: Serambi Timur Sdn. Bhd., t.t.
- Asnaeni, *Zakat Produktif dalam Perspektif Hukum Islam*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2007.
- Abdul Aziz Dahlan, et al., *Ensiklopedi Hukum Islam*. Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, jil. 6, 2006.
- Ahmad Muhammad Yusuf, *Himpunan Dalil dalam al-Qur'ān dan Ḥadīth, cet. 2*. Jakarta: PT. Media Suara Agung, 2008.
- Ataul Haq Pramanik, *Pembangunan dan Pengagihan dalam Islam*, Amar Said (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Abdul Halim El-Muhammady, Perubahan Hukum Muamalah Berdasarkan Teori Fiqh Malaysia: Satu Tinjauan, dalam, “*Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*”, ed. Paizah Hj. Ismail, et. al. Kuala Lumpur: Al-Bayan Corporation Sdn. Bhd, cet. 2, 2004.
- Abdul Haq, et. al, *Formulasi Nalar Fiqh: Telaah Kaidah Fiqh konseptual*, jil. 1. Surabaya: Khalista, cet. 2, 2006.
- Abdul Monir Yaacob, Garis Panduan Agama dalam Pengagihan Zakat, dalam buku, *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif dalam Islam*, Nik Mustapha Nik Hassan (penyunting). Kuala Lumpur: IKIM, 2001.
- April Purwanto, *Panduan Praktis Menghitung Zakat*. Yokyakarta: SKETSA, 2009.
- Afzal-UI-Rahman, *Doktrin Ekonomi Islam*, Zaharah Salleh (terj.), jil. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Didin Hafidhuddin, *Zakat Dalam Perekonomian Modern*, Jakarta: Gema Insani Press, 2002.
- Departemen Agama Republik Indonesia, *Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia*. 2003.
- Departemen Agama Republik Indonesia, *Tafsir The Holy Qur'an Al-Fatih*, Jakarta: Al-Fatih, 2009.
- Fakhruddin. *Fiqh dan Manajemen Zakat di Indonesia*, UIN-Malang Press: Malang, 2008.
- Fadillah Mansor. *Kualiti Kerja Dalam Organisasi: Tinjauan dari Perspektif Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: University of Malaya press, 2006

- Hassan Salleh, et al. *Kajian Fiqh Nabawi & Fiqh kontemporer*, Jakarta: PT Rajagrafindo Persada, 2008.
- Kamus Dewan Edisi Keempat, *Dewan Bahasa dan Pustaka*: Kuala Lumpur, cet. 4., tahun 2010.
- Kamus Pelajar Bahasa Malaysia. *Edisi kedua*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987
- Kamus Dewan. *Edisi keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Kamus Dewan. *Edisi keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Munif Hr. Sulastri. *Istilah Agama Islam Populer*, Jogjakarta: PT. Hanindita Graha Widya, 2002.
- Mahmudi . *Sistem Akuntansi Organisasi Pengelola Zakat*, Yogyakarta: P3EI Press, 2009.
- Mujaini Tarimin. *Zakat Menuju Pengurusan Profesiona*., Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd, 2005.
- M. Quraish Shihab. *Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Quran*, Jakarta: Lentera, cet. VI, 2006.
- Muhamad Abduh. *Zakat Tinjauan Fikih dan Teori Makro Modern*, Jakarta: Fath Publishing, 2009.
- Muhammad Kamal 'Atiyah. *Perakaunan Zakat- Teori dan Praktis*, Mohd. Nor bin Ngah (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Rosli Mokhtar, et al. *Maqāsid al-Syarī'ah; Hikmah di Balik Pensyari'atan*, Shah Alam: Karya Bestary Sdn. Bhd., 2007.
- Syeikh Hassan Ayob. *Fiqh Mu'āmalah*, Abdurrahman saleh Siregar (terj.), Puchong: Berlian Publications Sdn. Bhd., 2008
- Sabitha Marican. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Pearson Malaysia: Selangor, cet. 5, 2005.
- Sudirman. *Zakat Dalam Pusaran Arus Modernitas*, Malang: UIN-Malang Press, 2007.
- Syarif Hidayatullah. *Ensiklopedia Rukun Islam Ibadah Tanpa Khilafiah*, ZAKAT, Jakarta: Al-Kautsar Prima, 2008.
- Syaikh Ahmad bin Musthafa al-Farran. *Tafsīr al-Imām al-Syafī'e'*, terj. Fedrian Hasmand, et al. Jakarta Timur: Al-Mahira, juz. 2, 2008.
- Wahbah Zuhaili *et.al. Al-Mawsū'ah al-Qur'āniyah al-Muyassarah*, terj. Imam Ghazali Masykur *et.al*, Jakarta Timur : Almahira., c. 1, 2008.

Yasin Ibrahim al-Syaikh. *Kitab Zakat, Hukum, Tata Cara dan Sejarah*, Wawan S. Husin, et. al (terj.), Bandung: Penerbit Marja, 2008.

Zainal Abidin. *Cara Pengagihan Dana Zakat: Pengalaman Wilayah Persekutuan*, dalam buku, *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif dalam Islam*, Nik Mustapha Nik Hassan (penyunting), Kuala Lumpur: IKIM, 2001.

Rujukan buku-buku berbahasa Arab:

Abū al-Ḥusain Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Quṣairī al-Naisabūrī. *al-Jāmi' al-ṣaḥīḥ al-Musammā ṣaḥīḥ Muslim*, No. Beirut: Dār al-Afaq al-Jadīdah, juz. III, t.t.

Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Ismā'il al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Zakāh, Bāb Man Aḥabba Ta'jīl al-Ṣadaqah Min Yawmiha*, Kaherah : Almaṭba'ah al-Salāfiyah, juz I, 1400 H.

Abū Abdul Raḥmān Aḥmad bin Syu'aib bin 'Alī al-Kharasānī al-Nasā'ī. *Sunan Abū Dāwūd*, t.t.

Abū Dāwūd Sulaimān bin al-Asy'aṭ. *Sunan Abī Dāwūd*, t.t.

_____, *Sunan Abu Dawud*, Taḥqīq : Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albanī, *Kitāb al-Zakāh, Bāb Fī Zakāh al-Ṣa'imah*, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1417 H.

_____, *Sunan Abū Dāwūd*, Taḥqīq : Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albanī, *Kitāb al-A'imah, Bāb Mā Lam Yudhkar Taḥrīmuh*, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, 1417 H.

Al-Imām Al Ḥaramain. *Al Burhān Fī Uṣūl Al Fiqh*, Abd. Al 'Aẓīm al Dīb (Muḥaqqiq), Qatar: Kulliyah al Syarī'ah, Jāmi'ah Qatar, cet.1, juz 2, 1399 H.

'Ali bin 'Umar Abū al-Ḥasan al-Dāraqutnī, , *Sunan al-Dāraqutnī, Kitāb al-Zakāh, Bāb Laysa Fī Māl al-Mukātib Zakāh*, Beirut : Dār al-Ma'rifah, no. 8, 2:109, 1966.

Ibn Manẓūr. *Lisān al-'Arab*, Beyrut : Dār Ṣādir, v. 14, 1994.

Imām Ibn Taimiyah. *Mawṣū'ah fiqh Al-Sunnah dalam Fiqh al-Zakāh wa al-Ṣiyām*, Beirut : Dār al-Fikr, 1997.

Ibn Ḥajar al-Asqalānī. *Bulūgh al-Marām min Adillatih al-Aḥkām*, cet. Vii, Riyāḍ: Dār al-Salām, 2004.

Jalāluddīn Abd Raḥmān. *Al-Masāliḥ al-Mursalah wa makānatuhā fī al-tasyrī'*, Dār al Kutub al Jāmi'ī, 1983M/1403H.

_____. *Ghāyah al Wuṣūl Ilā Daqāiq Ilm al Uṣūl al Adillah al Mukhtalaf Fīhā*, Ṣubra: Maṭba'ah al Jabalawi, cet 1, 1992M/1413H.

Muḥammad Sa'id Ramaḍān Al Būṭī. *Dawābiṭ al Maṣlaḥah fī al Shari'ah al Islāmiyah*, Beirut: Muassah al Risālah, cet 6, 2000.

- Muḥammad Bakr Ismā'īl. *al-fiqh al-Wāḍi' min Kitāb wa al-Sunnah 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah*, Kaherah: Dār al-Manār, cet. 2, jil. 1, 1997.
- Muḥammad bin Ismail Abū Abdullah al-Bukhāri al-Ju'fi. *Al-Jāmi' al-ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, cet. 3, Beirut: Dār Ibnu Kathīr, juz. 5, 1987.
- _____, *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri, Kitāb al-Imān, Bāb Du'āukum Īmānukum*, Kaherah : Almaṭba'ah al-Salāfiyah, no. 8, 1: 20, 1400 H.
- _____, *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri, Kitāb al-Diyāt, Bāb al-'Ujma' Jabbar*, no. 6913, Kaherah : Maktabah al-Salāfiyah, 1400 H.
- Muḥammad Naṣīruddīn al-Albānī. *Kitāb Sunān al-Tiuridhī*, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, cet. 1, t.t.
- Muṣṭofā al-Khīn, et. al. *al-Fiqh al-Manhajī 'Alā Madhhabī al-Imām al-Syafīe'*, juz. 2, cet. 4, Damsyiq: Dār al-Qalam, 1413 H/1992 M.
- Sa'aduddīn Mas'ad Hilalī. *Aḥkām al-'Ibādah: Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah*, Kaherah : Jamī'yah al-Azhār, 2006.
- Usmān Ḥusain 'Abdullāh. *al-Zakāh : al-Ḍomah al-Ijtimā'ī al-Islāmī*, Kaherah : Dār Wafā, 1989.
- Waḥbah al-Zuhaylī. *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Damsyiq: Dār al-Fikr, juz. 2, 1989.
- Yusūf al-Qārāḍawī. *Fiqh al-Zakāh*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, cet. 24, 2000.

Jurnal-jurnal dan Paper Pembentangan :

- Abu Sufian bin Abu Bakar, et.al. *Baitul Mal dan Kemiskinan di Kuala Lumpur: Program Agihan Zakat dalam Bentuk Perniagaan*, Working Paper in Islamic and Finance, Universiti Kebangsaan Malaysia, no. 0206, t.t.
- Ahmad Hidayat Buang. Kutipan dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi Tempoh 1985-1995: Satu Pemerhatian, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: *Jurnal Syari'ah*, jil. 7, vol. 2, 1999
- Abd Halim Mohd Noor, et al. *Keberkesanan Pengagihan Dana Zakat di Malaysia: Kajian Kes di Negeri-Negeri Terpilih*, Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar dan Ekspo Zakat Asia Tenggara, "Peranan Perguruan Tinggi Dalam Membangun Peradaban Zakat Asia Tenggara, Universiti Islam Negeri (UIN), Malang, Jawa Timur, 21-24 Nopember 2006.
- Hairunnizam Wahid, et al. Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati, *Jurnal Syariah*, Jil. 17, vol. 1, 2009.

- _____, *Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia*, kertas kerja dalam Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan, anjuran Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 10-11 Februari 2009.
- Haji Mohamed Izam b. Mohamed Yusof, *Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Mengorak Langkah Meneraju Perubahan*, Paper pembentangan LZS, USM, 2010.
- Jamadi. *Kebijakan Ekonomi Umar bin Al-Khattab: Studi Deskriptif-Analisi terhadap Kebijakan Fiskal pada Masa Pemerintahan Umar bin al-Khattab*, Antologi Kajian Islam, t.t.
- Kamil Md. Idris. *Kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji*, *Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jilid 6, 1996.
- Mohd Ali Mohd Nor, et al. *Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia*, *Jurnal Islamiyyat*, ed. 26. jil. 2, vol. 59-67, 2004.
- Muhammad Syukri Salleh. *Lokalisasi Zakat: Satu Cadangan Teoritis*, kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Pakar Zakat anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.
- M. Shiddiq Al-Jawi. *Reinterpretasi Alokasi zakat : Mengkaji Ulang Mekanisme Distribusi Zakat dalam Masyarakat Modern*, *Jurnal Ekonomi Rakyat*, V., 2004.
- Mila Sartika. *Pengaruh Pendayagunaan Zakat Produktif terhadap Pemberdayaan Mustahiq pada LAZ Yayasan Solo Peduli Yogyakarta*, *Jurnal Ekonomi Islam La_Riba*, Vol.2, No.1, 2008.
- Mohd abd Wahab Fatoni Mohd Balwi, et al. *Mobilisasi Zakat Dalam Perwujudan Usahawan Asnaf: Satu Tinjauan*, *Jurnal Syari'ah*, Jil. 16, ed. Khas, 2008.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid, "Gaji dan Pendapatan Profesional", *Jurnal Syari'ah*, APIUM, Khairum Ilmu Interprise, Shah Alam, Jil. 1, Jan-Jun 1993.
- _____, *Memperkasa Pengurusan Zakat di Wilayah Persekutuan*, kertas kerja ini dibentangkan di seminar perancangan strategik 5 tahun majlis agama islam wilayah persekutuan (maiwp), 2009.
- Patmawati Bte Hj. Ibrahim. *Peranan Agihan Zakat dalam Meningkatkan Ekonomi Ummah*. http://zakat.com.my/kertas_kerja/Patmawati.pdf, 2007.
- _____, *Pembangunan Ekonomi melalui Agihan Zakat : Tinjauan Empirikal*, *Jurnal Syari'ah*, jil. 16, Bil. 2, Vol. 223-224, 2008
- Romansyah Harul. *Studi Tentang Amil Zakat*, *Jurnal MAZAHIB STAIN Samarinda*, Vol. IV. No.2, 2007.
- Sanep Ahmad, et al. *persepsi Agihan Zakat dan Kesannya terhadap pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal*, *Jurnal Ekonomi Malaysia* 39, Vol. 53-69, 2005.

Sri Giyanti. *Zakat*, Buletin Ekonomika dan Bisnis Islam Feb UGM Le Bishawab, Vol.1, No. 4, 2007.

Tuan Haji Ahmad Shahir bin Makhtar. *Paradigma Pengurusan Institusi Zakat: Pengalaman Lembaga Zakat Selangor (MAIS)*, PWTC: Persidangan Cukai & Zakat Kebangsaan, 2 Mei 2007.

Zulfahmi Bustami. Argumentasi Positifikasi Hukum Zakat di Indonesia, *Jurnal Hukum Islam UIN Sultan Syarif Kasim: Pekanbaru Riau*, Vol.VII, No. 5, 2007.

Suhaili Sarif, et al. A Theoretical Discussion of Zakah for Income Generation and It's *Fiqh Issues*, *Syariah Journal*, Jilid 17, bil. 3, 2009.

Tesis :

Armiadi Musa Basyah. *Tesis Ijazah doktor Falsafah Syariah*, Universiti Malaya, 2008.

Rujukan dari laman web dan bulletin:

<http://www.bisnis.com>. diakses pada 15 jun 2011.

<http://bataviase.co.id>. 1 july 2010

<http://news.okezone.com>, akses pada 3 Desember 2010.

<http://gratis45.com/ekonomi/commentesb009.html>

<http://uin-malang.ac.id/2011>

<http://www.xe.com/>. Diakses pada 31 Januari 2013.

<http://ekonomi.kompasiana.com>

<http://baznas.or.id>

<http://www.elzawa-uinmaliki.org>, 5 July 2013

Tempo Interaktif ; <http://202.158.52.210/hg/nasional/2009/01/17/brk,20090117-155672,id.html>. 1 july 2010

<http://islamshout.blogspot.com/2012/04/prosentase-agama-yang-benar-menurut.html>, dicapai 26 April 2012

www.bps.go.id. dicapai pada 1 Juli 2010

www.ppimalaysia.org, 1 July 2010

www.kemenag.go.id, 1 July 2010

Berita Resmi Statistik, Badan Pusat Statistik, No. 45/07/Th. XIII, 1 Juli 2010.

Buletin eL-Zawa, ed. 24, th. 02-07 November 2008.

Buletin eL-Zawa, ed. 40, th. 3-6 November 2009.

Laporan Kegiatan eL-Zawa pada Semester Pertama tahun 2007.

Warta eL-Zawa, Profil UMKM dan Pondok Zakat, edisi oktober 2009.

Senarai Responden Temubual

1. Rektor UIN Malang, Prof. Dr. Imam Suprayogo
2. Ketua eL-Zawa, Sudirman, MA.
3. Setiausaha eL-Zawa, M. Thoriquddin, Lc.
4. Bendahari eL-Zawa, Ibu Isnaeni Hartiningsih, S.Si.
5. Setiausaha Yayasan Yatim Mandiri Surabaya, Yusuf Zain, MM.